



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5331]

KENYATAAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN:

Rang Undang-undang Perindustrian Saham [Ruangan 5368]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5369]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 19 [Ruangan 5370]

Kepala B. 20 dan 21 [Ruangan 5419]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibekaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 5367]

Anggaran Pembangunan, 1973:

Kepala P. 19 [Ruangan 5370]

Kepala P. 20 dan 21 [Ruangan 5419]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Isnin, 22hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI NIK AHMED KAMIL D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., (Ulu Kelantan).
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER @ JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

Yang Berhormat PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

- „ Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- ” Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- ” TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- ” TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk Sugut).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- ” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- ” TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- ” TUAN HAJI MOHAMED CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MUHAMAD YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- ” TUAN MUHAMMED FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- ” DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- ” TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI KE MOSCOW

1. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan semasa lawatan rasmi beliau ke Moscow baru-baru ini adakah Kerajaan Soviet menyokong konsep terhadap Pengecualian Asia Tenggara dan nyatakan khasnya dasar Soviet Union terhadap pengkalan-pengkalan tentera asing di setengah-setengah negara ASEAN termasuk negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telahpun terangkan hal ini dalam jawapan kepada soalan yang sama, iaitu tujuan lawatan saya itu bukanlah untuk mendapat sokongan Soviet Union terhadap cadangan pengecualian kita. Butir-butir berkenaan cadangan itu mestilah terlebih dahulu dibincangkan dan dipersetujui oleh negara-negara wilayah ini. Apabila persetujuan telah dicapai barulah "approach" yang resmi dibuat untuk mendapatkan sokongan dari kuasa-kuasa penjamin.

Walaubagaimanapun saya telah mengambil peluang semasa lawatan saya ke Moscow untuk memberi penerangan kepada Ketua-ketua Soviet sebab dan tujuan kita mengemukakan cadangan Pengecualian itu.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Apakah sikap atau pendirian Kerajaan jika Britain atau Amerika meminta sokongan kita untuk menyekat pengaruh Russia di rantau ini?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini hypothetical question, soal "jika" tidak boleh jadi.

Tuan Mustapha bin Hussain: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Masaalah pengkalan tentera-tentera asing di negara ASEAN sekarang ini adalah menjadi masalah yang hangat. Apakah dasar Kerajaan tentang diadakan tentera-tentera asing di negara kita?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Perkara itu tidak bersangkut dengan soal atau pertanyaan asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bagaimanakah sikap Malaysia sebagai anggota ASEAN terhadap kenyataan Perdana Menteri Singapura, baharu-baharu ini bahawa tentera-tentera Amerika yang bertempat di negeri Thai patut dikekalkan, walaupun selepas tentera Amerika telah diundurkan daripada Vietnam Selatan?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itupun tidak bersangkut.

PROJEK PEMBANGUNAN— KEKURANGAN JURUTERA

2. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menjelaskan bagaimana seriousnessnya masalah kelambatan bagi melaksanakan projek pembangunan kerana kekurangan Jurutera-jurutera dan nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengambil dan melatih lebih ramai lagi Jurutera-jurutera.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, kekurangan jurutera-jurutera dalam mengendalikan projek-projek pembangunan tidaklah menimbulkan masalah kelambatan yang serious.

Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan supaya kelambatan tidak berlaku dalam menyelenggarakan projek-projek pembangunan tersebut. Langkah-langkah yang diambil termasuklah mengambil secara kontrek jurutera-jurutera dari luar negeri seperti dari Sri Lanka, India, Filipina dan Korea. Tindakan sedang diambil untuk mendapatkan jurutera-jurutera daripada Burma, Pakistan, Mesir dan Thailand untuk berkhidmat di negara ini. Dalam pada itu beberapa projek pembangunan yang tidak dapat diselenggarakan oleh Jabatan Kerjaya telah diberi kepada syarikat-syarikat perunding dari pihak swasta untuk diselenggarakan.

Selain daripada itu Kerajaan telah mengeluarkan biasiswa-biasiswa untuk melatih bakal-bakal jurutera bagi memenuhi kehendak-kehendak Jabatan Kerajaan dan

menghantar keluar negeri pembantu-pembantu teknik yang sedang berkhidmat untuk mengambil kursus kejuruteraan.

PERJANJIAN KERJASAMA EKONOMI/TEKNIK DENGAN RUSSIA

3. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada Republik Soviet akan membantu kita dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun yang akan datang dan jika ia, dalam segi apa.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya telah menjawab soalan yang sama pada 4hb Disember, 1972 di Dewan ini. Seperti yang telah saya nyatakan, kami telah menandatangani satu Perjanjian Kerjasama Ekonomi dan Teknik dengan Kerajaan Soviet Russia dan saya berharap perbincangan-perbincangan yang lanjut yang akan dijalankan akan membawa kepada persetujuan kerjasama tentang hal-hal tertentu. Pihak Russia telah menyatakan kecenderongan mereka untuk membantu kita dengan projek Tembeling Hydro-electric, perlombongan tepi pantai dan sebagainya. Perbincangan resmi mengenai projek Tembeling Hydro-electric sekarang ini sedang dijalankan.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan soalan No. 3, saya hendak bertanya Perdana Menteri mengenai satu soalan tambahan. Berapa banyak bantuan wang dan teknik yang telah kita perolehi setakat ini dari USSR dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya sudah jawab tadi. Kita baharu memulakan perundingan untuk mendapatkan bantuan.

PENUNJUK HARGA RUNCIT (RETAIL PRICE INDEX)

4. Tuan Chan Fu King minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah diambil atau akan diambil untuk mengadakan sistem baharu bagi mengira penunjuk-penunjuk harga runcit untuk menggantikan sistem yang tidak sesuai seperti yang ada sekarang yang akan menggambarkan satu kemajuan yang baik dalam perjalanan harga barang-barang runcit.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa sistem bagi mengira penunjuk-penunjuk harga runcit (retail price index) sekarang tidak berapa memuaskan. Tindakan sedang diambil bagi memperbaiki keadaan ini.

Memandang kepada perubahan dalam corak perbelanjaan isi rumah sekarang berbanding dengan coraknya dalam tahun 1959, iaitu tahun asas index lama, maka dalam sistem baru yang sedang dirangka item-item perbelanjaan diberi penilaian semula mengikut keutamaan item-item itu dalam belanjawan isi rumah. Index sementara ini menggunakan asas tahun 1967 dengan angka 100.

Index ini diberi nama yang sesuai, iaitu, "Consumer Price Index" (CPI). Sebelum sistem index baru itu dapat dilaksanakan, penyiasatan-penyiasatan perlulah dilakukan. Dari itu satu Penyiasatan Belanjawan Isi Rumah (Household Budget Survey) telah dimulakan pada bulan ini (Januari 1973) dan dijangka mengambil masa lamanya satu tahun.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

5. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan iaitu dalam rangka lawatan beliau ke tiap-tiap Kementerian untuk memastikan supaya semua projek Kerajaan dilaksanakan dengan pesat, teratur dan berjaya nyatakan Kementerian manakah yang benar-benar bertanggungjawab dan kemas-kini dalam artikata yang sebenarnya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, lawatan-lawatan saya ke Kementerian-kementerian ialah untuk melihat bahawa projek-projek Kerajaan yang ditugaskan kepada tiap-tiap Kementerian dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan dan berdasarkan kepada matlamat-matlamat yang tertentu. Dalam pada itu juga saya dapat mengetahui sendiri masalah-masalah yang mereka hadapi dalam menjalankan dasar-dasar Kerajaan dan di mana yang difikirkan perlu dan sesuai memberi keputusan serta-merta atau "on the spot". Keputusan adalah dibuat.

Oleh kerana peranan tiap-tiap satu kementerian adalah berlainan coraknya di antara satu dengan lain, maka tidaklah mungkin bagi saya menyatakan bahawa sesuatu Kementerian itu lebih kemas atau cekap daripada yang lain. Dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan kerjasama yang rapat di antara Kementerian-kementerian adalah perlu.

Dalam pada itu, Kerajaan sedang menjalankan kajian semula di setengah peringkat Rancangan Malaysia Kedua. Apabila kajian itu selesai, maka dapatlah kita mengetahui secara umum sejauh mana Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan telah berjaya melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Perdana Menteri bercadang hendak membuat lawatan-lawatan serupa ini pada tiap-tiap tahun?

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, itu hak saya membuat lawatan, bila saya fikir perlu, saya buat lawatan.

Tuan Ng Hoe Hun: Dalam lawatan itu, Kementerian manakah yang didapati mundur sekali dan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi kemunduran ini?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soalan itu sudah dijawab tadi.

PROJEK PEMBANGUNAN—PERATUS PERLAKSANAAN

6. Tuan Mohd. Tahir bin Hj. Abdul Manan (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa tahun pertama dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua telah berlalu samada 20% daripada projek-projek pembangunan telah dilaksanakan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, adalah sukar bagi menjawab soalan ini dari segi peratusan pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua kerana tiap-tiap projek mempunyai peringkat pelaksanaan yang berlainan. Setengah-tengah projek pembangunan dapat dilaksanakan dalam masa tahun pertama Rancangan Malaysia Kedua dan setengah-tengah pula mengambil masa ke seluruh jangka masa Rancangan Malaysia Kedua

itu. Walaubagaimanapun, mengikut Laporan-laporan yang telah diterima, kemajuan pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah memuaskan.

PEMAJU RANCANGAN PERUMAHAN

7. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa aduan-aduan yang telah dibuat terhadap pemaju-pemaju rancangan perumahan (housing developers) jika ada dan nyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, semenjak berkuatkuasanya Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1969, sebanyak lebih kurang 20 aduan telah diterima. Aduan-aduan tersebut disiasat dengan merujukkannya kepada pemaju-pemaju berlesen yang berkenaan untuk ulasan serta penjelasan mereka. Jika penjelasan tersebut didapati memuaskan, maka penjelasan itu adalah disampaikan kepada orang-orang yang membuat aduan itu. Sebaliknya jika penjelasan daripada mereka itu didapati tidak memuaskan, pemaju-pemaju yang berkenaan itu adalah diarahkan supaya mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbaiki perkara-perkara yang diadukan itu. Sekiranya pemaju itu tidak mematuhi arahan tersebut, tindakan-tindakan terhadap mereka bolehlah diambil mengikut peruntukan-peruntukan di bawah seksyen 11, 12 dan 13 Akta (Mengawal dan Melesen) Pemaju-pemaju Perumahan, 1969. Aduan-aduan umum yang disiarkan dalam akhbar-akhbar adalah disiasat dengan cara mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil daripada Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan. Misalnya, baru-baru ini suatu berita telah tersiar dalam suatu akhbar tempatan berkenaan dengan "transfer fee racket". Bahagian Perumahan dari Kementerian saya bersama-sama Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji hal ini untuk mengambil tindakan terhadap perkara tersebut.

Jika Ahli Yang Berhormat itu ada aduan-aduan yang tertentu dalam hal ini, silalah beri butir-butir yang lanjut kepada Kementerian saya untuk tindakan sewajarnya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar antara aduan-aduan daripada pembeli-pembeli rumah daripada pemaju-pemaju rancangan perumahan ialah pemaju-pemaju charge tanah itu dengan bank dan apabila tiba masa tidak boleh memberi Q.T. (Qualified Title) kepada pembeli-pembeli rumah itu. Jika beliau sedar, apakah tindakan beliau akan ambil terhadap perkara ini?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Silalah Ahli Yang Berhormat itu lanjutkan perkara itu kepada Kementerian saya dan tindakan akan diambil.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, adakah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar bahawa di sekeliling Kuala Lumpur ada beberapa pemaju-pemaju rancangan perumahan (housing developers) yang mana jalan, longkang, lampu, kesihatan, semuanya tidak sesuai atau lengkap. Jika beliau sedar, apakah langkah beliau akan ambil terhadap kesulitan-kesulitan ini terhadap penduduk-penduduk di rancangan perumahan ini?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Silalah Ahli Yang Berhormat itu beri sekali lagi butir-butir yang lengkap. Kita akan mengambil tindakan.

TABONG SIMPANAN WANG ANTARABANGSA

8. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan bahawa Tabong Simpanan Wang Antarabangsa di dalam cadangan mengukuhkan atau memulehkan "A Special Drawing Rights (SDR)" supaya pada masa yang akan datang cuma emas dan SDR sahaja akan digunakan sebagai simpanan antarabangsa dan ringgit Amerika dan pound sterling hanya sedikit ataupun tiada langsung mendapat tempat di dalam simpanan-simpanan ini apakah reaksi Kerajaan Malaysia terhadap perkara ini dan apakah kesannya terhadap matawang kita.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin sedar iaitu segala persoalan mengenai pembaharuan kewangan antarabangsa adalah sedang dikaji semula pada masa ini oleh Jawatankuasa Lembaga Gabenur-gabenur mengenai Pembaharuan Sistem

Kewangan Antarabangsa dan perkara-perkara yang berkaitan, yang lebih terkenal sebagai Jawatankuasa Dua Puluh. Jawatankuasa ini akan memeriksa secara detail peranan masa hadapan harta-harta cadangan seperti emas, SDR (Special Drawing Rights) Ringgit Amerika Syarikat dan pound sterling di dalam sebarang bentuk baharu yang dicadangkan. Sehingga Jawatankuasa ini menamatkan pengkajiannya, adalah terlalu awal bagi saya membuat komen tentang hubungan yang tepat di antara berbagai-bagai harta cadangan itu. Walaupun tidak mungkin pada peringkat ini hendak meramal peranan emas di dalam sebarang sistem yang mungkin diciptakan untuk masa hadapan, tetapi nampaknya emas akan terus memainkan peranan utama di dalam sistem kewangan antarabangsa untuk masa yang lama lagi, kerana ia diterima di seluruh dunia dan akan terus seperti itu untuk sejauh masa hadapan yang dapat diramalkan. Taraf masa depan SDR bergantung sebahagian besarnya kepada sejauh mana penerimaannya oleh ahli-ahli Tabung Wang Antarabangsa. Tambahan pula, walaupun pada umumnya diterima wang ringgit Amerika Syarikat dan pound sterling patut mempunyai peranan yang berkurangan sebagai harta-harta cadangan di masa hadapan, saya patut menyatakan iaitu matawang-matawang ini akan terus kekal sebagai matawang-matawang perdagangan yang utama. Dengan ini kita masih perlu memegang sejumlah matawang-matawang ini, terutamanya ringgit Amerika Syarikat, yang semenjak 23hb Jun yang lalu telah menjadi matawang campurtangan (intervention currency) kita.

Saya ingin menakutkan ahli-ahli Yang Berhormat iaitu sebagai seorang yang bersekutu dengan Jawatankuasa Dua Puluh, Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mencuba sedaya upaya untuk menentukan yang keputusan-keputusannya itu tidak akan memberikan akibat buruk kepada Malaysia atau, untuk perkara ini, seluruh dunia yang sedang maju.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi satu gambaran, kalau saya tidak silap dalam beberapa masa yang lampau, Menteri Kewangan ada memberi pandangan supaya bahan-bahan mentah seperti bijih, getah dan kelapa sawit dijadikan sebagai asas pembayaran menggantikan

emas dan lain-lain. Apakah reaksi dan juga langkah Kerajaan untuk mencapai tujuan itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, reaksi secara muktamad belum dicapai lagi, tetapi perkara ini telah dikemukakan oleh pihak Malaysia khususnya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan telah disampaikan kepada pihak-pihak yang berkuasa berkenaan dengan kewangan di negeri-negeri terutama sekali di negeri-negeri yang sudah maju dan mereka menyatakan bahawa mereka akan bersama-sama menimbangkan perkara ini.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Selain daripada menunggu reaksi, adakah pihak Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan yang sungguh-sungguh supaya dengan cara itu kedudukan kewangan kita dan memandang kepada bahan-bahan mentah sangat menasabah dijadikan asas pembayaran dilaksanakan dalam tempoh seberapa segera?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi, perkara menyusun semula sistem kewangan antarabangsa adalah sedang dalam kajian oleh apa yang selalu kita panggil Jawatankuasa Dua Puluh dan perkara ini memang sedang diusahakan oleh pihak Malaysia terus-menerus.

BANTUAN MAKANAN KEPADA MURID-MURID—RANCANGAN

9. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kerajaan akan menambah bantuan makanan kepada murid-murid sekolah di kawasan luar bandar sekarang ini, terutama sekali di Sarawak.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Kementerian Kebajikan Am Persekutuan tidak menyelenggarakan rancangan bantuan makanan kepada murid-murid sekolah sepertimana yang dirujuk oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, rancangan ini diselenggarakan oleh Perkhidmatan Kebajikan Katholik dengan kerjasama dari Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan sukarela di Sarawak yang ingin menganjurkan rancangan ini ke sekolah-sekolah.

Saya diberi jaminan iaitu Perkhidmatan Kebajikan Katholik sangat sukacita memperluaskan rancangan bantuan makanan ini ke sekolah-sekolah di luar bandar jika diminta berbuat demikian dengan syarat jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang berkenaan yang menganjurkan rancangan ini membayar harga pengangkutan dalam negeri untuk menghantar barang-barang makanan itu, dan juga sekolah-sekolah yang ingin mengambil bahagian dalam rancangan ini mempunyai kemudahan-kemudahan yang perlu untuk memasak barang-barang makanan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri berpuashati dengan bantuan makanan atau buku-buku yang diberi kepada kanak-kanak sekolah di luar bandar di seluruh Malaysia?

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, soalan ini bolehlah dikemukakan berhubung dengan memberi makanan ke sekolah-sekolah di Sarawak.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya nampak soalan ini tidak kata Sarawak.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Sila tanya apa yang hendak ditanya.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya minta Yang Berhormat Menteri beri jawapan kepada soalan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa soalan asal itu berkenaan dengan bantuan makanan di Sarawak. Itu jawapan Menteri.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya kata "seluruh Malaysia". Kalau tidak mahu jawab, saya beri soalan tambahan (*Ketawa*). Bolehkah saya bertanya, Tuan Yang di Pertua?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Kalau betul, saya benarkan.

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan atau memberi personal attention terhadap rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh ibubapa nanti?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Rayuan yang dibuat oleh ibubapa berkenaan dengan masalah apa?

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan makanan, Tuan Yang di Pertua.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, buat masa ini Kementerian Kebajikan Am tidak ada mengadakan rancangan makanan ke sekolah-sekolah.

Tuan Ng Hoe Hun: Bilakah hendak dibuat? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Perkara itu bersangkutan dengan soalan.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Apa yang ada hari ini, Tuan Yang di Pertua, di Malaysia Barat ini juga bantuan makanan yang dihantar ke sekolah-sekolah itu adalah dianjur atau diusahakan oleh sebuah badan sukarela iaitu Majlis Pusat Kebajikan Masyarakat. Kalau beliau ada dapati sekolah-sekolah di kawasanya itu yang belum menerimanya, silalah berhubung dengan badan itu.

CHIT FUND—UNDANG-UNDANG MENGAWAL

10. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah niat atau dasar Kerajaan terhadap "Chit Fund";
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa sungguhpun Kerajaan telah mengadakan sekatan, namun ada Perbadanan-perbadanan "Chit Fund" yang tertentu yang ditubuhkan;
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa banyak ahli-ahli "Chit Fund" telah tertipu oleh Perbadanan "Chit Fund" yang berkenaan dalam tawar-menawar yang tidak "adil"; dan
- (d) samada Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah "Chit Fund" yang tertentu tiada menyatakan bilangan dan nama-nama ahlinya pada masa-masa mengundi yang tertentu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua,

(a) Adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengadakan satu undang-undang untuk mengawal perjalanan perniagaan syarikat-syarikat chit fund. Rang undang-undang mengenai perkara ini telahpun dibacakan pada kali pertama di dalam Persidangan Parlimen yang lepas tetapi pembacaannya bagi kali kedua telah ditunda memandangkan perkembangan di negeri jiran di mana beberapa syarikat chit fund telah melanggar peruntukan-peruntukan undang-undang. Kesan dari kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat chit fund tersebut telah terlibat kepada syarikat-syarikat di negeri ini kerana syarikat-syarikat itu telah membuka cawangan-cawangan perniagaan di Malaysia. Apabila keadaan ini telah dapat diselesaikan, saya mungkin membawa Rang Undang-undang ini kembali ke Parlimen dengan diubahsuai jika perlu.

(b) Kerajaan tidak mengetahui tentang adanya syarikat-syarikat chit fund yang ditubuhkan setelah Akta (Larangan) Kumpulanwang Kootu, 1971 dikuatkuasakan pada 18hb Februari, 1971. Walaubagaimanapun, beberapa syarikat chit fund yang pada tarikh itu sedang menjalankan perniagaan telah diberi kebenaran di bawah Seksyen Kecil 3 dalam Seksyen 8 Akta tersebut untuk meneruskan perjalanan chit fund yang masih belum selesai pada masa Akta (Larangan) Kumpulanwang Kootu ini dikuatkuasakan. Ke semua syarikat chit fund telah menyelesaikan perjalanan melainkan satu syarikat sahaja yang telah diberi lanjutan masa sehingga 28hb Februari, 1973.

(c) Kerajaan juga sedar bahawa setengah-setengah penyumbang telah tidak dipulangkan wang sumbangan yang telah mereka bayar. Di antara sebab-sebab yang syarikat-syarikat chit fund gagal mengembalikan wang-wang sumbangan ini termasuklah:

- (i) kegagalan oleh pengundi-pengundi yang telah berjaya untuk

membayar balik wang yang dikehendaki dibayar kepada syarikat, dengan sebab ini maka syarikat tersebut tidak dapat mengumpulkan cukup wang untuk membayar peserta-peserta yang berjaya selepas mereka; dan

- (ii) kegagalan penyumbang-penyumbang membayar terus sumbangan yang dikehendaki dalam masa perjalanan satu-satu kumpulan chit fund, yang demikian menyebabkan perjalanan kumpulan chit fund itu tidak dapat diselesaikan.

Pada masa ini beberapa syarikat chit fund sedang mengambil tindakan mahkamah terhadap peserta-peserta yang telah berjaya dan yang gagal membayar wang yang dikehendaki dibayar oleh mereka. Belum ada kes-kes penipuan telah dilaporkan ke Pejabat Pendaftaran Syarikat sehingga sekarang.

- (d) Sehingga sekarang tidak ada sebarang aduan dari pihak orang-ramai dan pihak yang tidak berpuashati mengenai nombor dan nama ahli-ahli yang mengambil bahagian di dalam undian tidak dibentangkan.

ORDINAN KESATUAN SEKERJA— PINDAAN

11. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat samada beliau akan meminda Ordinan Kesatuan Sekerja untuk membolehkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia didaftarkan sebagai sebuah Kesatuan Sekerja supaya ianya dapat bergerak lebih licin dan teratur lagi.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, soal samada perlu atau tidak bagi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia didaftarkan di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja adalah sedang dikaji oleh Kementerian saya sekarang.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soal tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu Dewan ini, berapa lama agaknya boleh mendapat satu jawapan?

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, saya rasa soalan Ahli Yang Berhormat itu sungguhpun terkeluar daripada soalan ini iaitu berapa lama hendak menentukan, saya rasa, itu adalah terpulang kepada Kementerian saya untuk menentukan.

BUKU-BUKU BAHASA MALAYSIA DI PERPUSTAKAAN

12. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada Perpustakaan Negara dan perpustakaan awam dilengkapkan secukupnya dengan buku-buku dalam Bahasa Malaysia, langkah-langkah yang telah diambil untuk menterjemahkan kelasik-kelasik barat dan timur, terjemahan majallah-majallah sains dan teknik, dan bilangan kakitangan yang giat menjalankan proses ini.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, Perpustakaan Negara menerima dua salinan tiap-tiap buku yang diterbitkan dalam negeri ini di bawah Undang-undang Pemeliharaan Buku-buku 1966. Dengan yang demikian ianya akan mempunyai semua buku yang dikeluarkan dalam Bahasa Malaysia di negeri ini. Perpustakaan-perpustakaan awam pula tidak mempunyai kemudahan seperti ini dan oleh itu apa-apa buku di dalam Bahasa Malaysia yang diperolehi oleh mereka adalah bergantung kepada dasar pembelian buku mereka sendiri dan juga peruntukan wang yang ada.

Perpustakaan-perpustakaan Awam adalah di bawah kawalan Kerajaan-kerajaan Negeri, Penguasa-penguasa Tempatan atau Perbadanan Perpustakaan Awam. Perpustakaan Negara mempunyai wakil di dalam Perbadanan-perbadanan Perpustakaan Awam dan oleh yang demikian Perpustakaan Negara berpeluang untuk memberi panduan kepada Perbadanan-perbadanan ini di dalam perkara pembelian buku-bukunya. Pada ketika ini hanya tiga Perbadanan Perpustakaan Awam telah diwujudkan dan pada masa ini cuma satu sahaja yang mula bertugas dan Perbadanan ini memberikan keutamaan yang tinggi kepada perolehan bahan dalam Bahasa Malaysia.

Mengenai perkara penterjemahan klasik-kelasik dan sebagainya, langkah ini tidak diambil oleh mana-mana badan di bawah jagaan Kementerian saya. Setahu saya, penterjemahan buku-buku dan karya-karya ke dalam Bahasa Malaysia pada ketika ini dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan penterjemahan buku-buku sains dan teknik daripada bahasa-bahasa lain ke Bahasa Inggeris dijalankan di Pusat Penyelidikan Getah, tetapi saya kurang tahu samada buku-buku sains dan teknik dalam bahasa-bahasa lain dan diterjemahkan ke Bahasa Malaysia oleh mana-mana pihak ajensi Kerajaan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara penterjemahan buku-buku ke Bahasa Malaysia bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Bangunan Perpustakaan Negara kita ada di mana dan adakah atau tidak Yang Berhormat Menteri pernah pergi ke Perpustakaan Negara kita itu?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu tidak berbangkit dengan soalan asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak tahu di mana

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh bertanya pada ketika yang lain. Soalan tambahan tadi tidak berbangkit dengan soalan yang asal.

KEMALANGAN-KEMALANGAN KERETAPI

13. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan bilangan kemalangan-kemalangan keretapi di antara 1hb Januari, 1972 hingga 30hb November, 1972, dan jumlah kerugian di dalam kemalangan-kemalangan ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, angka-angka kemalangan keretapi yang melibatkan orang yang ketiga (3rd party) yang berlaku di antara 1hb Januari 1972 hingga 30hb November, 1972 adalah seperti berikut:

(a) Kemalangan kepada manusia

	Mati	Cedera
(i) Kakitangan Keretapi ...	1	35

	Mati	Cedera
(ii) Penumpang-penumpang	—	11
(iii) Trespassers atau orang-orang melanggar undang-undang	27	22

(b) Kemalangan-kemalangan di Lintasan Rata (level crossing):

- (i) Perlanggaran dengan kenderaan jalanraya ialah 9.
- (ii) Kematian akibat daripada perlanggaran ini ialah 15 orang dan cedera 39 orang.

Jumlah kerugian bagi (i) Kemalangan Kakitangan Keretapi dan (ii) Kemalangan kepada Penumpang-penumpang yang berlaku bagi 1972 tidak dapat diberi kerana Pentadbiran Keretapi masih lagi mengambil langkah pentadbiran untuk menentukan jumlah ganti rugi. Mengenai kemalangan ke atas Trespassers atau mereka yang melanggar undang-undang sebab itu dia terlanggar dengan keretapi, tak sengaja ataupun tak nampak, dia tidor dekat landasan keretapi dan kemalangan di Lintasan Rata ataupun level crossing, Pentadbiran Keretapi tidak mengalami apa-apa kerugian dari segi tanggungjawab undang-undang.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah benar kemalangan-kemalangan keretapi itu berlaku oleh kerana Keretapi Tanah Melayu sudah buruk dan patut digantikan, atau adakah kemalangan rel ini disebabkan pekerja-pekerja Keretapi kurang cekap?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tentu faham bahawa perkataan 'kemalangan' adalah tidak berbau. Saya tidak mahu mengaku apakah sebab tuanya gerabak itu, tetapi penyelenggaraannya (maintenance) adalah cukup dijaga walaupun sudah berumur 35 tahun masih boleh membawa penumpang lagi kalau tidak ada duit hendak membeli yang baharu. Kalau sekiranya sekarang kita dapat duit, kita mahu tukar semuanya sekali, itulah jawapan saya.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersedia menubuhkan satu badan penyiasat untuk memeriksa atas sebab-sebab mengapa selalu benar berlaku kemalangan keretapi, dan yang terakhir ini ialah pada hari Sabtu, 20hb Januari, 1973 di Salak South di mana seorang guard telah terkorban nyawanya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Jabatan Keretapi Tanah Melayu telahpun mengadakan Anti-derailment Committee, tetapi malangnya walaupun ada Anti-derailment Committee untuk menyiasat plugging all the loopholes dan hendak tighten screws begitu begini, kemalangan pun ada juga, kalau tidak banyak lagi berlaku.

Berkenaan dengan apa yang terjadi di Ampang, perkara ini subjudice barangkali kalau ada kematian, ada inquest, tetapi pihak keretapi telah menjalankan siasatannya dan saya tidak boleh hendak memberi jawapan sekarang ini, kerana Mahkamah akan menyiasat atas perkara ini.

KAYU BALAK—KEKURANGAN

14. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sebab-sebab berlakunya kekurangan kayu balak untuk kilang-kilang kayu dan kilang-kilang kayu lapis tempatan di Malaysia Barat, dan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bekalan kayu yang mencukupi untuk perusahaan-perusahaan tempatan.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, kekurangan kayu balak yang diperlukan oleh kilang-kilang kayu dan kilang-kilang kayu lapis tempatan di Malaysia Barat adalah disebabkan oleh sebab-sebab seperti berikut:

- (i) Keperluan Kayu balak di luar negeri telah bertambah dan ini telah mengakibatkan kenaikan harga kayu balak untuk eksport;
- (ii) Keupayaan kilang-kilang memproses kayu di dalam negeri ini telah juga bertambah; dan
- (iii) Jumlah keperluan kayu balak dipesan dari luar negeri dan dikehendaki oleh kilang-kilang perusahaan kayu tempatan yang bertambah itu tidaklah cukup dibekalkan oleh kayu balak yang dikeluarkan di Malaysia Barat ini.

Kementerian Perusahaan Utama telahpun mengambil langkah-langkah untuk menjamin bekalan kayu balak bagi kilang-kilang perusahaan kayu tempatan dengan menyekat eksport kayu balak bagi sepuluh jenis keluar

negeri. Ini adalah langkah sementara dan perkembangannya akan dikaji di masa akan datang sekiranya diperlukan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah sedar atau tidak di negeri Perak banyak sawmillers tidak dapat kayu balak untuk kegunaan di sawmillnya?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Itulah sebabnya kita telah mengambil langkah yang saya katakan tadi.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan mengatakan untuk mengatasi masalah ini Kerajaan atau Kementerian Perusahaan Utama telah menyekat export kayu balak. Kalau langkah itu tidak mencukupi oleh sebab ada kekurangan kayu balak untuk kilang-kilang papan di tanahair kita, apakah langkah lagi beliau akan mengambil supaya kilang-kilang papan di tanahair kita ini boleh mencukupi kayu balak?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya tidak boleh mengatakan samada langkah yang telah diambil itu akan mencukupi atau tidak, selepas kita mencuba langkah itu apakah kejayaannya maka baharulah dapat kita mengambil satu keputusan.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Adakah pihak Kementerian sedar, dan jikalau sedar, apakah tindakan untuk mengatasi kesusahan yang dihadapi oleh banyak kilang-kilang tempatan dan juga pengusaha-pengusaha bumiputra yang membekalkan alat-alat perabot (furniture) dan juga membekalkan alatan-alatan perumahan seperti kayu lapis dan lain-lain oleh kerana harga kayu lapis dan lain-lain telah begitu meningkat tinggi dengan adanya kebenaran mengexport banyak kayu-kayu balak keluar negeri dan dengan sebab itu menyebabkan banyak pengusaha-pengusaha termasuklah pengusaha perniagaan bumiputra yang mengalami kerugian oleh kerana naiknya harga-harga kayu-kayu yang saya sebutkan tadi padahal sewaktu mereka tender dahulu harganya lebih murah daripada yang ada pada hari ini.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, satu perkara yang saya katakan tadi bahawa kita tidak dapat berbuat apa-apa ialah kerana hendak menurunkan harga kayu mengikut pasaran dunia. Saya fikir pasaran yang akan mengganggu soalan ini mungkin tidak begitu baik. Yang keduanya, kita dapat buat ialah kalau pihak pengusaha-pengusaha daripada kayu-kayu, terutama sekali pengusaha-pengusaha bumiputra hendak mendapatkan cara-cara mereka dapat menambahkan efficiency ataupun kecekapan kilang-kilang mereka maka kita memanglah sedia akan memberi semua nasihat itu daripada segi marketing promotion dan juga kita akan mengambil langkah dengan undang-undang yang saya akan kemukakan dalam mesyuarat ini untuk menyatukan satu usaha bersama dengan mana kita dapat mengambil sales promotion atau marketing promotion untuk berbagai rupa kayu-kayu yang dibuat dalam negeri ini. Ini adalah soalan yang saya mesti katakan di sini memakan masa ataupun long term atau medium term measure, tetapi tidak ada jalan lain yang terbuka bagi kita melainkan merancang langkah kita daripada sekarang untuk menempuh masaalah yang akan bertambah besar kalau kezaman kita ada hendak memperluaskan perusahaan-perusahaan yang berasaskan kepada kegunaan kayu.

PERKHIDMATAN BAS JALAN PADANG TEMBAK

15. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang mengeluarkan lebih banyak lagi kebenaran-kebenaran kepada penjalan-penjalan bas, agar menjalankan bas-bas yang lebih banyak di sepanjang Jalan Padang Tembak di Pulau Pinang sebab perkhidmatan yang ada sekarang tidak cukup untuk memenuhi keperluan 30,000 orang yang tinggal di kawasan itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan adalah ditugaskan oleh Kementerian saya untuk menimbang semua permohonan lesen pengangkutan di mana keperluan perkhidmatan tersebut diperlukan oleh orang awam. Jika perkhidmatan bas di Jalan Padang Tembak, Pulau Pinang yang ada pada masa sekarang ini

tidak memberi kemudahan yang sewajarnya, maka perkara ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan syarikat bas berkenaan supaya syarikat bas tersebut boleh mengemukakan permohonan kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk menambah perkhidmatan basnya dengan mengubah jadual waktu perjalanannya supaya memberi kesenangan kepada orang ramai. Tetapi kalau mereka engkar Pegawai Pendaftar sekiranya dapat complaints kita akan panggil mereka itu dan diadakan satu bertemuduga apakah sebab-sebab lesen-lesen yang sudah diberikan tidak dapat menyempurnakan kewajibannya kepada rakyat memberi perkhidmatan yang cukup. Inilah syarat-syarat yang diberi kepada perkhidmatan bagi route bus di mana-mana yang ditentukan itu.

KELAS PERAWATAN—BEZA- MEMBEZA

16. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Kesihatan samada beliau bercadang hendak menghentikan perbuatan beza-membeza atau berkelas-kelas memberi rawatan kepada orang-orang sakit di hospital-hospital Kerajaan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, tidak ada perbuatan beza-membeza kelas dalam perawatan dan menyembuhkan pesakit di hospital-hospital Kerajaan. Rawatan dan perhatian kepada pesakit-pesakit adalah ditentukan semata-mata di atas jenis dan keadaan penyakit seseorang itu.

KERJA-KERJA PRAKTIKEL DI SEKOLAH-SEKOLAH

17. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada banyak pengaduan daripada guru-guru dan juga ibubapa dan pelajar-pelajar sendiri bahawa di sekolah-sekolah atau institut vokesyenal dan teknikal, banyak ditekankan tentang "teori" dan tidak ada masa yang cukup untuk "kerja praktikal" dan jika sedar, apakah langkah Kementerian telah ambil ataupun akan ambil untuk membaiki keadaan ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohammad bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, saya sedar adanya pengaduan-pengaduan yang sedemikian.

Tetapi pengaduan-pengaduan itu adalah tidak berasas sama sekali kerana di bawah peraturan-peraturan yang sedang berjalan pada masa ini, pembahagian waktu bagi kerja-kerja praktikal di sekolah-sekolah menengah teknik dan sekolah-sekolah menengah vokesyenal adalah melebihi waktu yang diperuntukkan kepada pelajaran-pelajaran bercurak teori. Pada masa ini pembahagian waktu dalam seminggu bagi pelajaran teori dan praktikal di sekolah-sekolah menengah teknik adalah diatur seperti berikut:

Teori	...	...	2 waktu	(15%)
Praktikal	...	...	11 waktu	(85%)
Jumlah	...	...	13 waktu	(100%)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekolah-sekolah menengah teknik adalah juga sekolah yang bercurak akademik yang memberi pelajaran kepada murid-murid yang mempunyai minat dan kecenderungan untuk menyambung pengajian kejuruteraan dan teknikal mereka selepas peringkat SPM/MCE. Maka sesuai dengan matlamat sekolah ini, disamping waktu yang telah diperuntukkan kepada kerja-kerja praktikal murid-murid juga diajar dalam matapelajaran-matapelajaran akademik biasa seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Ilmu Alam dan sebagainya.

Perhatian yang mencukupi juga telah diberi kepada kerja-kerja praktikal di sekolah-sekolah tersebut. Ini adalah jelas apabila diperhatikan bahawa pembahagian waktu di dalam seminggu bagi pelajaran teori dan praktikal di sekolah-sekolah menengah vokesyenal telah diatur seperti berikut:

Teori	...	...	5 waktu dalam seminggu	(14%)
Praktikal	...	...	32 waktu dalam seminggu	(86%)
Jumlah	...	...	37 waktu	

Dari sini jelaslah bahawa tekanan yang memuaskan telah diberi kepada kerja-kerja praktikal di sekolah-sekolah menengah vokesyenal iaitu selaras dengan matlamat sekolah-sekolah tersebut yang menitikberatkan latihan kemahiran di dalam berbagai-bagai jurusan yang bertujuan untuk membolehkan murid-murid mencari pekerjaan

selepas mereka meninggalkan bangku sekolah diperingkat Sijil Pelajaran Vokesyenal Malaysia (SPVM).

Untuk makluman Ahli Berhormat semenjak bulan Januari tahun 1972 kerja-kerja praktikal, penambahan guru-guru, penambahan kewangan dan penambahan alat-alatan serta cadangan-cadangan untuk memperbesar workshop-workshop di sekolah-sekolah tersebut telah dilaksanakan hasil daripada satu persidangan di antara guru-guru besar, pengetua-pengetua guru-guru sekolah yang terlibat di dalam rancangan sekolah-sekolah menengah Vokesyenal itu.

Memandangkan kepada keterangan-keterangan yang telah diberi tadi maka tidaklah benar bahawa tekanan yang cukup tidak diberi kepada kerja-kerja praktikal di sekolah-sekolah menengah teknik dan vokesyenal.

PEMBERIAN BANTUAN

18. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada Kerajaan akan menimbang membantu penduduk-penduduk luar bandar terutama sekali di kawasan-kawasan sempadan Sarawak dalam Daerah Lubok Antu yang ketiadaan lagi beras untuk makanan sehingga musim menuai yang akan datang.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di Pertua, peruntukan untuk memberikan bantuan seumpama ini adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Saya syorkan supaya Ahli Yang Berhormat itu merujuk perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat Sarawak.

BEKALAN AIR KE LOMBONG BIJIH TIMAH KILLINGHALL

19. Tuan Hor Cheok Foon kepada Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar yang air yang dibekalkan ke Lombong Bijih Timah Killinghall di Puchong adalah tidak sesuai bagi kegunaan manusia.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air berkelorin yang diluluskan adalah disediakan di lombong ini dan bekalan air sekarang ini sepatutnya memuaskan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sedar, bahawa banyak tempat lagi yang mana ada pekerja-pekerja majikannya tidak memberi bekalan air yang baik, bekalan air itu semuanya kotor seumpamanya di Batu Caves.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat itu harus faham, kalau ada sesuatu perkara yang penting atau spesifik kes, dia bolehlah memberitahu dan Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan kepada majikan.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar pada 5 atau 6 tahun yang lalu, saya telah membawa air daripada Batu Caves ke sini dan sampai sekarang air itu tidak baik.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Itu pada masa dahulu, tetapi sekarang ini barangkali sudah baik dan tidak ada satu surat aduan pun mengenai perkara itu. Harus Ahli Yang Berhormat itu tidak pergi ke tempat itu lagi sekarang ini. Tetapi pada masa sekarang ini sudah jadi baik.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Saya hendak beritahu kepada Setiausaha Parlimen yang berkenaan bahawa saya selalu melawat Batu Caves bukan pada masa Thaipusam sahaja, tetapi saya dapati air di Batu Caves yang digunakan oleh pekerja-pekerja di sebuah tin mine di sana tidak baik dan air itu masih datang daripada Sungai Batu, bukan paip air daripada JKR.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Sekiranya perkara itu ada, maka saya dan pegawai-pegawai Kementerian akan timbangkan dan ambil tindakan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan berkata air itu sudah baik. Saya hendak tahu, macam mana dia tahu air itu sudah baik.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Oleh kerana sekarang ini tidak lagi ada aduan yang mengatakan air itu tidak baik, jadi saya anggap bahawa tempat itu sudah baik sekarang.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SENAI, JOHOR

20. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah wang yang telah diperuntukan bagi pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa di Senai, Johor dan bilakah ianya akan mula menjalankan perkhidmatan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, sekarang ini, jumlah peruntukan wang yang telah disediakan untuk pembinaan Lapangan Terbang Senai, Johor di Johor Bahru ialah sebanyak \$28 juta dan adalah dijangka lapangan terbang tersebut akan mula menjalankan perkhidmatannya pada 1hb Julai, 1973. Tetapi lapangan terbang ini pada satu masa nanti akan dipanjangkan sampai 10,000 kaki. Yang ada sekarang ini 6,300 kaki untuk Boeing 737 sahaja. Kalau masa ke hadapan ditambah lagi Yang Berhormat itu jangan soal saya tidak cakap yang lebih. Tentu ada lebih, kalau besar lagi.

KERETAPI TANAH MELAYU— ATASI KERUGIAN

21. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) Langkah-langkah yang telah diambil untuk membolehkan Keretapi Tanah Melayu mengatasi kerugian yang sentiasa dialaminya itu; dan
- (b) samada Kerajaan bercadang hendak memberhentikan perkhidmatan ini memandangkan kerugiannya itu atau menyerahkannya kepada kalangan swasta untuk mengendalikannya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Saya telahpun memberi maklumat-maklumat yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tempoh hari. Soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah sama dengan perkara yang dibangkitkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dalam persidangan Dewan ini pada 17hb Januari, 1973. Segala-gala rancangan yang telah dibuat yang besar-besar dan juga yang kecil adalah dirancang.

(b) Yang kedua, Kerajaan tidak bercadang samada hendak diberhentikan perkhidmatan ini ataupun hendak dibahagikan kepada private enterprise, kerana Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ini berupa satu Corporation yang berdasarkan commercial.

MALAYAN BREWERIES LIMITED— PENINDASAN MAJIKAN

22. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja Syarikat Malayan Breweries (M) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur telah ditindas oleh pihak majikan dengan menggunakan bahasa-bahasa kesat seperti "anak haram", dll. Adakah beliau sedar bahawa penggunaan perkataan-perkataan seperti itu tidak akan mewujudkan perasaan muhibbah di antara pekerja-pekerja dan merendahkan taraf kaum pekerja dan jika sedar, bolehkah beliau menasihatkan pihak majikan supaya jangan menggunakan perkataan-perkataan seperti itu.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di Pertua, kejadian penggunaan perkataan kesat oleh pengurusan Malayan Breweries Limited, Kuala Lumpur, terhadap pekerja-pekerja di tempat pekerjaan telah dibawa ke pengetahuan saya baru-baru ini. Saya telah memanggil pengurus serta-merta dan memberi amaran kepada mereka tentang penggunaan perkataan demikian. Semenjak itu tidak ada apa-apa laporan selanjutnya mengenai penggunaan perkataan kesat oleh pengurusan di tempat pekerjaan itu.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedar bahawa pengurus itu bukan marah kepada pekerja-pekerja di Malayan Breweries sekarang ini tetapi kelakuan itu berlaku beberapa tahun dahulu dan adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan dalam amarannya memberitahu kepada beliau bahawa ia tidak boleh berbuat demikian, oleh sebab, jika saya tidak salah, pengurus itu bukan seorang warganegara kita.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Sebagaimana yang saya nyatakan tadi dalam jawapan saya yang asal, kita telah memanggil pengurus itu ke Kementerian Buruh dan kita telah memberi amaran kepadanya dan

selepas itu, rasa saya, tentulah beliau itu tidak akan melakukan perkara-perkara yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

NILAIAN MATAWANG MALAYSIA— INFLASI

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar bahawa nilai matawang Malaysia telah turun di pasaran dalam negeri; jika tidak kenapakah nilainya sekarang terlampau rendah sehingga satu ringgit tidak dapat membeli apa-apa.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, adalah benar bahawa setelah beberapa lama, tiap-tiap matawang akan hilang sejumlah tertentu daya beli akibat inflasi. Adalah juga benar bahawa ringgit Malaysia telah hilang kuasa beli dalam masa 20 tahun yang lalu kurang daripada manamana matawang di dunia. Hakikat ini tidak dipertelingkahkan kerana adalah terlalu jelas walau dengan seimbis pandang pun pada perangkaan yang diterbitkan oleh Kumpulan Wang Antarabangsa. Pendek kata, kita telah mencapai lebih baik di bidang ini berbanding dengan negara-negara lain di dunia termasuklah negara-negara yang telah maju.

Oleh yang demikian, saya tidak faham dengan tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat di akhir soalnya. Pada saya, adalah tidak masuk akal bahawa sebagai Ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat tidak sedikit pun menyedari hakikat-hakikat asas yang telah saya berikan di awal jawapan ini.

PENCEN—KELAMBATAN MEMBAYAR GANJARAN

24. Dr Tan Chee Khoon (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sebab kelambatan membayar ganjaran ataupun pencen kepada waris Kannamala a/p Narasinulu Naidu, seorang buruh di J.P.T., Bagan Serai, Krian, Perak yang meninggal dunia pada 27-10-70.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, kalau maksud Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan ini mengenai gemulah berkenaan Kannamah a/p V. Narasimha Naidu, No. Kad Pengenalan

1958438, bekas pekerja buruh 'am Jabatan Parit dan Taliair Negeri Perak yang meninggal dunia pada 27-10-70.

Perkara ini adalah mengambil masa yang agak panjang adalah diperlukan oleh Pejabat yang berkenaan untuk menyemak rekod-rekod lama bagi mengutip butir-butir yang penting untuk persediaan kertas-kertas ganjaran gemulah Puan Kannamah. Kertas-kertas ganjaran bagi gemulah Puan Kannamah itu telah selesai diproses dan pembayarannya kepada pihak yang berkenaan akan dibuat kepada waris-waris gemulah ini oleh pihak yang berkuasa berkenaan dengan secepat mungkin.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan telah menyatakan langkah-langkah yang telah diambil adalah mengambil masa. Bolehkah beliau menjelaskan mengapakah langkah-langkah itu mengambil masa lebih 2 tahun? Adakah orang yang miskin warisnya boleh menunggu sehingga lebih dua tahun, maknanya kalau tidak dapat ganjaran atau pencen bagaimanakah anak atau isterinya boleh hidup kalau tidak mendapat ganjaran atau pencen selama dua tahun.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, perkara buruh yang seperti ini ialah buruh yang telah meninggal dunia dan mereka ini bekerja sebelum lagi masa perang dahulu. Pihak Jabatan Parit dan Taliair Negeri Perak terpaksa membuat penyiasatan di atas perkara percutian yang telah diambil dan juga segala rekod-rekod pekerjaan yang telah dijalankan daripada semenjak beliau membuat kerja ini sehinggalah pada beliau ini meninggal dunia. Sekiranya perkara ini dapat dengan seberapa segera segala rekod-rekod ini, maka bayaran boleh dibuat dengan seberapa segera. Saya mengakui perkara ini memanglah menjadi kelambatan, tetapi ini adalah satu perkara yang tidak boleh dielakkan bagi menjaga pembayarannya supaya dapat disempurnakan dengan baiknya dan ini bukanlah satu praktikal yang dibuat apabila seseorang itu meninggal dunia terpaksa memakan masa sehingga dua tahun. Ini bukanlah satu amalan, ini adalah satu perkara yang terpaksa tidak dapat dielakkan.

PEKEBUN KECIL KELAPA— KEGELISAHAN

25. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa orang-orang kampung yang mempunyai kebun-kebun kelapa merasa gelisah mengenai harga kelapa 4 sen sebiji pada masa ini, dan jika sedar apakah tindakan yang akan diambil dalam hal ini supaya kehidupan orang-orang ini tidak terancam.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pertanian dan Perikanan memang sedar tentang kesulitan yang dihadapi dan perasaan gelisah di kalangan pekebun-pekebun kecil kelapa yang mendapat harga sehingga serendah 4 sen sebiji tidak berapa lama dahulu. Sebagai ikhtiar untuk meringankan kesulitan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil yang terbit daripada kejatuhan harga kelapa itu langkah sedang diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkenaan dengan pengeluaran dan pemasaran kelapa secara jangka panjang.

(a) FAMA sedang berusaha untuk mengadakan rancangan pemasaran kelapa yang akan meliputi semua negeri-negeri di seluruh Malaysia. Rancangan ini mempunyai dua corak asas—iaitu:

- (1) Melalui kawalan; dan
- (2) melalui perniagaan

Di bawah peraturan kawalan FAMA akan mengawasi pemasaran kelapa dan kelapa kering diperingkat pekebun-pekebun kecil dengan melesen semua pembeli kelapa dan kelapa kering. Untuk menentukan pekebun-pekebun kecil mendapat harga yang berpatutan bagi pengeluaran mereka peraturan telah dibuat untuk jemaan pemasaran hasil-hasil pertanian itu akan menubuhkan pusat-pusat memproses kelapa kering di kawasan-kawasan terutamanya kepada penanam-penanam kelapa dengan tujuan membeli buah-buah kelapa dari pekebun-pekebun kecil dan memproses buah-buah kelapa untuk dijadikan kelapa kering. Dan disamping itu juga Kementerian ini juga menggalakkan penanaman campuran oleh pekebun-pekebun kecil kelapa supaya mereka itu mempunyai pendapatan yang

lebih tidak semata-mata bergantung kepada hasil kelapa yang boleh mengancam mereka jika sekiranya harga kelapa jatuh. Tanaman campuran seperti koko, kopi dan pisang dan pemeliharaan ternakan telah didapati sesuai di kawasan-kawasan yang ditanam dengan kelapa dan boleh memberi pendapatan yang baik kepada pekebun-pekebun kecil itu.

Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Oleh kerana soal kelapa ini menyentuhkan penduduk-penduduk luar bandar seperti di Sabak Bernam, maka adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa orang-orang di Sabak Bernam pada masa ini sedang menghadapi satu perkara yang mendukacitakan kerana harga kelapanya turun. Jadi sebagai mengatasi kerumitan yang dihadapi terutama orang-orang di Sabak Bernam itu adakah Setiausaha Parlimen ini mengambil tindakan yang secepat-cepatnya supaya wakil Sabak Bernam dan yang lain-lain tidaklah sangat diganggu oleh pengusaha-pengusaha kelapa ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, saya ucapkan terima kasih atas soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat itu kerana bersimpati dengan penduduk di Sabak Bernam. Saya sendiri faham di atas perkara ini, oleh kerana itu bagi pihak Kementerian ini telah memberi keutamaan kepada kawasan Sabak Bernam adalah kawasan yang mula-mula sekali akan diadakan tempat memproses kelapa dan pengambilan tanah sedang dijalankan dan peruntukan telahpun didapati. FAMA telah mendapatkan wang pinjaman di antara \$200,000 hingga \$300,000 bagi memulakan mengadakan proses kelapa di kawasan Sabak Bernam.

BUAH MARKISA (BUAH SUSU)— KAJIAN

26. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan apakah hasil penyiasatan yang dijalankan oleh MARDI terhadap buah susu yang telah di agung-agungkan dahulu sebagai sejenis buah-buahan yang boleh meninggikan taraf hidup petani-petani; berapa lama masa yang diambil oleh MARDI untuk menjalankan

kajian terhadap buah ini dan berapakah perbelanjaan yang telah digunakan bagi tujuan ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, buah markisa atau buah susu yang telah diperkenalkan di Malaysia Barat beberapa tahun dahulu sebelum MARDI ditubuhkan. Penyelidikan tanaman itu telah dijalankan oleh bahagian Pertanian di bawah Kementerian ini dengan hasil tanaman yang subur di negeri ini serta buahnya mengandung air manis yang boleh dijadikan makanan ataupun bahan untuk minuman. Bahagian kajiteknik makanan telah pula membuat kajian bagi memproses buah susu itu dengan tujuan memajukan perusahaan kilang mengetin pati air manis daripada buah itu. Hasil dari penyelidikan dan kajian-kajian itu pokok buah markisa telah dikembangkan untuk ditanam oleh persatuan-persatuan peladang. Penanaman pokok itu yang terbesar sekali waktu ini ialah di kawasan Kuala Langat iaitu seluas 50 ekar.

Penghidupan pokok markisa ini ialah 3½ tahun dengan penghasilan buahnya sebanyak 16,800 lb dari satu ekar. Buah sebanyak ini boleh mengeluarkan sebanyak 420 gelen pati air manis. Kadar hasil tanaman pokok markisa bagi satu ekar setahun ialah 7,500 lb buah iaitu bersamaan 180 gelen pati air manis.

Setakat ini bahagian kajiteknik makanan membeli buah-buah markisa yang ditanam untuk membuat pati air manis buah susu bagi dibekalkan kepada angkatan bersenjata dengan harga 55 sen satu tin 14 oz (atau \$6.25 satu gelen).

Penyelidikan tanaman buah markisa sekarang telah dijalankan oleh MARDI bagi mengenali bahan-bahan tanaman yang tidak berpenyakit dan yang tahan penyakit. Perbelanjaannya bagi penyelidikan ini sehingga 1-3-1971 ialah kira-kira \$3,000.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi pertanyaan No. 27 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).

MILO DAN OVALTINE—KENAIKAN HARGA

27. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa harga barang-barang seperti Milo, Ovaltine, tepung susu dan ubat berbotol selalu dinaikkan dari semasa kesemasa tetapi isinya pula berkurangan; jika ya, apa tindakan akan diambil oleh Kementerianya atas perkara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj): Saya suka maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Milo dan Ovaltine adalah diimpot manakala tepung susu dan ubat berbotol bukanlah barang-barang keluaran tempatan tetapi hanya diperbungkus ataupun diperbotolkan sahaja di negeri ini. Kenaikan harga barang-barang ini ialah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kenaikan kos pengeluaran di negara-negara pengeksport, harga tambang kapal dan pertukaran harga nilai wang asing dan faktor-faktor ini adalah luar daripada kuasa sesuatu negeri pengimpot. Berkenaan dengan kekurangan isi atau berat seperti daripada apa yang dinyatakan dalam sesuatu bungkusan atau tin itu, pengguna-pengguna boleh melapurkan dengan memberi kenyataan yang cukup kepada Kementerian supaya tindakan boleh diambil di bawah Akta Perihal Perdagangan.

PERKHIDMATAN PERISIK POS—RUNGUTAN

28. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan samada sudah ada perkhidmatan perisik pos untuk menyiasat dan menamatkan rungutan-rungutan yang begitu banyak mengenai surat-surat, bungkusan-bungkusan dan majallah-majallah yang diusik atau hilang semasa di dalam pos.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Satu Bahagian Penyiasatan sememangnya telah ada ditubuhkan dalam Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menyiasat sebarang kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kakitangannya atau tuduhan-tuduhan yang dibuat terhadap Pejabat Pos. Bahagian ini telah wujud sejak tahun 1952 dan adalah bertanggungjawab bagi menyiasat perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat itu ada hendak mengemukakan rungutan silalah beri lapuran lengkap supaya penyiasatan boleh dilakukan.

REAKTOR NUKLEAR—MENDIRIKAN PENGKALAN

29. Dr A. Soorian minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) bilakah Kerajaan akan mendirikan sebuah pengkalan reaktor nuklear bagi mempercepatkan penyelidikan di dalam bidang perlombongan, perubatan dan pertanian dengan menggunakan "radio isotopes";
- (ii) berapakah anggaran perbelanjaan bagi mendirikan reaktor tersebut;
- (iii) dari manakah pegawai-pegawai yang mahir akan diambil bagi mengendalikan reaktor itu; dan
- (iv) samada tujuan-tujuan lain bagi mendirikan reaktor ini misalannya bagi mengeluarkan bom atom.

Datuk Ong Kee Hui: Kerajaan telah ber-setuju pada dasarnya berkenaan dengan penubuhan Pusat Bagi Penyelidikan dan Kegunaan Tenaga Nukliar. Butir-butir lanjut berkenaan dengan tarikh penubuhan, anggaran belanjawan, kakitangan-kakitangan yang diperlukan dan lain-lain hal masih dalam kajian. Kerajaan telah meminta International Atomic Energy Agency untuk membuat kajian mengenai projek ini dan lapuran serta syur-syur Agency tersebut sedang ditunggu.

Ahli-ahli saintis tempatan akan diambil dan dilatih di seberang laut untuk mengendalikan Pusat Penyelidikan dan Penggunaan Tenaga Nukliar itu.

Pusat Penyelidikan itu bukan bertujuan mengkaji pengeluaran bom atom.

HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

30. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan masih teragak-agak dalam menubuhkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina;

- (b) samada Kerajaan telah berbincang dengan wakil-wakil dari Republik Rakyat Cina mengenai konsep pengecualian Asia Tenggara; dan
- (c) samada Kerajaan akan menimbang memberi kebenaran kepada rakyat Malaysia untuk melawat ke Republik Rakyat Cina dengan bebasnya.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak):

- (a) Kita memang tidak teragak-agak di dalam dasar kita dalam perkara penubuhan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina, dan seperti mana yang telah saya jelaskan dahulu dalam Dewan ini, perkara ini telah berjalan dengan baik serta teratur.
- (b) Tidak.
- (c) Oleh sebab Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina. Warganegara Malaysia yang ingin melawat Republik Rakyat Cina mestilah membuat permohonan untuk mendapat kebenaran dari Kerajaan dan permohonan-permohonan tersebut akan dipertimbangkan atas "merit" tiap-tiap kes.

KELINIK/SEKOLAH/PERUSAHAAN— CADANGAN

31. Tuan V. David minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan bilangan klinik-klinik, sekolah-sekolah dan perusahaan yang beliau bercadang hendak menubuhkan di dalam kampung-kampung baru pada tahun 1973, dan menyatakan nama kampung-kampung di mana mereka akan dibina.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Saya suka membaharui peringatan Ahli Yang Berhormat itu bahawa tugas saya ialah "PENYELARASAN KEMAJUAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU". Oleh itu, soalan bagi saya sendiri untuk mendirikan klinik-klinik dan sekolah serta perusahaan-perusahaan di kampung-kampung baru tidak berbangkit.

TENTERA-TENTERA ASING DI MALAYSIA

32. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada penjelasan telah diminta daripada Kerajaan Australia mengenai

kenyataan Perdana Menteri Australia pada 9hb Oktober, 1972 di mana beliau telah menghuraikan peranan-peranan tentera Australia di Malaysia iaitu menjamin dan menjaga negara kita dengan Singapura supaya tidak bergaduh;

- (b) bilakah tentera-tentera asing di negara kita akan disuruh balik untuk menjaga negeri mereka sendiri.

Perdana Menteri:

- (a) Saya telahpun menerangkan perkara ini dalam Dewan ini semasa menjawab soalan yang serupa pada 7hb dan 11hb Disember yang lepas.
- (b) Saya telah juga terangkan perkara ini di dalam Dewan ini beberapa kali, iaitu setelah kehendak-kehendak rancangan pengecualian tercapai, peraturan-peraturan tentera dengan kuasa-kuasa asing dan pengkalan-pengkalan tentera asing tidak akan berada di sini lagi.

BANJIR—MENGELAKKAN

33. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan kegiatan dan usaha-usaha yang telah dijalankan hingga hari ini untuk mengelakkan banjir di negeri ini dan samada beliau akan membuat rancangan untuk mengelakkan ribut yang sering memusnahkan harta benda dan jiwa.

Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Patutlah disedari bahawa banjir adalah akibat suatu kejadian alam dan adalah mustahil untuk melawannya di negara kita. Apa yang kita boleh buat ialah bagaimana kita boleh menggunakannya dan bekerja dengannya agar dapat mengurangkan bencana yang diakibatkan oleh banjir.

Suruhanjaya Tetap bagi Mengawal Banjir telah mengunjungi beberapa negeri untuk mendapat gambaran yang lebih komprehensif mengenai kawalan banjir dan jentera yang ditubuhkan untuk memberi pertolongan dan juga membuat penilaian tentang keadaan banjir di tiap-tiap buah negeri, dengan tujuan untuk mendapat penyelarasan yang lebih di peringkat jentera-jentera Persekutuan dan Negeri dan untuk mengurangkan kemusnahan harta benda dan nyawa sekiranya

berlaku banjir. Langkah yang sesuai untuk mengurangkan kesan-kesan banjir telah dan akan dijalankan melalui berbagai-bagai agensi kerajaan seperti pembinaan ampangan-ampangan dan pengerakan sungai-sungai, pembukaan rancangan penempatan semula seluruh komuniti dan langkah-langkah pemindahan. Suruhanjaya itu juga telah menimbangkan implikasi-implikasi undang-undang berkaitan dengan Akta dan perundangan pemiliharaan tanah dan air dan telah membuat surat-surat pekeliling untuk mendapat kerjasama daripada semua sektor penduduk bagi mengurangkan banjir serta mengujudkan kesedaran terhadap kejadian itu.

Persoalan untuk mengadakan rancangan-rancangan bagi mengelakkan kejadian ribut taufan tidak timbul kerana tiada siapa pun dapat mengelakkan ribut taufan apabila ia berlaku. Cuma apa dapat dilakukan ialah dengan cara mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kemusnahan yang berlaku akibat bencana tersebut. Di dalam hal ini, Kerajaan telahpun memberi perhatiannya dan rancangan-rancangan sedang dirancang untuk memperbaiki lagi kemampuan negara di dalam membuat ramalan banjir. Dengan tujuan tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan pembinaan empat buah sistem ramalan telemetrik di lembah sungai Kelantan, Trengganu, Perak dan Pahang di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dengan memberi pertimbangan kepada keluasan masalah banjir di negara ini, tindakan telah diambil untuk mengumpul data bagi menyediakan rancangan induk jangka panjang untuk menjalankan kerja-kerja pengurangan banjir di negara ini.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH TIMUR

34. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan kepada sambutan hangat semasa lawatan beliau ke negara-negara Eropah Timur sebagaimana yang dilaporkan dalam akhbar-akhbar, Radio dan Talivisyen, nyatakan setakat manakah tujuan lawatan itu telah dicapai.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab soalan seakan ini di dalam Dewan ini pada 4hb Disember, apabila menjawab pertanyaan

Yang Berhormat Ahli dari Seremban Timur dan saya telahpun membuat kenyataan akhbar mengenai lawatan saya itu.

Saya fikir saya tidak payah menambah apa-apa lagi penjelasan dalam perkara ini.

PEGAWAI KERANI KERAJAAN— TARAF BERPENCIEN

35. Dr A. Soorian minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa ada satu kategori Pegawai-pegawai Kerani Kerajaan di dalam kedudukan yang ganjil dengan sebelah kaki di dalam tanggagaji lama dan sebelah lagi di bawah sekim Suffian; mereka ini adalah bekas Kerani Negeri (Bahagian Rendah) dan Kerani Tambahsentera Persekutuan yang dibayar gaji mengikut tanggagaji baru, tetapi belum diberi taraf berpencen di bawah sekim gaji baru itu.

Perdana Menteri: Sebelum Lapuran Suffian dilaksanakan, Kerani-kerani Negeri (Bahagian Rendah) walaupun memegang jawatan-jawatan tetap, tidak diberi taraf berpencen. Hanya jawatan-jawatan Kerani Negeri (Bahagian Rendah) Special Class sahaja yang diberi taraf berpencen.

Sepertimana termaklum Kerajaan telahpun menerima perakuan-perakuan Lapuran Suffian. Satu daripada perakuan Lapuran tersebut ialah bahawa semua jawatan-jawatan tetap hendaklah diberi taraf berpencen. Bagi melaksanakan perakuan ini, jawatan-jawatan yang tetap itu hendaklah terlebih dahulu diwartakan sebagai jawatan-jawatan yang berpencen mengikut Ordinan Pencen 1951. Bagi maksud ini, tindakan sedang diambil bagi mengisytiharkan jawatan-jawatan Kerani Negeri (Bahagian Rendah) sebagai jawatan-jawatan tetap dan berpencen.

Bagi Kerani-kerani dalam perkhidmatan tambahsentera, jawatan-jawatan mereka ini telah dijadikan jawatan-jawatan Pegawai Kerani atau Pembantu Kerani sejak 1-12-69 mengikut Lapuran Suffian. Jawatan-jawatan Pegawai Kerani dan Pembantu Kerani itu telahpun digezetkan sebagai jawatan-jawatan berpencen. Dengan tindakan-tindakan ini, tuduhan bahawa mereka mempunyai satu kaki di dalam tangga-gaji lama dan sebelah lagi di dalam sekim Suffian tidaklah timbul.

BUKU-BUKU DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

36. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka yang bernilai berjuta-juta ringgit (kira-kira \$7 juta) itu tidak dimasukkan di dalam buku kira-kira dengan sempurna, dan jika ya, samada beliau akan mengadakan satu penyiasatan.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Sekiranya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu perbezaan yang terdapat di antara setok fizikal dan kad setok buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka yang dilaporkan oleh Juru Odit Negara, teguran odit tersebut adalah dalam perhatian Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya telah diberitahu bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka sudahpun melantik sebuah Jawatankuasa Penyelaras, yang di dalamnya juga mengandungi wakil Juru Odit Negara, untuk menyemak kedudukan buku-buku yang rusak, hilang dan sebagainya dan menganalisa serta mencadangkan kepada Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka tindakan yang harus diambil.

Saya akan menyemak lapuran itu apabila sahaja lapuran itu disampaikan kepada saya dan jika mustahak, tindakan akan diambil di bawah seksyen 12 (3) Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka Tahun 1959, supaya ditubuhkan suatu Jawatankuasa untuk menyiasat perkara ini dengan lebih lanjut lagi.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya bangun mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 8.00 malam.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 8.00 malam.

KENYATAAN TIMBALAN MENTERI KEWANGAN

Rang Undang-undang Perindustrian Saham

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, dengan sebab kenyataan yang akan saya buat ini mengandungi beberapa monetary terms yang harus payah sedikit difahami sekiranya diucapkan dalam bahasa Malaysia, saya mohon izin membuat kenyataan ini dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, on behalf of the Minister of Finance, I am pleased to be able to announce that the Securities Industry Bill will be introduced today for its first reading in Parliament. The public will recall that the Yang di Pertuan Agong, in his opening speech to Parliament on 9th May last year, announced that legislation would be introduced to ensure that the stock market functioned in a healthy manner.

Our people have become increasingly conscious of the value of holding shares in public-quoted companies. More and more small investors, especially housewives, teachers and office workers, with little or no knowledge of investment principles, have now entered the market. In recent months the market has been bullish and there is a very real danger that it may become excessively speculative, leading to manipulation and share rigging by certain groups of people who would not hesitate to take advantage of small investors. It is not at all unlikely that if the existing pace of activity in the stock market is maintained for very much longer, the time will come when share prices will drop dramatically and if this were to happen, those who will get their fingers most badly burnt will be the small investors. Present levels of share prices bear little relation to their real value or to their earning capacity. It is, therefore, considered appropriate that excessive speculation and market manipulation should be curbed with a view to protecting the investing public and encouraging the development of a healthy market.

In this connection, the Securities Industry Bill provides important provisions in relation to market dealings. It makes provisions for curbing illegal trading in the market and the manipulation of the market by share rigging and by creating fictitious prices. The Bill provides for the control of specific types of trading while attempting to curb abuses.

It is also considered important that we should have an effective control over the Stock Exchange to ensure that only persons of good character and high business integrity can become members. The Bill, therefore, empowers the Registrar of Companies to issue licences to dealers, dealer representatives and investment advisers. In addition, the Bill provides that various records and accounts should be maintained by dealers, investment advisers and financial journalists. It also provides for the regular auditing of the records and accounts.

In the course of drafting this Bill, Treasury officials and officials of Bank Negara have been working in consultation with the Registrar of Companies and the Monetary Authority of Singapore.

With the introduction of this new legislation, it is hoped that the stock market will become healthier. Copies of the Securities Industry Bill are available to the public and I would like to invite members of the public as well as persons connected with the stock market and investors at large to obtain copies from the Government Printer and put forward constructive views on the Bill to the Treasury for consideration.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERINDASTRIAN SAHAM

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan dengan dewan saham dan broker saham dan orang-orang lain yang berniaga saham bagi mengadakan kesalahan-kesalahan tertentu berhubung dengan perdagangan saham dan untuk maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

(Usul)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

JAWATANKUASA

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (19hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 19 dan P. 19—

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung semula penerangan saya yang mana pada hari Jumaat yang lepas saya telah menanggukuhkan ucapan saya.

Tuan Pengerusi, disebabkan oleh aktiviti yang banyak di dalam tahun 1973 dibandingkan dengan tahun 1972 peruntukan yang dikehendaki di dalam tahun 1973 menunjukkan penambahan sebanyak \$2.2 juta lebih daripada peruntukan, 1972.

(ii) Perkhidmatan Tentera

Kegiatan-kegiatan Angkatan Tentera tertumpu kepada tugas-tugas gerakan oleh Tentera Darat, Laut dan Udara termasuk Yunit Pasukan Pertahanan Tempatan di Malaysia.

(a) Tentera Darat

Dari segi gerakan, Tentera Darat perlu diperbesarkan dan aktivitiya diperhebatkan lagi dalam tahun 1973 untuk menjamin keselamatan dalam negeri dan menentang kegiatan subersif komunis di sepanjang sempadan Thailand/Malaysia dan Indonesia/Malaysia. Perkembangan Tentera Darat semenjak Tahun 1969 bertujuan untuk mencapai matlamat ini. Di samping menjalankan aktiviti-aktiviti gerakan

biasa Angkatan Tentera, Tentera Darat telah juga dibebankan dengan tugas-tugas Bantuan Banjir dan kecemasan awam.

(b) *Tentera Laut*

Tugas Tentera Laut yang besar dalam masa aman ialah menjalankan rondaan di laut untuk menjamin kepentingan keselamatan kawasan perairan Malaysia. TLDM juga bertindak untuk menentang lanun-lanun, penyeludupan, memberi perlindungan kepada kapal-kapal nelayan, mencegah kemasukan kapal-kapal asing secara haram, dan juga menjalankan tugas-tugas mencari dan menyelamatkan orang-orang di dalam kecemasan. Gerakan membantu tentera-tentera darat di Sarawak telah diperhebatkan kerana perhubungan menerusi air adalah sangat penting di sana. Penyelidikan "hydrographic" 4 negara di Selat Melaka adalah satu dari tugas TLDM dan kapal Penyelidik K.D. Perantau pada masa ini terlibat di dalam urusan tersebut. TLDM juga terlibat di dalam aktiviti bantuan Banjir.

(c) *Tentera Udara Diraja Malaysia*

Selain dari tugas mempertahankan Ruang Angkasa Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia juga dipertanggungjawabkan untuk memberi bantuan pengangkutan Udara kepada Tentera Darat Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan aktiviti awam seperti memberi bantuan udara dengan cara mengugurkan bekalan-bekalan, memindahkan pesakit-pesakit, mengangkat anggota awam, membuat tinjauan untuk foto, mencari dan menyelamatkan orang-orang dan harta benda dan membuat penerbangan perhubungan.

Di bawah aktiviti ini, peruntukan yang dikehendaki dalam Tahun 1973 menunjukkan penambahan sebanyak \$143 juta lebih daripada peruntukan Tahun 1972. Lebih kurang \$135.9 juta adalah bagi barang-barang yang dahulunya diuntukkan di bawah Anggaran Pembangunan.

(iii) *Perkhidmatan Lojistik*

Perkhidmatan Lojistik ada kaitannya dengan tugas yunit-yunit seperti Pasukan

Kelengkapan Malaysia, Pasukan Perkhidmatan Malaysia, Pasukan Jurutera Jentera dan Letrik Malaysia, Pasukan Pergigian dan Perubatan Angkatan Tentera dan Yunit-yunit Lojistik dari Bahagian TLDM dan TUDM. Tanggungjawab utama yunit-yunit lojistik ini ialah untuk membekalkan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan kepada Angkatan Tentera seperti makanan, pakaian, kenderaan, P.O.L. peluru, perumahan, perkhidmatan perubatan dan lain-lain.

Peruntukan yang dikehendaki dalam Tahun 1973 menunjukkan penambahan sebanyak lebih kurang \$19.8 juta lebih daripada peruntukan Tahun 1972. Penambahan-penambahan besar adalah disebabkan oleh pecahan-pecahan kepala berikut:

- (1) \$0.2 juta untuk Perjalanan dan Pengangkutan Orang.
- (2) \$4.6 juta untuk Bekalan dan Bahan-bahan.
- (3) \$0.4 juta untuk Perkhidmatan Pelbagai.
- (4) 14.6 juta untuk Kelengkapan.

(iv) *Latihan*

Ini meliputi aktiviti-aktiviti latihan bagi Ketiga-ketiga Perkhidmatan dan juga Kaki-tangan Awam.

Maktab Turus Angkatan Tentera yang telah ditubuhkan pada bulan Februari, 1971 sekarang ini telah berjalan dengan licinnya dan mengadakan kursus-kursus untuk Pegawai-pegawai Kanan dari masa kesemasa.

Latihan di seberang laut hanya dikehendaki apabila latihan dalam negeri tidak dapat diperolehi.

Keperluan latihan telah lama dirasakan khasnya untuk perajurit-perajurit yang akan bersara dan latihan ini sayugia diberi masa yang agak panjang iaitu 6 hingga 18 bulan supaya apabila mereka bersara dari perkhidmatan tentera kelak, mereka lengkap untuk menjalani penghidupan di dalam dunia awam dengan tiada menghadapi sebarang kerumitan. Untuk menjayakan ini, keputusan telah diambil untuk menubuhkan Pusat Latihan Penempatan (Resettlement Training Centre) lengkap dengan kemudahan-kemudahan latihan yang diperlukan.

Di bawah aktiviti ini peruntukan Tahun 1973 menunjukkan tambahan sebanyak lebih kurang \$7.9 juta lebih daripada peruntukan 1972. Tambahan-tambahan yang demikian adalah disebabkan oleh pecahan-pecahan kepala seperti berikut:

- (1) \$0.2 juta untuk Perjalanan dan Pengangkutan Orang.
- (2) \$0.1 juta untuk Kegunaan.
- (3) \$2.5 juta untuk Bekalan-bekalan dan Bahan-bahan.
- (4) \$1.2 juta untuk Perkhidmatan Pelbagai.
- (5) \$3.2 juta untuk Kelengkapan.
- (6) \$0.1 juta untuk Pembinaan.

(v) *Penyelidikan dan Pembangunan*

Kegiatan penyelidikan dan pembangunan dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Pertahanan. Pusat ini telah memulakan gerakan penyelidikan (research) dalam Tahun 1971 dengan bantuan pakar-pakar (pinjaman) dari Canada untuk memberikan kemahiran dan latihan kepada ahli-ahli sains dalam negeri.

Tidak ada terdapat sebarang penambahan dalam peruntukan Tahun 1973 jika dibandingkan dengan peruntukan 1972.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

Tuan Pengerusi, setakat ini sahaja penerangan saya berkenaan Perbelanjaan Biasa Pertahanan dan izinkan saya sekarang, mengemukakan Permohonan untuk Anggaran Pembangunan yang berjumlah \$101,281 bagi Tahun 1973. Sebagaimana yang telah saya terangkan terdahulunya, kebanyakan dari barang-barang yang dahulunya dibeli di bawah Anggaran Pembangunan telah dipindahkan kepada Anggaran Biasa. Dari jumlah yang dikehendaki dalam Tahun 1973, lebihkurang 54% telah diuntukkan kepada Perbelanjaan Rancangan Perumahan sementara bakinya adalah untuk bantuan dan lain-lain projek baru yang akan saya terangkan nanti.

Bagi tahun 1973, Perbelanjaan yang dicadangkan bagi Rancangan Perumahan berjumlah \$55 juta. Di bawah rancangan ini Kerajaan akan membina Perumahan dan Kem-kem untuk menjamin supaya Angkatan Tentera kita dapat diberi perumahan yang cukup dan sesuai. Walaupun elaun sewa

rumah bagi anggota lain-lain pangkat dalam Angkatan Tentera Malaysia telah dinaikkan akibat dari pelaksanaan gaji baru, adalah dianggap perlu dan penting dari segi ketenteraan untuk mendirikan rumah-rumah di tempat-tempat tertentu yang berdekatan dengan kawasan perumahan, daripada membenarkan mereka tinggal berselerak di merata-merata tempat. Untuk mencapai tujuan ini, sebagai langkah permulaan, Kementerian saya telah membuat satu dasar untuk menyediakan perumahan mengikut kadar yang berikut, 89% untuk Pegawai Waran, 65% untuk Setaf Sarjan dan Sarjan dan 45% untuk Koperl ke bawah.

Sebahagian daripada projek-projek baru yang dijangka akan dilaksanakan dalam Tahun 1973 ialah Kompleks Infantry Battalion di Kota Bharu dan Depoh Pusat Bekalan Sungai Buloh.

Oleh itu, jumlah yang dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 1—Rancangan Perumahan ialah \$55 juta dan ini bermakna terdapat kelebihan sebanyak lebih kurang \$12 juta daripada jumlah peruntukan Tahun 1972. Dengan tertubuhnya Beriged HQ di Kota Baru dan RASCOM di Sibu dan juga dengan bertambahnya penglibatan usaha-usaha Jabatan Kerja Raya, adalah didapati bahawa jumlah yang dikehendaki sebanyak \$55 juta ini perlu untuk menampung keperluan-keperluan perumahan bagi tahun 1973.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 2 menunjukkan Perbelanjaan Pengangkutan dan Perjalanan yang akan dilakukan oleh kakitangan Jabatan Kerja Raya dalam menjalankan projek-projek perumahan bagi Angkatan Tentera dalam Tahun 1973.

Tuan Pengerusi, jumlah sebanyak \$13,584,000 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 13 untuk pembelian kapal-terbang. Jumlah ini menunjukkan pembayaran yang akan dibuat dalam Tahun 1973 untuk pembelian Defence Fighter Aircraft yang diperolehi menerusi bantuan kredit Kerajaan asing. Pembelian Defence Fighters Aircraft ini merupakan simbol keinginan kita untuk berdikari dalam mempertahankan negara dan kedaulatannya negara disamping memperkuat dasar pengecualian kita.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang Pengkalan Tentera Laut kita bertempat di Singapura. Selaras dengan pendirian kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, perlulah kita mengadakan Pengkalan Tentera Laut di bumi Malaysia sendiri. Oleh itu Kerajaan telahpun membuat keputusan untuk membina pengkalan Tentera Laut di Lumut, Perak. Peruntukan sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 16 Pengkalan Tentera Laut—untuk tujuan pembelian tanah dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dalam Tahun 1973. Tahun 1982 merupakan tarikh yang ditetapkan untuk menyiapkan projek ini dan perbelanjaan dianggarkan lebih kurang \$450 juta.

Tuan Pengerusi, Pecahan-kepala 17—Pengkalan TUDM Subang. Peruntukan sebanyak \$6.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pemindahan Pengkalan TUDM yang sekarang ini bertempat di Kuala Lumpur ke Subang. Oleh kerana Pengkalan di Kuala Lumpur sekarang ini tidak sesuai dalam keadaan cuaca yang tidak begitu baik dan juga disebabkan oleh pembangunan pesat yang berkembang di sekitar pengkalan tersebut, adalah didapati bahawa Pengkalan TUDM di Kuala Lumpur patutlah dipindahkan kepada tempat yang lebih sesuai. Sebagai hasil dari penyiasatan yang dijalankan di sekitar pengkalan tersebut, adalah didapati bahawa Pengkalan TUDM di Kuala Lumpur patutlah dipindahkan kepada tempat yang lebih sesuai dan adalah didapati sesuai untuk menempatkan Pengkalan TUDM berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang, supaya segala kemudahan yang terdapat di Lapangan Terbang tersebut boleh digunakan bersama-sama. Peruntukan sebanyak \$6.5 juta bagi Tahun 1973 ialah untuk mendapatkan tanah.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada prinsip negara kita untuk berdikari dan memandangkan bahawa selama ini kita telah menghantarkan kapal-kapal terbang keluar negeri untuk diperbaiki dan untuk dibaikpuleh, keputusan telah dibuat supaya langkah-langkah segera patut diambil untuk mengadakan kemudahan baikpuleh kapal-terbang di negeri ini juga. Sebagai permulaan projek ini akan merupakan projek TUDM memandangkan bahawa pakar-pakar yang dikehendaki untuk mengendalikannya datang dari anggota-anggota Tentera Udara dan juga pengguna utama kemudahan baikpuleh

ini adalah TUDM sendiri. Walaubagaimanapun apabila projek ini diperbesarkan kelak adalah dipercayai bahawa kemudahan baikpuleh ini boleh digunakan oleh TUDM dan juga MAS bersama-sama. Kerja baikpuleh ini kemudian kelak boleh dipindah kepada satu perbadanan awam yang mempunyai otonomi dari segi kewangan. Pecahan Kepala 18—Kemudahan baikpuleh kapal-terbang memerlukan perbelanjaan sebanyak hanya \$6.3 juta dalam Tahun 1973, untuk membeli tanah dan lain-lain kelengkapan bagi projek ini. Kebaikan untuk mengadakan projek yang sedemikian dalam negeri ini adalah jelas dan diharapkan supaya projek ini akan menjadikan permulaan bagi perusahaan Aerospace (Aerospace Industry).

Tuan Pengerusi, sekarang ini saya ingin memanjangkan lebih sedikit atas pecahan kepala 19—Projek RASCUM. Ancaman keselamatan di negeri Sarawak oleh pengganas-pengganas komunis dan masalah pentadbiran, telah mendorong Kerajaan untuk mengistiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai kawasan kawalan khas yang dinamakan Rejang Area Security Command (RASCUM). Projek ini melibatkan pembentukan tetap satu Military Command di peringkat Brigade di Sibu untuk mengawasi seluruh kawasan Bahagian Ketiga. Ini dengan tersendirinya menjadikan kawasan ini terasing dari kawasan yang lain di Sarawak. RASCUM telahpun ditubuh dan perjalanannya telahpun membuktikan keuntungan. Jumlah yang dikehendaki di dalam tahun 1973 ialah sebanyak \$3 juta untuk pembinaan perumahan dan pembelian tanah. Kementerian ini penuh keyakinan bahawa dengan penubuhan RASCUM, ancaman pengganas komunis di Sarawak terutama sekali di Bahagian Ketiga boleh di atasi dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, jumlah sebanyak \$255,000.00 adalah dikehendaki dalam tahun 1973 di bawah pecahan kepala 20—Pusat Latihan dan Perumahan untuk anggota Angkatan Tentera yang akan bersara. Projek ini yang menelan belanja sebanyak lebih kurang \$4.4 juta bertujuan untuk mengadakan Pusat Latihan bagi anggota-anggota tentera yang akan bersara dan yang menjalani latihan pemulihan. Tujuan Pusat Latihan ini ialah untuk memberi segala kemudahan-kemudahan yang akan membolehkan anggota tentera melengkapkan

diri mereka dengan pengetahuan yang secukupnya bagi mencari penghidupan di dalam lapangan awam setelah mereka bersara dari perkhidmatan nanti. Pusat ini dijangka akan memberi latihan teknikal dan vokesyenal bagi anggota tentera yang menjalani kursus pemulihan. Jumlah sebanyak \$255,000.00 ini yang dikehendaki dalam tahun 1973 adalah untuk pembelian tanah.

Tuan Pengerusi, dengan pembinaan Pengkalan Utama Tentera Laut di Lumut adalah difikirkan perlu untuk mengadakan "advance base" di Pantai Timur, Malaysia Barat bagi mempertahankan gerakan-gerakan laut di Pantai Timur dan juga sebagai Pelabuhan Perhentian bagi kapal-kapal yang membuat perjalanan daripada dan kepada Sabah dan Sarawak. Pengkalan ini akan memberi kemudahan "first line repair" bagi kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia dan juga membekalkan alat-alat ganti, catuan dan P.O.L. kepada kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia di kawasan ini. Untuk mengurangkan harga "infrastructure" Kerajaan telah mengambil keputusan supaya "advance base" ini ditempatkan bersama dengan pelabuhan baru awam yang akan didirikan di Tanjung Gelang, di Utara Kuantan. Anggaran jumlah perbelanjaan untuk projek ini ialah \$15 juta untuk Kementerian Pertahanan sahaja. Bagi tahun 1973 peruntukan sebanyak \$500,000.00 adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian tanah dan membersehhkan kawasan.

Tuan Pengerusi, Pecahan Kepala 31 menunjukkan nilai bantuan alat-alat yang dijangka akan diterima dalam tahun 1973 sebagai bantuan dari kerajaan asing. Jumlah sebanyak \$10 juta ini yang ditaksir bagi tahun 1973 adalah merupakan sebahagian daripada alat-alat yang dijangka akan diterima di bawah Rancangan Bantuan Pertahanan Australia untuk tahun 1971-1974. Tidak ada perbelanjaan wang sebenarnya yang terlibat dalam pecahan kepala ini dan jumlah \$10 juta itu hanya merupakan angka anggaran sahaja.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penuh anggaran perbekalan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Saya mengharapkan supaya Kementerian ini sentiasa dalam perhatian Kerajaan pada memberikan peruntukan yang lebih bila mana dikehendaki. Saya bercakap dalam urusan pentadbiran.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan kepada Kementerian ini, kerana tidak menceburkan diri askar-askar kita dan mengeluarkan wang kita bagi mencampuri peperangan di Vietnam hingga peperangan telah hampir akan mencapai perdamaian. Sikap ini patut diamalkan seterusnya bahawa Malaysia tidak gemar tenteranya dipengkalankan di negara asing dan kita juga tidak gemar bahawa negara kita ini dipengkalankan oleh tentera-tentera asing. Amalan ini, Tuan Pengerusi, sebagai membuktikan kenyataan dasar pengecualian kita dan dengan ini kita akan menerima penghormatan daripada negara-negara di Asia ini.

Yang keduanya, tentera kita telah memberikan perkhidmatan kepada kebajikan, kepada orang ramai khususnya di satu-satu kawasan gerakan seperti memberi perkhidmatan perubatan dan juga membuatkan jalanraya dan jambatan. Amalan ini patut diteruskan supaya perhubungan orang ramai dengan askar-askar kita bertambah mesra dan bertambah baik. Sebab satu perkara yang patut difahami oleh rakyat dalam negeri ini bahawa pertahanan ini sangat penting pada zaman pembangunan ini. Sekiranya kita tidak ada mempunyai pertahanan yang cukup lengkap, segala rancangan yang hendak dihulurkan kepada rakyat itu tidak akan berjaya.

Satu perkara lagi dalam Bahagian Pentadbiran, saya harap Kementerian ini akan menjauhi perbuatan yang berupa perpisahan antara kita dengan sama-sama pasukan keselamatan dan juga kita dengan polis sebab kalau ada perbuatan yang seumpama ini, akan dapat diperhatikan oleh rakyat dan saya harap Kementerian ini akan mengambil tindakan yang tegas kepada mereka-mereka yang cuba melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak disukai oleh orang ramai.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam masaalah P. 19—Memperbaiki dan membaharui bekas kem-kem British.

Bila kem di Sungai Udang, Melaka telah diserahkan balik kepada Malaysia, Kerajaan

British sekarang menuntut jumlah wang \$216,000 lebih kerana kegunaan hartabenda British di Malaysia Barat oleh Angkatan Tentera kita. Masalah ini mungkin juga ada di kem-kem yang lain termasuk di Malaysia Timur. Apa yang saya harapkan atas kebijaksanaan Kerajaan atau Kementerian ini supaya meminta kepada Kerajaan British melepaskan wang tuntutan tersebut dengan alasan yang saya fikir Kerajaan British telah menempatkan tenteranya di Malaysia ini sejak 80 tahun dahulu dan telah mendapat keuntungan selama mereka duduk dalam negeri ini.

Dan semua tentera-tentera Malaysia sekarang yang bertempat di kem-kem British itu adalah juga melindungi harta dan ladang-ladang kepunyaan saudagar British dan juga negara-negara Commonwealth.

Saya bercakap dalam B. 19—Bahan-bahan dan Bekalan. Bagaimana yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, ini termasuk perbekalan catuan barang-barang basah kepada yunit-yunit Angkatan Tentera kita melalui kontrek. Tetapi alangkah sedihnya bahawa angkatan tentera kita yang di kem-kem di Johor Bahru dibekalkan dengan barang-barang catuan dari Singapura. Menurut apa yang saya tahu di Bandar Johor Bahru tidak kurang barang-barang basah yang diperlukan oleh askar itu. Kununnya barang basah itu sukar dapat di Johor Bahru pada hal sebaliknya barang-barang dari Singapura itu datang dari Johor Bahru.

Saya tidak begitu risau, Tuan Pengerusi, dalam masalah membeli-belah di Singapura tetapi dari segi pertahanan, dari segi angkatan tentera saya fikir ini kurang menarik kita membeli barang-barang makanan askar kita daripada negeri luar yang boleh kita dapat dalam negeri kita. Saya khuatir bahawa pemborong-pemborong ini akan mempengaruhi lori-lori askar yang membawa barang-barang ini dengan menyeludupkan barang-barang untuk keuntungan dia demi berselindung dengan membawa barang-barang askar kita.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan latihan perajurit kita. Saya berasa besar hati Pusat Latihan ini meminta peruntukan dan latihan-latihannya akan ditambah sehingga lapan bulan. Dalam masalah ini saya telah dengar langkah-langkah latihan kita akan

memulakan dengan latihan vocational dan latihan-latihan, kita kena latih askar-askar kita ini supaya dapat mereka itu membuat penghidupan baharu setelah mereka bersara kelak. Di antara perkara yang sangat penting saya nampak mereka ini boleh dilatih dengan membuat usaha, membasuh dan mendobi baju di masa akan datang. Mereka ini ada mempunyai persatuan. Masa akan datang pihak tentera kita tidak akan memberi melalui kontrek-kontrek kontrek membasuh baju dan mendobi baju ini kepada kontrek luar. Kita boleh berikan kepada askar-askar kita yang saya fikir mereka boleh buat termasuk juga, Tuan Pengerusi, dalam masalah jahit—menjahit pakaian-pakaian askar kita mereka ini boleh buat. Jadi dengan ini, saya fikir selain daripada membantu mereka, kita dapat penuh kesetiaan kepada mereka yang mengusahakan ini.

Satu perkara lagi yang saya nampak dan telah menjadi sungutan iaitu berhubung dengan pemborong memberikan pakaian kepada askar-askar kita, pakaian seragam askar kita. Bilamana kita pesan corak dan bentuk kain yang kita beri itu disampaikan kepada askar kita tidak sama dengan apa yang kita tempah. Keadaan yang semacam ini barangkali kontrek-kontrek mengambil untung daripada segi membekalkan pakaian yang kurang mutunya sebagai yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sepatah dua tentang anggaran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, dan saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, before I touch on the estimates that were unveiled by the Deputy Minister of Defence, I wish to make a protest, and that protest relates to the Securities Industry Bill which the Deputy Minister of Finance has spoken about just now. It seems that the Press has been supplied with copies of this Bill and we in this House have not been. I think that is an insult to this House which I do not know whether the Government is aware of—that

this House which is sitting now has not been supplied with a copy of that Bill whereas I am told the Press has been supplied with it.

Mr Chairman, Sir, the total estimates of the Ministry of Defence come up to \$680 million which is the second highest allocation next to the allocation for Education. As such, Sir, we should see that we do not build more barracks, but we literally are building \$50 million worth of barracks this year. We should not build more barracks instead of schools and houses; we should not spend more on bullets instead of on social amenities for the rising generation in our schools. As such, while I do not grudge any money that is being spent on our defence we should see that we do not get carried away and spend too much of our scarce resources at the expense of the social services.

Mr Chairman, Sir, I want to touch on the idea of a Citizen Army. We have an Army, an Air Force and a Navy, which are essentially inherited from the British system. The British, of course, have their Officer Corps. It was once said that the Battle of Waterloo was won on the playing fields of Eton and this eliticism in the Army was a thing that was perpetrated by the British and lots of the features of that Officer Corps and eliticism are now also carried over in our Defence Forces. But in this twentieth century if we want the Army to be with the people, then the Army should be a Citizen Army which has more levelling up rather than of pushing up, instead of giving more and more privileges to the privileged few who happen to be Colonels, Brigadier-Generals, Lieutenant-Generals, and Generals, as we do not have a Field Marshal as yet.

Mr Chairman, Sir, in this House I have stated, and I reiterate, that I would like to see more and more of our officers being promoted from the ranks. It is said of the British Army that every private carries a Field Marshal's baton in his knapsack. Indeed, in the British Army two Field Marshals have risen from the ranks, namely, Sir Henry Wilson in World War I and Sir William Slim in World War II. I have yet to see any of our top leaders in the Army rising from the ranks. Perhaps our military tradition is as yet too short, but I hope that the Deputy Minister of Defence will see that more and more of our officers are promoted from the ranks.

I will also like to see, Mr Chairman, Sir, in consonance with this Citizen Army that more and more of our officers are also given training, not just military training, but sent to our institutions of higher learning. Mr Chairman, Sir, I do know that Israel is a very bad country to talk about in this House, but if you look at the Israeli Army, it has lots of its officers being sent to the various higher institutions of learning, and they make wonderful leaders after that. Here, I am particularly glad that I know at least of one Lieutenant-Colonel who commands a battalion in the Malaysian Rangers. He has enlisted for an off-campus course in Social Sciences with the University of Science Malaysia. I would hope that the Army will after a short time, after he has done his stint with his battalion in the Malaysian Rangers, give him time off, perhaps 2 or 3 years, to do a full time course rather than a part-time course. This officer concerned has been posted to Sarawak and therefore the chances of his running up to Penang are very slim, but if he were given time off for 2 or 3 years to do this Social Science course, then when he returns to the Army, I am sure that officer concerned will be a much better officer, and the Army itself will benefit from this type of training that is given to our officers in the Armed Forces.

In consonance too, Mr Chairman, Sir, with the idea of a Citizen Army is the involvement of the members of our Armed Forces with the every day life of the citizens where they are stationed. In other words, the Army should not isolate itself from the environment in which they are posted. For example, I do know that the Army now takes part in bridge building and in rescue work when there are floods. But that is not enough. The Army should at times open its doors to the civilians around. For example, if the Army holds a dance for the officers or other ranks, it should not only try and invite certain selected people, the "heaven-borns" in the town area to go and join up in the dance, but should invite a bigger range of people in the area in which they are stationed; or if the Army holds an open day or holds a sport, it should try and get the citizens in that area to be involved in the life of the Army and if this is done, Mr Chairman, Sir, then of course the civilian population will be less scared of our Armed Forces and *vice versa* the Armed Forces will know more of the citizens and their problems.

I remember once I met a Lieutenant-Colonel who told me, "Doctor, what do you think we should do so as to see that we are not regarded as an Army of Occupation by the civilian population?" Mr Chairman, Sir, I am very glad that there are people as high up as Lieutenant-Colonel in our Army who are conscious of this fact, that they must be involved in the community in which they live and in which they are stationed and they should not be regarded as an Army of Occupation by the civilians of this country and this business of opening the doors of army camps now and again to the civilians will break down these prejudices and fears, that the civilians have in the Armed Forces.

Mr Chairman, Sir, I see that on page 165, Kapaia B. 19, there is an allocation of \$125,355,000 for equipment and I believe that the Deputy Minister himself has also spoken just now about the purchase of aircraft. Of course, we should be a little careful in buying sophisticated weapons for our Armed Forces because we cannot at any time try and ape the more developed countries. Australia has spent A\$300,000,000 in just buying three squadrons of Phantom F. III. That in terms of our local currency will be about \$100 million. So we cannot at any time try and buy Mirages and the like. I would hope that this country would try and buy equipment for our Armed Forces which will take care of any internal insurrection and instead of buying expensive aircraft which run into millions of dollars—a B52, for example, would cost, perhaps, in the region of \$300 million—because \$125 million is chicken feed when you come to think of buying sophisticated equipment, buy helicopters filled with guns, for example, which will be very useful to tackle any internal insurrection that may occur.

Mr Chairman, Sir, in this House questions have been asked about the accidental shooting at the Thai-Malaysian border and we have been assured by the Honourable Deputy Minister that every step will be taken to see that such regrettable incidents will not occur, but, unfortunately, on 15th January, 1973 at 9.30 p.m. when a party of eight people were returning in a car after seeing a show in Kulim one of them was shot dead by our Armed Forces. This admittedly happened in a curfew area, but it happened at 9.30 p.m. when the curfew was from midnight to 4 a.m. In other words, this incident happened two

and a half hours before curfew time. Now, I do hope that the Army will exercise the greatest care; instead of being trigger-happy they should exercise the greatest care and certainly should not kill civilians and I do hope that the Honourable Deputy Minister will look into this matter of compensation to the deceased's family for the death of Juriah binte Mat.

Mr Chairman, Sir, when I spoke a little in December about RASCOM I believe I said that we should not depend only on brute force and we should not depend only on sophisticated equipment in order to combat communism. The Minister of Home Affairs castigated me for what I stated. He probably felt that what I wanted was a reduction in our Armed Forces or I wanted to weaken our Armed Forces. What I was trying to say, Mr Chairman, Sir, was that the Armed Forces should not rely only on brute force to combat communism because that would be counter-productive. Mr Chairman, Sir, amongst other things, I am a student of military history and I have here a book called "The Undeclared War" by two people who were in East Malaysia during Confrontation and with your permission, Mr Chairman, Sir, I want to read a little excerpt from it:

"No guerilla operations are possible without the full co-operation of the local people. This was apparent at the time of the Malayan Emergency when General Templer coined the phrase "hearts and minds". The principle applied even more to Borneo and Walker (that is, General Walker) emphasised its importance to all his Commanders. It was as much a Battalion Commander's task to win over the local people as it was to achieve results in actual fighting against the heavily-armed enemy. By winning over the people, we could assure that the enemy would be isolated from shelter, supplies and intelligence."

Mr Chairman, Sir, this was true during the time of the Brunei Revolt and during the time of Confrontation. It is true also today when we are trying to combat communism along our Northern borders and in Sarawak as well. Unless and until we win the hearts and minds of the people, both along the Northern borders and in Sarawak, that long will we be unable to get rid of

the communist menace and I do hope that the Ministry of Defence will pay more attention to winning the hearts and minds of the people rather than concentrating only on getting more Land Rovers, armoured cars, helicopters and sending more and more Generals to East Malaysia. I am glad, Mr Chairman, Sir, that at least there is one officer who is very conscious of the fact that his task is not just to hunt down communists, but also to win the hearts and minds of people where he is stationed in order that he may make it easier to hunt down the communists.

Mr Chairman, Sir, on Page 299 in this Blue Book, we are told:

“Oleh kerana kursus peralihan penyediaan diri dengan kehidupan awam yang diberikan kepada anggota-anggota tentera yang akan bersara tidak begitu berkesan, maka satu kaedah baharu dirancang. Satu “Holding Unit” yang kekuatannya lebih kurang satu battalion dengan kompleks bangunan pejabatnya sendiri, perumahan dan bengkel akan ditubuhkan untuk menyediakan anggota-anggota tentera yang akan bersara dengan satu latihan yang lebih berkesan untuk tempoh lebih kurang 6 hingga 18 bulan.”

Mr Chairman, Sir, I am very glad that the Ministry of Defence has now worked out this job of really training our Armed Forces who are about to retire so that they can be fitted to take a meaningful part in Civvy Street. But despite what the Ministry of Defence has been saying, it is no secret that what has been done so far by the Ministry of Defence has not been adequate. For example, I am told that about 4,000—or, perhaps, the figure is even more—retire every year. But not all these 4,000 turn up for training. But if this sort of training is given from six months to eighteen months before they retire in order to fit them for life in Civvy Street, then I am sure that these people will be better trained to face the rigours of life outside of their barracks; and to that extent, Mr Chairman, Sir, I am glad that the Ministry of Defence has made this allocation to build this complex for the training of soldiers who are about to retire.

Mr Chairman, Sir, in connection with this also, I wish to bring to the attention of the Honourable Deputy Minister regarding the

Butterworth base. As you all know, the Butterworth base is now manned by the R.A.A.F.—I think it has about two squadrons of Mirages—and we too have, if I am not mistaken, some of our Armed Forces there. The Australian Labour Government now has made it very clear that it will pull back all its armed forces overseas, meaning that it will pull back its Armed Forces certainly from Singapore and, perhaps, will also pull back its two squadrons of Mirages from Butterworth. If that happens, Mr Chairman, Sir, has the Ministry any plans to take care of the civilians staff who will be retrenched? Let not the same hullabaloo occur as has happened when the tin mines and the iron mines in Dungun and Pahang on the East Coast were closed down, when the Government was not at all prepared for this influx of labour that entered the labour market with the closing of the tin and iron mines there. I do hope that the Government will take a census of the civilian staff in Butterworth to see how it can cope or find work for these people if and when the Australians pull out of Butterworth.

Mr Chairman, Sir, I wish to touch a little bit on the rations to the Army. Just now, the Member for Muar Utara talked about the irony of rations being imported to the Army camps in Johore Bahru from Singapore. I wish to bring this to the attention of the Minister—I am certain he knows about it. From time to time one reads of the Auditor-General talking about rations to the Army being not up to the standard. I do hope that the Honourable Minister will give this matter his attention because if the rations to our Armed Forces are not what they should be or according to what is stated in the contract, then naturally an empty stomach or a badly-fed stomach leads to frustration amongst the members of our Armed Forces. They deserve better rations from the Ministry, and every care should be taken to see that the rations that are supplied to them are fresh, nutritious and not stale.

Finally, Mr Chairman, Sir, I see that the Deputy Minister has taken great pains to explain why the T.U.D.M.—Tentera Udara di Raja Malaysia—should be removed from the old Airport to Subang. He has told us just now that the allocation of \$6.3 million is for the purchase of land for this purpose. he has given the reason for this transfer.

If I am not mistaken, I heard him say that the weather at the old Airport is not suitable and therefore it should be removed to Subang. Now, Mr Chairman, Sir, I have no doubt that the R.M.A.F. or the T.U.D.M., have considered this matter very carefully and that they have in their considered judgment felt that this removal is necessary. I just wish to bring to the attention of the Minister just two points. One is that I have yet to know of any major airport mixing civilian air traffic with military air traffic. It is a very dangerous state of affairs, particularly so when you may have happy-go-lucky R.M.A.F. pilots flying around and when you have a Boeing 747 landing and if they clash, I shudder to think of the lives that would be lost. In most countries, the Ministries of Defence there have taken care to see that they do not mix civilian air traffic with military air traffic. That is an axiom that most countries observe. But I see now that we are deliberately doing what other countries have sought to avoid. The other thing, of course, has to do with the intelligence. If you have the military air-base in the old Airport, then anybody who goes there, or any aircraft that flies over there that is not authorised, you can always tell them to buzz off. But if you have the air-base also at Subang where every civilian aircraft lands, then we are inviting others who make it their job to know more and more about our Armed Forces; they may well be given the chance to photograph all our military installations at the Airport. We are then opening our military secrets to those who make it their job to know about our secrets.

Mr Chairman, Sir, I leave these two thoughts with the Deputy Minister of Defence for his serious consideration, because I myself do not feel that it is a wise thing to remove our T.U.D.M. from the old Airport to Subang.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin bersama-sama mengambil bahagian dalam Kepala B. 19 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan baharu sekejap tadi.

Perkara yang hendak saya sentuh ialah mengenai dengan pentadbiran pertahanan.

Pada masa ini saya difahamkan bahawa seseorang tentera apakala telah berjaya menjalankan pekerjaannya seperti dapat

membunuh pengganas komunis ataupun dapat menangkap maka tentera-tentera itu diberi pingat sebagai menghargai di atas jasa cemerlang yang dilakukan oleh tentera-tentera itu. Saya memang bersetuju dengan sikap yang seperti ini, tetapi saya berpendapat bagi seseorang yang telah dikurniakan pingat kerana mengenangkan jasa cemerlang yang telah dilakukan itu, ada baiknya kepada tentera yang seperti ini selain daripada diberi pingat, maka dengan kejayaan yang seperti itu dijadikan sebagai suatu syarat ataupun sebagai suatu perkara yang boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat ataupun kenaikan gajinya kerana dengan cara yang demikian bukan sahaja tentera itu dapat menghargai di atas pingat yang dikurniakan, tetapi akan menambahkan lagi semangat dan kejujuran serta keikhlasan untuk bekerja lebih keras dan mencari pengganas ataupun lain-lain perkara yang dikehendaki oleh Kerajaan.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah mengenai dengan cara-cara maklumat yang disampaikan oleh pihak Kementerian kepada keluarga-keluarga perajurit yang perajurit itu menerima kemalangan seperti kematian di dalam peperangan ataupun di dalam perkhidmatan.

Sepanjang yang saya ketahui kadangkala seseorang perajurit itu telah meninggal dunia dua hari di dalam hutan belantara, maklumat yang disampaikan kepada keluarganya ialah anak si anu bin si anu ataupun anak seseorang waris itu telah mendapat cedera parah dan di dalam keadaan teruk, sedangkan di waktu maklumat itu disampaikan memang tentera itu sudahpun meninggal dunia.

Saya berani bercakap demikian, Tuan Pengerusi, dari pengalaman yang sayaalui sendiri iaitu seorang perajurit berhampiran dengan rumah saya telah meninggal dunia disebabkan diserang oleh pengganas komunis waktu perajurit itu berkhidmat di Malaysia Timur, maka maklumat yang disampaikan kepada keluarganya bahawa perajurit itu telah mendapat cedera parah dan berada di dalam keadaan yang teruk sedangkan di waktu itu juga apabila dihubungi dengan Kementerian di Kuala Lumpur didapati bahawa perajurit itu sudah pun meninggal dunia dua hari. Jadi keluarga yang menerima maklumat tadi terus datang ke Kuala Lumpur kerana difikirkan bahawa anaknya

itu berada di hospital sesudah dibawa balik dari Malaysia Timur. Tetapi alangkah terperanjatnya, Tuan Pengerusi, apabila dia sampai di Kuala Lumpur, maka mayat anaknya telah tiba di rumah, dan ini telah menimbulkan kesusahan yang banyak kepada keluarga yang saya sebutkan itu. Sepatutnya kalaulah satu cara yang berdiplomasi supaya tidak memeranjatkan keuarga yang berkenaan, apa salahnya dua jam kemudian sesudah diberitahu bahawa perajurit itu di dalam keadaan parah disampaikan dua jam kemudian bahawa perajurit itu telah meninggal dunia, jadi tidaklah hendak tunggu 24 jam selepas maklumat yang pertama.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sentuh ialah mengenai dengan cerita-cerita ataupun kejadian-kejadian ganjil yang kita sentiasa dengar di kawasan sekeliling yang ada kem tentera.

Saya mendapat maklumat bahawa anak-anak gadis yang tinggal di kawasan keliling kawasan tentera pada masa ini mendapat bekalan pii perancang keluarga ini kononnya daripada tentera-tentera yang belum berumah-tangga. Kalau hendak dikatakan perkara yang seperti ini tidak betul, perkara seperti ini berlaku. Apa yang saya maksudkan dan saya suka sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, ialah supaya diadakan satu kawalan sedikit kepada tentera-tentera kita yang belum berumah-tangga ini supaya mereka dapat dipandang sebagai suatu pasukan yang patut dihormati dan tidaklah menjadi cerita-cerita yang agak menyakitkan hati keluarga-keluarga yang tinggal di keliling kawasan kem tentera kerana kalau perkara-perkara yang seperti ini berlaku mengenai pembahagian pil perancang keluarga disalurkan menerusi tentera-tentera kepada anak-anak gadis, tentulah secara tidak langsung bahawa sebahagian daripada tentera kita telah mencerubuh Undang-undang Perancang Keluarga yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini, kerana maksud diadakan pil perancang keluarga ini bukan untuk dibahagikan kepada anak-anak gadis, tetapi ialah diberikan kepada perempuan-perempuan yang sudah mempunyai suami. Kalaulah tentera ini hendak memberi khidmat sukarela mengenai pil perancang keluarga, eloklah diberikan kepada isteri-isteri yang sudah ada suami, bukannya hendak diberikan kepada gadis-gadis yang belum berumah-tangga.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebutkan dan pada akhirnya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian ini, kerana dengan adanya cara-cara baharu yang disusun dalam Kementerian ini, saya dapati bahawa kedudukan Kementerian ini mendapat pujian dari negara-negara luar dan juga dari rakyat dalam Malaysia ini.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, year by year, the expenditures for the Ministry of Defence increased by leaps and bounds. In 1965, the operating expenses of the Ministry of Defence was \$207 million. For this year, the operating expenses is \$580 million, a three-fold increase. Even if we take into account the transfer this year from the development expenditure into the operating expenses, the increase in the annual recurrent expenditure in the last eight years is more than doubled. This is a very serious state of affairs as defence is one of the major items of Government expenditure. If defence expenditures are allowed to increase yearly unchecked and unrestrained, the proper social, economic and educational development of the people and country are going to be distorted and retarded. Thus, for instance, as an example, there was a Ministry of Housing eight years ago, but today there is hardly any funds allocated to the provision of housing for the millions of homeless in the country.

While we appreciate the need for an adequate defence system in the country, the Government must resist the temptation to have big and prestigious Armed Forces, and should take steps to reduce the economic burden of defence in the country.

Firstly, the Government should exercise a strict control over the defence budget and take a policy decision not to allow defence expenditure to increase by leaps and bounds every year.

Secondly, to reduce the economic burden of defence, the Government should cut down the overhead costs of maintaining a large standing army. The Government should adopt the economically cheaper device of introducing compulsory National Service for all Malaysian youths, for a period of, say, two years. There can, therefore, be a smaller standing army.

A people's militia, made up of two-year compulsory National Service for all Malaysian youths, will be superior to a large standing army in three aspects. Economically, this will be cheaper than having to maintain a large standing army. Further, compulsory National Service will turn every Malaysian into an able defender of the country in time of national need. Thirdly, by putting Malaysian youths through the common crucible of two years of National Service, Malaysians of diverse races, cultures and backgrounds can come together and foster the growth of a common identity and consciousness. This can be a very great contribution to nation-building.

Finally, the Government should give to the standing Armed Forces secondary civilian economic functions, as in rural development, extension work, road-building and other public building projects, adult education and other social work so that the Armed Forces are involved economically and socially in the development of the country and not, as of now, where there are military involvement in some of these social work they are very haphazard and only when there is a major emergency as, for instance, when there are floods. It should be a more regular secondary civilian economic role.

Tuan Pengerusi, from the details given in this Blue Book, "Tujuan-tujuan dan tugas utama Kementerian Pertahanan, muka 289, adalah seperti berikut:

- (a) Mempertahankan negara daripada serangan dan ancaman dari luar;
- (b) Menjaga keselamatan negara daripada serangan dan ancaman di dalam negeri;
- (c) Membantu Polis dan Pihak Berkanun Awam bagi menjaga ketenteraman dan keamanan dan menentukan bahawa pemerintahan Kerajaan yang sah dalam negeri berjalan dengan sempurna;
- (d) Mengadakan keselamatan perhubungan di dalam Malaysia; dan
- (e) Mencegah lanun dan rompakan di laut."

For Malaysia, the main duty of Malaysian Defence Forces is likely to remain that of maintaining the security of the nation against internal threat and aggression and upholding the authority of the lawful Government of the country. It is, therefore, very important when we consider the service of defence, let us also consider the question of

the defensibility of the system which is one of the objects of the Defence Forces to uphold. In this connection, just now we heard from the Honourable Deputy Defence Minister about the growing problem of security in Sarawak and another Member has spoken about the importance of winning the hearts and minds of the people. It is not a question of just getting more bullets, more tanks and more guns. In this connection also, there is a lesson to learn from Vietnam that in the battle for the hearts and minds of the people the Armed Forces can only play an auxiliary role. For instance, in Vietnam all the fire-power, bombs, B-52s, wealth and ground troops of the American super-power could not crush a puny but pugnacious Asian nation. Basically the issue must be solved politically, economically and in the hearts and minds of the people. Any action which strengthens the democratic process in the country will add to the viability and defensibility of the nation and the legally constituted Government, and in this connection we welcome any measure which can strengthen the democratic process because otherwise any action which weakens the democratic process must weaken the defensibility of the system. Because of this, we are happy there have been by-election because it is an indication of the workings of the democratic process. But we must warn that such elections or by-election must be conducted honestly if the people are not to lose faith in the entire democratic system. Recently, only two days ago, we had a by-election in Kuala Kedah. However, I am afraid that was an instance which will not strengthen the viability or the defensibility of the system because in that by-election, a lot of things happened which make people wonder as to whether such a system should be defended. I think if we get to a position whereby a system will have to be propped up by very discreditable, very despicable methods, then I think this is a matter which the defence authorities concerned must go into and must study the implications. In this connection, we know that two days ago, in the Kuala Kedah by-election polling day, we had a letter being circulated there which was purported to come from the independent candidate Siti Nor binte Hamid Tuah and her father Hamid Tuah urging the people to vote the Alliance and with your permission, Mr Chairman, I would just quote two paragraphs.

Tuan Pengerusi: What has it got to do with these estimates?

Tuan Lim Kit Siang: It is the defensibility of the system.

Tuan Pengerusi: What system?

Tuan Lim Kit Siang: Menjaga Keselamatan Negara daripada serangan dan ancaman di dalam negeri. It is a very short quotation, Sir:

"Kami Hamid Tuah dan Siti Noor binte Hamid Tuah (Calun Bebas) yang menentang calon Perikatan dalam Pilihanraya Kecil Kuala Kedah merayu kepada pengundi-pengundi supaya mengundi Perikatan (Kapal Layar). Kami telah sedar dialatkan oleh Parti-parti Pembangkang untuk mengkhianati perjuangan bangsa dan perpaduan negara kita Malaysia. Undilah Perikatan (Kapal Layar) bagi membebaskan kami dari ikatan Parti-parti Pembangkang yang selama ini menentang perjuangan bangsa kita".

So, Sir, this carried the fake signatures of Siti Noor and Hamid Tuah and it was distributed in tens of thousands on the last day of polling, not to allow the candidate time to rebut and expose such trickery and treachery. This is a very serious matter and I hope not only the new M.P. but the Alliance leaders will give an explanation because otherwise I don't see how we can competently defend a system which has to be propped up by so unscrupulous a method.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sedikit ketika Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan membentangkan peruntukan Kementerian Pertahanan dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan berhubung dengan Kepala P. 19—Pembangunan di Pecahan-kepala 1—Rancangan Perumahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan yang memperuntukkan rancangan perumahan kepada anggota pertahanan kita.

Dalam masaalah perumahan ini, Tuan Pengerusi, patutlah difikirkan juga tentang keadaan rumah yang dirancangkan iaitu

mengenai keluasanya, bilik-bilik dan sebagainya. Apa yang selalu terjadi adalah didapati bahawa rumah yang disediakan untuk Pasukan Pertahanan kita sangatlah kecil. Kadang-kadang untuk menempatkan keluarga mereka pun tidak berpadanan, kerana rumah yang disediakan hanya mengandungi dua bilik, dan kalau ada anak yang sudah besar terpaksa tidur bersama dengan bapa atau ibu mereka. Maka sepatutnya, Tuan Pengerusi, hendaklah dirancang dengan menyediakan bilik yang lebih baik sedikit dan kawasan yang luas supaya tentera-tentera kita tidak menjadi kelamkabut dan juga untuk mengelakkan beberapa kejadian yang pernah berlaku di mana beberapa kelakuan yang tidak baik pernah berlaku. Apatah lagi kalau seorang tentera itu atau seorang anggota pertahanan kita itu berkahwin dengan perempuan janda yang mempunyai anak perempuan yang sudah besar; ertinya kalau anak perempuan itu tidur berdekatan dengan bapanya adalah kurang manis. Apa yang perlu saya tekankan ialah agar rancangan perumahan untuk angkatan tentera kita itu harus diawasi dan disediakan agak lebih besar sedikit daripada keadaan yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan peruntukan bagi membeli alat-alat barang-gantian. Saya diberitahu ada beberapa jenis alat gantian yang tidak banyak di dalam simpanan Pasukan Tentera kita khususnya dalam perkara-perkara mengenai kenderaan. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya alat-gantian yang lebih banyak dan bermutu disediakan khususnya dalam perkara-perkara yang penting iaitu dalam hal-hal kelengkapan tentera. Mana tahu kejadian serta-merta mungkin berlaku menyerang pertahanan negara kita, dan kalau barang-barang gantian kita kurang dalam setok kita, sudah tentu kita akan menghadapi masaalah yang rumit untuk mendapatkannya dengan seberapa segera.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan tentang latihan yang diberi kepada tentera dan bekas tentera kita. Apa yang saya ingin sebutkan ialah tentang latihan ini hendaklah kita kemaskan dan perkuatkan dengan lebih baik lagi. Kita tidak mahu mendengar orang lain mengatakan setelah kita sudah merdeka, disiplin angkatan tentera kita telah merosot sedikit berbanding dengan semasa kita berada di

bawah penjajah dahulu, kerana kita yang melatih dan kita yang mengawal. Saya harap pada masa yang akan datang latihan itu harus kita perkuatkan dengan lebih hebat lagi.

Tuan Pengerusi, dalam perkara latihan ini, saya ingin menyentuh suatu perkara lagi tentang latihan udara iaitu latihan helikopter ataupun latihan penerbangan. Apa yang sangat mendukacitakan, pernah kejadian di masa yang lalu iaitu berlakunya suatu kemaianan yang mana tentera kita yang kebetulan daripada kawasan saya Dungun, telah jatuh bersama dengan jurulatihnya ketika mengadakan ujian ataupun dalam latihan untuk memandu helikopter. Walaupun kejadian ini baharu berlaku, tetapi eloklah diperhatikan bahawa pengawasan hendaklah dibuat pada masa yang akan datang manamana badan yang membuat latihan dengan tentera kita dan juga orang atau pihak yang memberikan latihan kepada tentera kita, khasnya dalam bahagian helikopter dan kapal terbang, harus terdiri daripada mereka yang benar-benar mahu meninggikan kecakapan tentera kita, benar-benar mahu meninggikan kebolehan tentera kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu ingin saya menyebut tentang latihan perlu dibuat berhubung dengan tentera kita untuk menghadapi banjir. Sekarang ini apakala banjir datang di kawasan-kawasan yang menjadi bencana banjir, pihak tentera adalah mengambil peranan yang penting dengan menyediakan bot dan menyediakan berbagai-bagai tenaga untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang dialami oleh orang-orang yang menerima ancaman banjir itu.

Tuan Pengerusi, selalu kejadian tentang tidak bersefahaman antara unit tentera dengan pegawai yang menyelenggarakan untuk mengatasi banjir tempatan, misalnya Pegawai Daerah ataupun pegawai-pegawai yang berkaitan dengan hal tersebut di tempat-tempat itu.

Ini saya fikir, Tuan Pengerusi, oleh sebab kekurangan latihan kita dalam bidang itu. Saya sendiri, melihat bahawa pasukan tentera kita hendak menolong menyelamatkan orang-orang yang kena bah, kena banjir dengan naik satu bot 4 orang dan keempat-empat itu memakai kasut dan stocking berbelit-belit sebagaimana mereka bertugas di dalam hutan, tetapi ketika itu dia berada di dalam bot dan menghadapi air kencang.

Mengikut fikiran saya, cara seperti ini kurang memuaskan, kerana tatkirlah bot itu, tenggelam, bukannya yang hendak ditolong itu selamat, yang menolong sendiri pun, meminta perlindungan, boleh jadi ditenggelamkan oleh air juga. Kerana almaklumlah, baju pun berat dengan unifom tentera itu, kasut pun berat, stocking pun berat dan segala kelengkapan itu berat dan saya rasa cara seperti ini kurang memuaskan, kurang baik. Jadi haruslah kita menyediakan satu latihan bagi mengatasi hal ini dengan mengadakan satu unifom yang tertentu, unifom ringan. Misalnya banjir ini memang boleh jadi berlaku, Tuan Pengerusi, takdirnya perahu itu terbalik, sekurang-kurangnya anggota-anggota tentera yang hendak menyelamatkan bencana-bencana banjir itu dapat menyelamatkan dirinya sendiri dan kalau boleh dia dapat menyelamatkan orang lain. Tetapi kalau pakaian sebagaimana yang saya katakan tadi, sudah tentu tidak dapat. Hal itu harus diambil perhatian kalau boleh diadakan satu unifom khas ataupun satu pasukan khas untuk menghadapi banjir, bukan menentang banjir, saya tidak mahu menentang banjir, cuma mengatasi masalah banjir sahaja.

Pada akhirnya, Tuan Pengerusi, yang hendak saya sebutkan ialah berhubung dengan latihan kepada bekas perajurit yang berhenti kerja, yang hendak diberhentikan daripada perkhidmatan mereka.

Saya mengaku bahawa latihan itu diberi adalah baik, walaupun tidak begitu banyak, tetapi boleh dijadikan asas-asas untuk bekas perajurit itu menjalankan dasar hidup setelah mereka keluar daripada lapangan tentera.

Tuan Pengerusi, saya fikir Kementerian Pertahanan harus memikirkan tentang bekas-bekas perajurit yang muda ini, iaitu mereka yang masih umurnya tiga puluhan, tetapi sudah menjadi bekas perajurit haruslah ditimbang supaya mereka ini boleh diterima kembali menjadi perajurit dan disambung perkhidmatan mereka bagi membolehkan mereka berkhidmat selama 21 tahun ataupun berapa had yang membolehkan mereka menerima pensen walaupun sedikit.

Ini harus dibuat kerana memandangkan berapa banyak bekas-bekas perajurit ini terbengkalai dalam mencari pekerjaannya. Kalaulah syor saya ini tidak diterima ataupun kurang mahu diterima oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, maka satu fikiran yang lain pula ialah pihak Kementerian Pertahanan haruslah menyediakan satu badan ataupun menghantar mereka ini ke satu tempat untuk mereka bekerja dalam gaji aia-kadar, misalnya setengah-setengah orang sekarang ini bekerja sebagai Securicor ataupun sebagainya, ataupun apa-apa yang sesuai bagi mereka yang telahpun berada di alam Perkhidmatan Tentera yang begitu kuat secara disiplin ataupun sebagainya dan kalau boleh diletakkan begitu, maka saya rasa keadaan kesulitan pengangguran yang dialami oleh bekas-bekas perajurit ini tidak akan disebut di sana sini mengatakan bahawa Kementerian Pertahanan tidak membuat apa-apa untuk menolong mereka.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya suka juga mengambil bahagian dengan ringkasnya mengenai Kepala P. 19—Kementerian Pertahanan di muka 167 Pecahan-kepala 19—Projek RASCOM yang mendapat peruntukan pembangunan sebanyak \$3 juta bagi menghapuskan ancaman komunis di Bahagian Ketiga Sarawak.

Tuan Pengerusi, wang peruntukan sebanyak \$3 juta bagi menghapuskan jumlah yang banyak juga. Walaupun demikian Kerajaan kita tidak mengira demi keselamatan rakyat di negara yang harus dijaga daripada ancaman musuh yang tidak bertanggungjawab di Bahagian Ketiga Negeri Sarawak di bawah perintah Kuasa RASCOM dan ada juga rakyat yang taat-setia di Bahagian Ketiga berasa tidak senang hati dan berkata iaitu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak adalah sangat bertimbang rasa lebih daripada yang patut bagi memberi layanan kepada anasir-anasir jahat yang telah ditangkap atau menyerah diri, sehingga mereka itu diberi tempat kediaman yang lebih baik daripada setengah-setengah rumah Kerajaan yang didiami oleh kakitangan Kerajaan yang berpangkat rendah. Begitu juga makanan pagi dan petang termasuk rawatan adalah memuaskan, serta pula keluarga mereka diberi elaun yang tertentu oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, mengenai murid-murid sekolah yang tertentu yang terlibat dengan masalah komunis di Sarawak yang telah dibebaskan oleh Kerajaan, saya rasa, perkara ini harus diberi perhatian yang teliti oleh

pihak yang berkenaan. Oleh kerana fikiran dan jiwa mereka itu telah dimasuki oleh fahaman-fahaman jahat untuk menentang pihak Kerajaan yang ada sekarang. Saya rasa budak-budak ini masih lagi dalam kandungan umur belasan tahun yang mana darah panas mereka masih kuat lagi. Oleh hal yang demikian patut juga budak-budak yang terlibat ini diberi didikan berasingan daripada sekolah-sekolah budak-budak yang lain supaya semangat dan budipekerti mereka dapat diperbaiki dan dikaji oleh Kerajaan sebelum mereka meninggalkan bangku sekolah atau memasuki ambang dewasa sebagai rakyat Malaysia yang benar-benar menumpahkan taat-setia kepada Raja dan negara.

Tuan Pengerusi, mengenai pasukan kawalan kampung di kawasan saya yang telah ditubuhkan pada tahun lepas dan telah mendapat senapang patah dan peluru bagi mengawal keselamatan kampung masing-masing adalah menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna mengikut seperti arahan yang mereka terima daripada pihak yang bertanggungjawab. Seperti yang saya tahu daripada mereka yang berkenaan iaitu bekalan beteri lampu picit dan baju hujan untuk kegunaan mereka masa bertugas yang sepatutnya ada, belum lagi diterima daripada pihak yang bertanggungjawab dan perkara ini juga saya sendiri telah berjumpa dengan salah seorang pegawai yang bertanggungjawab di atas perkara itu di Kuching lebih kurang satu bulan sudah. Mengikut apa yang saya telah difahamkan oleh pegawai itu pada masa ini katanya belum ada peruntukan untuk beteri dan baju hujan bagi Pasukan Kawalan Kampung.

Dengan adanya peruntukan yang dibahaskan sekarang, saya percaya peruntukan untuk perkara tersebut dapat dilaksanakan dengan seberapa segera.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya memberi sokongan peruntukan bagi Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Pertahanan yang penting ini pada hari ini.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh sedikit sahaja pada Kepala P. 19, Pecahan-kepala 16 (A)—Pembinaan dan Pengambilan Tanah untuk pengkalan Tentera Laut (Naval Base) Lumut, Perak.

Berkenaan dengan ini saya suka membawa kepada Dewan ini untuk perhatian tegas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan tentang kebimbangan beratus-ratus keluarga yang sudah duduk mencari nafkah mereka masing-masing atas kebun dan tanah-tanah mereka di kampung Teluk Muru, wilayah Lumut, negeri Perak yang akan menyerah balik kebun-kebun dan tanah-tanah itu kepada Kerajaan kerana Pembinaan Pengkalan Tentera Laut ini.

Tuan Pengerusi, mereka yang terlibat dalam pengambilan tanah oleh Kerajaan sebab Pembinaan Pengkalan Tentera Laut itu bolehlah dibahagi dua kumpulan dengan kasarnya.

Pertama, tuan-tuan punya tanah yang tidak berumah di atas tanah yang berkenaan ini dalam bahasa Inggerisnya absentee landlords yang agak bukan miskin dan sudah tentulah kumpulan ini pun khuatir juga akan pengambilan tanah mereka oleh Kerajaan kerana entah macam manakah Kerajaan akan membayar sagu hati dengan wang tunai nanti.

Tuan Pengerusi, kekhuatiran ini adalah tidak mustahil dan saya percaya Kerajaan akan menjalankan cara ataupun kadar sagu hati yang adil ke atas mereka.

Tuan Pengerusi, yang kedua dan kumpulan inilah yang lebih patut dilayan dengan pelaksanaan pengambilan tanah itu yang lebih teliti. Kumpulan ini terdiri daripada tuan-tuan punya kebun-kebun kecil yang berhasil daripada kerja kuat mereka sendiri yang setengah-setengah daripadanya telahpun menguruskan tanah-tanah yang akan diambil oleh Kerajaan itu selama dua atau tiga jenerasi. Kepentingan kumpulan inilah, saya harap Kerajaan akan jaga dengan adil dan saksama, apabila cara compensation atau sagu hati ditetapkan dan dilaksanakan nanti.

Tuan Pengerusi, saya telah diberitahu oleh penduduk-penduduk Lumut yang berkaitan itu petang kelmarin apabila saya berjumpa dengan mereka. Mereka sedang risau tentang masalah ini. Apakah akan jadi kepada cara hidup tradisi mereka yang telahpun menjadi darah daging mereka berjenerasi-jenerasi itu? Adakah Kerajaan akan membayar sagu hati wang tunai sahaja yang akan habis dibelanjakan juga tidak lama lagi kerana harga barang-barang keperluan yang kian naik itu?

Tuan Pengerusi, bolehkah Kerajaan memberi jenis tanah-tanah di tempat lain yang membolehkan mereka terus bercucuk-tanam seperti biasa, dan bilakah Kerajaan akan mengumumkan rancangan yang tertentu yang akan melapangkan dada mereka yang sudah lama bimbang itu? Rancangan itu akan membolehkan penduduk-penduduk yang malang itu membuat satu ikhtiar untuk masa depan masing-masing. Pada masa sekarang mereka tidak tahu apakah Kerajaan akan buat melainkan tanah mereka akan diambil. Mereka tidak dapat apa-apa asas atau basis yang boleh menjadi satu pedoman untuk menyediakan diri untuk masa depan mereka.

Tuan Pengerusi, mereka ini semua orang kampung yang baik hati. Mereka tidak bersungut tentang pengambilan tanah mereka untuk membina sebuah Pengkalan Tentera Laut yang akan membanggakan setiap warganegara. Mereka faham akan prinsip kepentingan nasional yang lebih penting daripada kepentingan mereka masing-masing.

Mereka faham akan tujuan yang telahpun dinyatakan dalam buku biru dalam anggaran belanjawan Kerajaan Persekutuan tahun 1973 ini termasuk menjaga keselamatan negara daripada serangan dan ancaman di dalam negeri serta mencegah lanun dan rumpakan di laut. Mereka hanya mengharap-kan Kerajaan membuat ikhtiar dengan secepat mungkin yang dapat menyenangkan hati mereka tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, berbagai-bagai masalah kehidupan keluarga mereka ini telahpun terbayang-bayang dalam hati mereka. Di-harap Kementerian Pertahanan menjelaskan kepada mereka melalui Dewan ini bila Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menjawab nanti. Haruslah dijamin kepada mereka jika hanya sagu hati dibayar, maka jumlah pembayaran itu patut mencerminkan bukan sahaja harga pasaran tanah yang diambil itu, tetapi juga kesusahan mencari nafkah cara baharu yang mesti timbul apakala mereka tidak dapat tidak menggunakan wang sagu hati itu yang akan haus juga dengan cepat pada zaman yang kian melambung harga kehidupannya.

Tuan Pengerusi, jika Kerajaan akan menggantikan tanah yang diambil itu dengan tanah yang lain, saya tahu cara ini akan lebih

digemari sebab mereka akan dapat bukan sahaja bercucuk tanam di atas tanah seperti biasa, tetapi juga dapat tapak rumah yang diperlukan untuk keluarga mereka. Dan juga apabila tanah mereka diambil oleh Kerajaan dapatkah Kerajaan izinkan mereka dapatkan hasil tanaman-tanaman yang sudah ada di atas tanah itu sebelum atau selepas disuruh pindah? Inilah sedikit sebanyak masalah-masalah yang dapat saya nampak, kalau ditinjau perkara ini sepintas lalu. Dan saya percaya masalah yang lain pun mesti timbul. Hanya dengan satu survey yang dibuat di atas tanah boleh menyatakan senarai penuh masalah-masalah yang akan dihadapi oleh penduduk-penduduk yang berkaitan. Alangkah baiknya, jika survey diarah dibuat segera dan pandangan-pandangan penduduk-penduduk yang berkaitan dijemput supaya masalah-masalah itu diselesaikan dengan memuaskan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong keputusan anggaran di bawah Kepala 19 Kementerian ini.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian dalam masalah perbekalan berkenaan dengan Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian iaitu dalam Kepala B. 19, Pecahan-kepala 1200 (1) Pentadbiran Pertahanan, dan P. 19, Pecahan-kepala 13 dan 20.

Tuan Pengerusi, saya lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pertahanan yang telah dapat mengadakan beberapa pasukan tentera dan beberapa batalion lebih kurang hampir 12 batalion yang dapat ditubuhkan pasukan tentera dalam negara kita ini. Guna dan tujuannya adalah sebagai hendak mempertahankan kedaulatan negara kita daripada serangan luar dan lebih-lebih lagi serangan daripada dalam negeri iaitu ancaman musuh pengganas kominis dalam negara kita ini.

Dalam Pasukan-pasukan Tentera yang telah ditubuhkan di Malaysia ini, saya rasa walaupun tentera-tentera kita sungguh cekap dalam masalah melaksanakan atas segala tanggungjawab dan tugas-tugasnya, saya suka juga menarik perhatian kepada Kementerian Pertahanan yang mana saya perhatikan dan saya dapati Pasukan Tentera Komando—Tentera Gerak Cepat ini amat berkurangan, kerana saya berpendapat

tentera Pasukan Gerak Cepat ataupun komando perlu bagi pihak Kementerian Pertahanan ini mengkaji supaya dapat menambah ataupun meluaskan lagi ataupun membanyakkan lagi Pasukan-pasukan Tentera Gerak Cepat dalam pasukan tentera di negara kita ini. Pasukan Tentera Gerak Cepat ini, saya rasa, amat berguna dan latihan-latihan juga kecergasan dalam masalah menghadapi beberapa serangan ataupun cara-cara menawan dan menangkap musuh-musuh samada bagi pihak gerula ataupun kominis, maka ini menunjukkan Pasukan-pasukan Tentera Gerak Cepat ini amat cergas. Dengan ini, bagi pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah membesarkan ataupun menambahkan lagi iaitu yunit-yunitnya, sehingga sekarang, saya rasa Pasukan Tentera Gerak Cepat belum sampai satu batalion. Kalau boleh pihak Kementerian yang berkenaan menambah beberapa banyak sehingga satu batalion Tentera Gerak Cepat kita ataupun komando kita guna supaya bagi Kerajaan kita ataupun Kementerian Pertahanan, Tentera Gerak Cepat ini dapat menewaskan ataupun menjalankan tugas, mudah-mudahan dengan ini serangan-serangan kominis ataupun pengganas-pengganas yang ada di dalam hutan dapat kita hapuskan dengan segera.

Selain daripada itu, kita juga, saya rasa, Pasukan Payung Terjun kita tidak ada, kalau ada pun barangkali kurang. Maka dengan ini, saya menarik perhatian dan meminta Kementerian Pertahanan supaya menubuhkan Pasukan Payung Terjun itu, kerana gunanya dalam negara kita ini kominis-kominis ataupun penjahat-penjahat selalu bersembunyi di dalam hutan-hutan tebal. Kalau Pasukan Keselamatan tidak melengkapkan tentera kita hanya ada tentera darat sahaja, tetapi kalau tidak ada Tentera Payung Terjun kita ini, maka saya percaya dengan masa yang singkat bilamana kominis ini dapat tahu tentera berjalan kaki kita berjalan, tetapi tentera kita yang datang daripada atas tidak ada, maka dia boleh menghilangkan diri, maka hasrat Pasukan Keselamatan kita hendak menawannya salah gayanya bagi pihak kominis pula menawan pasukan keselamatan kita sendiri. Ini, saya rasa, perlu bagi pihak Kementerian menubuhkan ataupun membanyakkan Pasukan Payung Terjun dalam tentera kita ini.

Saya suka juga menyentuh berhubung dengan kapalterbang-kapalterbang yang akan dibeli, yang akan digunakan oleh Kementerian Pertahanan bagi Pasukan Keselamatan kita dalam negara kita ini. Kita perlulah mengkaji supaya kapalterbang yang digunakan oleh pasukan tentera ini janganlah kapalterbang yang terlalu besar ataupun kapalterbang yang tidak boleh digunakan pada satu kawasan yang kecil, sebab hutan dalam negara kita ini di mana tempat-tempat kominis—pengganas bersembunyi iaitu satu kawasan yang kecil. Pihak Kerajaan kita perlu membeli kapalterbang yang jenis kecil ertinya boleh turun dengan cepat dan boleh naik dengan cepat. Dengan ini, kominis ini dia pun pandai dengan cepat dia juga keluar dengan cepat dia boleh menyembunyikan dan salah gayanya pula kalau kita kurang cekap, kapalterbang kita lambat hendak naik, lambat hendak turun, salah gaya kapalterbang kita nanti digasak—dibom ataupun ditembak kapalterbang kita pun menambahkan kerugian kepada pihak tentera kita. Saya suka mengambil perhatian supaya dapat pihak Kementerian Pertahanan ini membeli kapalterbang yang agak kecil samada helikopter yang cepat boleh turun dan cepat boleh naik.

Dan lagi satu, saya mengharapkan tujuan Kerajaan hendak menghapuskan pengganas kominis yang ada samada dalam negeri ataupun disempadan negeri kita, kita mengharapkan Kementerian Pertahanan kita mengadakan pada kapalterbang yang berhampiran dengan sempadan di sana, bukan kapalterbang Tentera di Raja ini ada di Pengkalan Cepa dan ada pula di Butterworth ataupun di Kuala Lumpur misalnya. Bila mana dapat tahu gerembulan daripada pengganas kominis yang ada dalam hutan di sempadan ataupun dalam negeri Siam sana sementara wireless hendak bagitahu kapalterbang itu hendak naik daripada Butterworth hendak datang ke sana, maka pengganas kominis ini sudah lari. Jadi ini datang dengan hasrat yang kosong. Saya mengharapkan supaya Kementerian ini dapat mengadakan satu lapangan kecil kapalterbang di sempadan antara Malaysia dengan Thailand sana dan lagi adakan beberapa lapangan terbang antara Malaysia Timur dengan Indonesia. Ini bermakna kita dapat cepat menyerang bila mana diberitahu ada pengganas itu.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh berhubung dengan pembayaran—ganjaran pencen, persaraan kepada balu-balu tentera kita. Saya diberitahu iaitu ada banyak ataupun dua tiga orang daripadanya bagi bekas tentera kita telah meninggal dunia pada bulan Mei ataupun bulan Jun dahulu, tetapi malang dan dukacitanya iaitu balu dan anak-anak bekas tentera kita sampai hari ini belum mendapat bayaran samada ganjaran ataupun pencen. Kementerian mestilah mengkaji dan kita pun rasa sama-sama hiba juga kerana anak-anak bekas tentera ini dia hendak bersekolah, kemudian balu kepada tentera yang telah meninggal ini tentulah tidak dapat hendak berbuat apa-apa kerana dia baharu balik daripada Ibu Kota kemudian balik ke kampung, ini menambahkan kesusahan bagi anak-anak tentera ataupun balu-balu tentera ini hendak menguruskan hal persekolahan anak-anaknya dan lain-lain lagi dalam soal tanggungjawab sebagai seorang balu bekas perajurit. Maka dengan ini, saya mengharapkan pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji dan kita mengharapkan bila mana seorang tentera mati itu dua tiga bulan ganjarannya selesai dibayar. Kerana saya hendak kata lambat yang bersabit dengan pentadbiran, saya tidak faham, kerana ada seorang tentera, dia masuk pada sekian haribulan, dia mati pada sekian haribulan—tiap-tiap bulan ada rekodnya. Dengan ini mengikut record of service, berapa banyak pendapatannya, kita kira berapa puluh bulan, saya rasa tidak sampai sebulan boleh diselesaikan masaalah ini. Tetapi seperti mana saya katakan sudah sampai lapan bulan, sampai hari ini belum lagi menerima, maka saya harap Kementerian ini dapat mengkaji, dapat mencepatkan bayaran ganjaran dan saraan kepada balu-balu perajurit yang telah meninggal itu.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rancangan Kementerian Pertahanan yang akan mengadakan latihan ataupun mengadakan rancangan tanah kepada bekas tentera yang akan bersara daripada 6 bulan naik kepada 18 bulan. Ini satu langkah yang baik oleh Kementerian ini, kerana tiap-tiap seorang bekas tentera ataupun perajurit yang hendak bersara ini memang setelah dia keluar itu kalau tidak ada latihan yang cukup, saya percaya dia pun menjadi mangsa juga bila mana dia balik ke kampung-kampungnya.

Mereka tidak tahu hendak membuat apa, selama 10 tahun ataupun 15 tahun dia tahu pegang senjata sahaja, lain-lain pekerjaan kalau tidak salah saya dia pun tidak berapa faham. Jadi dengan ini menyusahkan, tetapi langkah Kementerian mengadakan latihan 6 bulan kepada 18 bulan ini rasa saya amatlah sesuai. Tetapi walau macam manapun, saya suka juga mengharapakan 6 bulan kepada 18 bulan iaitu tentera-tentera ini, saya tahu Kementerian Pertahanan hanya menyuruh perajurit yang hendak bersara ini balik kampung carilah peluang. Kalau dia suka dalam lapangan pertanian, maka dia bekerjalah 6 bulan atau 18 bulan, maka akan datang esok kalau ibu bapanya ada tanah dia bekerjalah dalam masaalah pertanian, kalau dia cenderung dalam lapangan mekenik, dia pergilah ke tempat mekenik di workshop-workshop di dalam kampungnya ataupun di dalam pekan ataupun di bandaraya Kuala Lumpur ini.

Tetapi saya berpendapat kita tidak mahu cara yang macam itu, kita hanya melepaskan bekas tentera kita itu bersara mencari hal ataupun makan mereka sendiri, tetapi saya mengharapakan dan saya suka mengambil perhatian kepada Kementerian ini, Kementerian ini hendaklah mengadakan satu susunan ataupun satu tempat latihan yang tertentu untuk bekas-bekas perajurit yang akan meninggalkan 18 bulan ini. Umpamanya Kementerian Pertahanan mesti mengadakan satu tempat latihan mekenik yang betul-betul merupakan bila mana bekas perajurit ini keluar workshop-workshop yang lain dan bengkel, fekteri-fekteri yang lain boleh menerima kerana mereka ada mempunyai tauliah yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan dalam bengkel (workshop) Kementerian Pertahanan sendiri. Kalau perajurit itu cenderung dalam lapangan pertanian, betul-betul Kementerian Pertahanan mesti mengadakan satu kawasan cara latihan pertanian kepada bekas-bekas perajurit ini. Dengan ini tidaklah bekas perajurit pergi ke sana sini mencari, ada masanya tidak dapat, ada setengah bapanya tidak ada tanah. Jadi, dia hendak bercucuk-tanam tetapi ada masanya cucuk tanam dengan secara latihan sambilan-sambilan sahaja, maka ini tidak boleh memberikan satu kenyataan ataupun satu pekerjaan di masa akan datang bila mana perajurit ini bersara nanti. Ini saya berharap kepada Kementerian supaya dapat mengadakan

betul-betul satu tempat latihan khas yang diadakan oleh Kementerian Pertahanan sendiri beberapa perkara yang dikehendaki oleh bekas-bekas perajurit itu bila masa dia hendak keluar besok supaya dilatih dan mendapat pekerjaan yang agak sehat sedikit.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu (Santubung): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya minta pendekkan ucapan sedikit Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun mengambil bahagian pada Kepala B. 19 muka 163, Pecahan-kepala (Kod) 1300. Sebelum saya menerangkan pendapat saya terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang mengadakan perbelanjaan yang sebanyak ini dan saya rasa mengenai dengan Pasukan Keselamatan ini mahupun Pasukan Tentera Darat ataupun Tentera Laut ataupun Tentera Udara dan sebagainya. Dalam pendapat saya, Tuan Pengerusi, mereka ini atau Pasukan Keselamatan ini adalah sebagai nyawa kepada negara kita ini. Jikalau kita tidak ada mempunyai Pasukan Keselamatan berertinya negeri kita ini tidak akan bernyawa yakni negeri kita akan mati. Saya rasa, pada perajurit-perajurit yang baharu mengambil bahagian di dalam angkatan tentera ini saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka, kerana mereka rela mengurbankan nyawa mereka untuk menentang pengganaspengganas yang jahat, anasir-anasir yang jahat yang hendak menjatuhkan Kerajaan yang ada sekarang ini. Seperti bagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat dari Mukah tadi, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya, bukan sahaja dalam Bahagian Ketiga, tetapi juga dalam Bahagian Pertama, di tempat kawasan saya, dan juga di Bahagian Kedua. Semakin sehari semakin bertambah-tambah pengganas dan anasir yang jahat menghampiri ke kampung-kampung, memujuk rakyat dengan kata-kata yang manis, Tuan Pengerusi, tetapi rakyat sekarang ini tidak akan dapat ditipu, tidak akan dapat diperbual-bualkan. Rakyat sekarang sudah sedar, rakyat sentiasa berdiri teguh pada Kerajaan.

Tuan Pengerusi, pihak pengganas ini atau komunis ataupun anasir yang jahat ini sangat bijak. Mereka berjumpa dengan rakyat yang di luar bandar dengan perkataan yang manis, dengan baik budi bahasa. Jikalau rakyat dari luar bandar terkena sakit dia beri ubat, kalau tidak ada wang diberi wang. Jikalau dia tidak jumpa orang itu, dan dia sudah lapar, dia lihat ada barang-barang tanaman seperti ubi-kayu dan sebagainya, mereka ambil, tetapi mereka tinggalkan wang di sana tidak mengambil dengan percuma—ini cara dia.

Tuan Pengerusi, dengan hal yang demikian itulah saya katakan angkatan tentera ini adalah sebagai nyawa kepada negara kita ini. Dari itu, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian terhadap mereka yang mahu mengambil bahagian di dalam Pasukan Keselamatan ini terutama sekali kepada perajurit-perajurit yang baharu memasuki di dalam tentera ini. Begitu juga kepada mereka yang gugur yang meninggalkan anak isteri patut diambil perhatian yang berat. Oleh kerana itulah, saya rasa, sangat pentingnya, dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakyat yang sedar betapa pentingnya untuk mengawalkan tanahair kita ini supaya tidak dapat dikelirukan oleh anasir-anasir yang jahat itu. Saya mengucap kepada mereka sekalian dengan setinggi-tinggi terima kasih. Had inilah sahaja, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih sekali lagi.

Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab seberapa yang ringkas di atas tegoran-tegoran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap atas anggaran Kementerian Pertahanan ini.

Saya suka menjawabkan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara bersabit dengan perkara barang-barang makanan kepada angkatan tentera. Saya suka mengatakan barang-barang makanan ini adalah dibahagikan kepada kontrekter mengikut tender-tender yang telah dikaji dan kelulusannya pun diberi kepada orang yang dapat kelulusan yang berjaya di dalam tender itu. Dengan cara tender ini, adalah menjadi kesukaran bagi pihak Kementerian Pertahanan mengawalkan cara-cara barang-barang itu diberikan dan dihantarkan kepada pihak-pihak askar, ataupun tentera ataupun kem-kem.

Seperti yang telah diumpamakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu barang-barang di Johor adanya datang daripada Singapura dan inilah saya rasa, oleh sebab cara-cara yang saya terangkan tadi adalah sukar untuk mengawalkan kedudukan seperti yang ditegurkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dan juga bersabit dengan pandangannya untuk menjahit-jahit dan juga dari segi dobi, cadangan itu diberikan kepada bekas-bekas perajurit. Ini adalah di dalam perhatian Kementerian Pertahanan supaya setakat mana yang boleh memberikan panduan kepada bekas-bekas perajurit yang ingin mengambil tender di dalam perkara yang saya sebutkan tadi, iaitu menjahit dan mendobi dan kita telahpun pada beberapa masa yang lalu membuatkan perjumpaan dengan bekas-bekas perajurit supaya mereka ini mengadakan daya usaha dan mengambil kepandaian dan mempelajari cara manakah mereka ini boleh mengambil kesempatan dan mengambil tindakan supaya mengambil tender-tender menjahit dan mendobi.

Pihak Kementerian Pertahanan sedia menimbangkan apa-apa cadangan ataupun pihak bekas perajurit akan mengambil di dalam hal ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah bercakap dengan panjang lebar dan memberikan tegoran-tegoran bersabit dengan mencadangkan supaya Angkatan Tentera boleh banyak berdamping dengan orang-orang awam.

Saya suka menjawabkan adalah menjadi dasar pihak Angkatan Tentera iaitu berdamping baik supaya mengerti kedudukan orang-orang awam dan sama juga sebaliknya orang-orang awam mengerti kesusahan dan kesukaran yang dihadapi oleh pihak angkatan tentera. Ini telahpun dijalankan beberapa masa yang lepas dan telah bertahun-tahun berjalan khususnya di sempadan-sempadan di antara Thai dengan Malaysia dan juga di antara Malaysia dengan Indonesia. Seumpamanya Hari Terbuka Kem telah dibuka kepada orang-orang awam dan juga mengendalikan cara-cara hidup Angkatan Tentera diberikan satu pameran kepada orang-orang awam untuk mengendali dan juga bukanlah dengan ahli-ahli angkatan tentera, tetapi juga dengan alatan-alatan telah dipamirkan untuk pengetahuan orang-orang awam.

Peluang juga ada diberi kepada orang-orang awam untuk melawat kapal-kapal semasa kapal-kapal membuat lawatan ke pelabuhan-pelabuhan di negeri-negeri dan pihak tentera udara juga biasa membuat pertunjukan pameran (exhibition) kapal-kapal terbang dan alat-alat yang digunakan oleh mereka.

Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat ada membaca akhbar-akhbar iaitu peluang telah diberikan kepada kanak-kanak cacat supaya mendapatkan pengetahuan di atas cara-cara manakah Angkatan Tentera Udara memainkan peranan di dalam menjagakan keselamatan negara. Mungkin dapat melihat di dalam talivisyen-talivisyen cara-cara yang telah Angkatan Tentera Udara memberikan berdamping baik dan berganding bahu dengan orang-orang awam. Dan juga orang-orang awam seperti Gerakan Jiwa Murni (heart and mind) selalu dilakukan oleh pihak tentera di sempadan seperti memberikan perubatan-perubatan kepada kampung-kampung yang jauh daripada bandar dan ini telah memberikan satu kesan yang baik kepada orang-orang awam dan juga orang-orang awam telah memperhargai dengan setinggi-tingginya perkhidmatan perubatan yang telah diberikan oleh pihak Angkatan Tentera dan sedia rawatan dan perubatan itu. Dan telah juga memberikan lawatan kepada orang-orang awam pergi melihat perubatan di Hospital Terendak di Melaka. Dengan adanya aturcara sebegitu dilancarkan kempen-kempen Gerakan Jiwa Murni (heart and mind) Kementerian Pertahanan adalah lebih lagi menggalakkan hubungan di antara orang-orang awam dengan anggota tentera.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga dari Melaka, saya tidak akan menjawab kerana perkara ini telah disebutkan bersama, telah mengingatkan Kementerian Pertahanan di atas perbelanjaan bagi Kementerian Pertahanan ini oleh sebab beliau telah mengatakan iaitu Kementerian Pertahanan ini adalah yang kedua tingginya dalam segi estimate di dalam tahun ini.

Yang pertama, ialah Kementerian Pelajaran dan yang kedua, Kementerian Pertahanan dan beliau mengatakan janganlah banyak dibina berek-berek sebaliknya patutlah mengingatkan sekolah-sekolah sebagai social services yang patut kita memberikan keberatan kepada pihak social services ini.

Saya suka menjawabkan, Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan sebagai menjaga keselamatan dan ketenteraman negara dan kita ingin membangunkan negara kita ini. Dari segi pembangunan, saya rasa perlu keselamatan dan kestabilan negara mesti dijamin 100% kepada penduduk-penduduk negara kita, iaitu saya sebutkan pembangunan dan keselamatan negara adalah berkaitan (corelated) antara dua perkara ini. Sebab itulah saya rasa pembangunan akan tidak dapat dilancarkan dengan licin jikalau jaminan keselamatan kita tidak dapat diberikan kepada negara dan warganegara kita di negara ini. Maka perlulah kita mengingatkan iaitu dengan memberi jaminan pembangunan dan juga keselamatan ini kita memberi keberatan dan memikirkan berat kepada pertahanan dari segi perbelanjaan.

Kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat ini, saya suka mengatakan di dalam perbelanjaan kita dalam estimate yang saya pohonkan ini, Tuan Pengerusi, saya memohonkan \$680 juta jumlahnya. Ini adalah lebih kurang 17% daripada budget yang dipohonkan di Dewan ini pada mesyuarat ini. 17% adalah kebiasaannya sesebuah negara yang membangun yang memperuntukkan dari segi pertahanan itu adalah 17%, itulah kebiasaannya dan sebanyak \$680 juta itu adalah lebih kurang 5% daripada GNP. Ini saya suka mengatakan juga adalah kebiasaan pada sesebuah negara yang masih membangun yang berkehendakkan kekuatan Angkatan Tentera lebih besar semasa kita mendapat kemerdekaan dalam tempoh masa yang singkat ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah mengatakan daripada tahun 1965 hingga 1972 begitu naiknya estimate untuk Kementerian Pertahanan jikalau dibandingkan pada tahun 1965 hingga 1973 ini. Saya suka mengingatkan, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu, pada tahun ini oleh sebab ketinggalan dan pengunduran tentera British daripada negara kita ini, maka terpaksa kita daripada tahun 1968 sampailah sekarang ini kita membuatkan expansion kepada Angkatan Tentera kita, baik pun dalam Angkatan Tentera Darat, Udara ataupun Laut. Maka terpaksa daripada sebilangan kecil Angkatan Tentera kita pada tahun 1967 hingga sampai sekarang ini untuk menjaga keselamatan negara kita terlalu pembesaran Angkatan Tentera kita dan

begitulah juga saya rasa selepas tahun 1975 jikalau pihak Dewan ini dengan sokongan daripada Perbendaharaan kalau pihak Kementerian Pertahanan boleh dapat apa yang dimintakan daripada Perbendaharaan iaitu kenaikan tahunan tidak akan berlebihan daripada 6% pada tiap-tiap tahun, tetapi setakat ini, saya suka mengatakan permohonan Kementerian Pertahanan tidak diberikan 100% oleh pihak Perbendaharaan oleh sebab seperti yang saya sebutkan tadi ada juga perkara-perkara lain yang patut ditimbang untuk kepentingan social service, tetapi jikalau apa yang telah diminta oleh Kementerian Pertahanan diberikan oleh pihak Dewan ini mungkin seperti yang saya katakan tadi tahun-tahun lapan puluhan yang ke atas kita tidak akan meninggikan selebih-lebih daripada 6% daripada kenaikan (increase) budget tahunan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu pun ada mengatakan patut juga menitikberatkan kepada orang-orang bawahan iaitu orang-orang other ranks bukanlah kepada pegawai-pegawai sahaja. Adalah menjadi dasar kepada Kementerian Pertahanan, saya rasa, sekarang ini bukti telah dibuat iaitu dengan adanya pelaksanaan gaji baharu iaitu Kerajaan Perikatan telah memberi titik-berat kepada kedudukan orang-orang bawahan, khususnya other ranks dalam Angkatan Tentera. Dengan adanya gaji baharu ini, pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, adalah menjadikan setaraf dengan adanya dalam pihak-pihak awam yang ada bersama dengan taraf di dalam Angkatan Tentera. Tidaklah sebenar apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu iaitu Kementerian ini adalah menitikberatkan hanya kepada pegawai-pegawai sahaja.

Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Batu mungkin dapat dengan cahaya kekuatan matanya dapat melihat di dalam kepala saya di atas pemikiran dalam Kementerian Pertahanan iaitu dalam segi aspek patutlah juga pegawai-pegawai tentera ini dalam gulungan pegawai diberikan pengajian tinggi iaitu dimasukkan kepada Institute of Higher Learning kerana saya rasa mungkin juga bukanlah kekuatan mata dia tetapi juga pemikirannya itu bersamaan dengan apa yang ada dengan Kementerian Pertahanan, dalam bahasa Inggeris disebutkan: wisemen think alike, Sir, or probably

fools seldom differ. Atas aspek ini, saya rasa, dapatlah saya mengatakan kepada Dewan ini adalah juga menjadi cadangan kepada Kementerian Pertahanan untuk menghantar pegawai-pegawai yang ingin memanjangkan pelajaran mereka itu kepada Instituti-institusi Tinggi supaya mereka ini dapat mempelajari bukanlah sahaja dalam mempelajari ketenteraan, tetapi juga dari segi aspek pelajaran yang lain. Saya suka mengatakan juga kursus-kursus adalah telah dihantar kepada universiti-universiti untuk mempelajari maintenance di University of Manchester umpamanya kita telah menghantar pegawai-pegawai bagi mempelajari khususnya bukanlah bersabit dengan tentera sahaja.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah juga mengatakan dan mencadangkan iaitu pegawai-pegawai patutlah diambil bukan sahaja daripada pegawai-pegawai kedet tetapi juga daripada other ranks yang asalnya datang daripada pribet-pribet. Saya suka mengatakan kita telah mengamalkan cadangan ini pada masa-masa yang lampau lagi hanya Ahli Yang Berhormat dari Batu tidak mengetahui iaitu baharu-baharu ini dalam akhbar telah mengatakan bahawa Panglima Tentera Darat (GOC) Malaysia Barat telah datang yang diangkat kepada tingkatan sekarang ini kepada General daripada other ranks dan saya suka mengatakan iaitu amalan ini telahpun dilakukan oleh Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, purchase of aircraft ada disebut-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu. Pesawat (aircraft) yang kita akan beli ini saya suka memberitahu kepada Dewan ini bukanlah highly sophisticated. Jikalau dibandingkan Mirage-mirage dan juga Phantom dengan apa jenis pesawat-pesawat yang berlebih daripada satu mach kederasannya. Ini adalah sederhana sahaja dan saya pun memikirkan kita buat masa ini tidak memerlukan pesawat-pesawat seperti Mirage itu, tetapi ini adalah mustahak sebagai negara kita yang masih membesarkan Angkatan Tentera Udara kita memerlukan pesawat-pesawat seperti Mirage itu, tetapi ini adalah mustahak sebagai negara kita yang masih membesarkan Angkatan Tentera Udara kita memerlukan pesawat-pesawat ini daripada satu tingkatan kepada satu tingkatan supaya kita selaraskan dengan perkembangan negara-negara yang berjiran dan sama juga

dengan negara-negara yang lain, seumpamanya negara yang kaya dan juga semacam kebesaran negara kita. Patutlah kita jangan kebelakangan dari segi memperbesarkan Angkatan Tentera Udara kita.

Di atas kemalangan yang berlaku kepada seorang perempuan itu, saya telahpun mengambil perhatian atas perkara itu dan di dalam kita mempertahankan negara seperti yang saya telah sebutkan di dalam Dewan ini dahulu iaitu di dalam kita menjaga keselamatan negara kita seperti ancaman-ancaman komunis itu terpaksa kadang-kala kita meminta maaf, jika kita tertendangkan punggung mereka. Dengan ini, saya bagi pihak Kementerian Pertahanan, jika ada berlaku demikian, saya minta sebanyak maaf di atas apa yang telah berlaku itu dan saya sendiri telahpun membuat arahan supaya ahli Angkatan Tentera berjaga-jaga dan mengawasi supaya perkara-perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku lagi.

Saya telah bercakap dengan panjang dari segi heart and mind iaitu Gerakan Jiwa Murni dengan orang kampung dengan menolong dari segi banjir dan sebagainya kerana kita hendak berdamping baik dengan orang awam. Dalam masa banjir telah diberikan ubat dan rawatan dan juga membuatkan gertak ataupun jalan-jalan dan memberikan pertolongan dengan semangat gotong-royong seperti membersihkan masjid-masjid dan surau-surau dan juga dari segi lain banyak, saya rasa tidak payah disebut di sini demi untuk kita bersama-sama berdamping baik dengan rakyat dan berkenalan di antara satu sama lain atas kesulitan tentera dan juga orang awam.

Saya suka menyatakan mengenai civilian staff di Butterworth bahawa perkara ini adalah di dalam perhatian Kementerian Pertahanan, jikalau adanya pengunduran Tentera Udara Australia yang ada sekarang ini di Butterworth.

Saya suka menyatakan pemindahan TUDM ke Subang bukanlah semata-mata kerana cuaca. Saya katakan kerana pembinaan di sekitarnya dan kita tidak dapat menjamin pendaratan yang selamat di dalam cuaca yang kurang baik.

Pemindahan ke Subang telah dikaji oleh satu syarikat pakar (consultant) yang telah mengkaji dari segala segi dan mencadangkan pemindahan itu.

Saya suka memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa perkara keselamatan telah dikaji dengan telitinya. Pemandu-pemandu kapal terbang TUDM itu adalah terdiri daripada mereka yang dilatih dengan cukup mahir di dalam menjalankan tugas-tugasnya. Perkataan happy-go-lucky adalah tidak sesuai dan tidak patut digunakan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana pemandu-pemandu kita itu adalah orang-orang yang bertanggungjawab dan mempunyai mutu kebolehan yang tinggi. Ini boleh dikatakan dari bilangan pilot yang telah dibuktikan, apabila mereka itu berhenti dan berkhidmat dengan MAS. Pemindahan ke Subang itu sangatlah mustahak untuk kita menjaga keselamatan. Dari segi aspek intelegen yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya suka menyatakan bahawa kita ada lapangan-terbang yang banyak bukanlah di Subang sahaja dan intelegen jika didapati oleh pihak yang menjalankan subversif di negara kita ini mungkin tidak akan melibatkan perkara yang mendatangkan keburukan kepada negara kita, kerana kita ada lapangan-terbang di Kuantan, Butterworth dan juga di tempat-tempat lain yang mana alat-alat kita yang perlu yang lebih baik ada di tempat-tempat lain yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan pembinaan rumah, adalah menjadi dasar Kementerian Pertahanan supaya Angkatan Tentera kita dapat menduduki rumah dengan senang sambil menjalankan tugas mereka itu. Dan kita juga memang hendak memberikan kemudahan supaya mereka itu tidaklah tinggal berciciran di tempat-tempat yang tidak diingini, kerana jika perlu dipanggil dengan segera, maka mereka dapat melaksanakan tugas dengan seberapa segera yang boleh.

Sungguhpun begitu Kementerian Pertahanan cuma pada masa ini membina 45% sahaja untuk askar yang berpangkat Kopral dan ke bawah.

Tuan Pengerusi, dalam soal latihan peralihan bagi Angkatan Tentera yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Dungun, Batu dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain, kita telah mengadakan beberapa kumpulan memberikan

latihan di Pusat Latihan Perusahaan Negara yang mana sekarang ini telahpun ada dua kumpulan yang telah tamat dan sambutan itu sangatlah baik. Pada masa sekarang ini kita ada membuatkan satu kursus pertanian di Pusat Latihan Pertanian di Serdang. Banyak lagi rancangan peralihan yang akan dibuat melalui Pusat Latihan yang lain dan kemudahan latihan itu ada juga diberi di tempat-tempat seperti di MARA dan tempat-tempat lain untuk mereka itu pelajari supaya lepas bersama mereka itu mendapat tempat yang baik.

Dari segi Pusat Latihan itu juga pihak Kementerian akan mengadakan suatu tempat yang menasabah supaya Angkatan Tentera yang akan bersara boleh mempelajari bukanlah sahaja seperti apa yang dibuat sekarang iaitu dihantar ke Pusat Latihan, tetapi pusat itu khusus dibuat untuk Angkatan Tentera yang akan bersara supaya mereka itu mendapat latihan-latihan yang berguna. Saya berharap tidak lama lagi akan dapat dibina bangunan supaya mereka itu boleh menjalani kursus latihan seberapa lancar seperti yang kita cadangkan itu.

Soal Perkhidmatan Negara, Ahli Yang Berhormat dari Batu dan juga dari Bandar Melaka telah menyebutkan, saya suka memberikan rujukan balik kepada apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, iaitu perkara ini masih dalam kajian untuk kita mengadakan Perkhidmatan Negara. Sungguhpun Perkhidmatan Negara masih lagi perlu di setengah-setengah negara, tetapi ada juga negara yang telah begitu aman dan tidak dijangka akan diserang oleh negara-negara lain telah membuang ataupun memansuhkan national service kerana pada fikiran negara-negara itu tidak lagi memerlukan perkhidmatan national service kepada negara-negara yang semacam itu.

Saya suka juga menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Dungun berkenaan rumah-rumah yang dimaksudkan itu, mungkin Ahli Yang Berhormat itu melihat kem yang telah diserahkan oleh pihak tentera British kepada kita. Mungkin rumah Angkatan Tentera itu adalah kecil, tetapi rumah-rumah yang kita buat baharu adalah sesuai dengan anggota-anggota Angkatan Tentera kita mendudukinya, tidaklah kecil, tetapi jika keluarga Angkatan Tentera itu satu keluarga yang besar umpamanya 9 orang, mungkin

dengan adanya dua tiga bilik itu tidak mencukupi. Tetapi rumah-rumah yang kita terima daripada Angkatan Tentera British itu, kita akan pinda, jika perlu, akan dibaiki supaya bangunan-bangunan yang sesuai dapat diberikan kepada Angkatan Tentera kita itu.

Saya suka menafikan di atas sebutan iaitu latihan yang diberi oleh latihan tentera ini adalah merusut. Ini tidaklah benar. Saya suka mengatakan latihan-latihan yang ada diberi oleh pihak tentera darat, udara dan laut lebih-lebih lagi daripada segi mutunya jikalau dibandingkan apa yang telah dipelajari dalam masa tentera British dahulu.

Dari segi waktu menolong banjir, latihan banjir, saya rasa mungkin Ahli Yang Berhormat itu tidak faham iaitu tiap-tiap anggota tentera diberi life jacket dan juga kasut yang dipakai itu tidaklah mengakibatkan mereka itu lemas kerana mereka ini telah diberi latihan-latihan untuk menolong mereka dalam kecemasan dalam banjir dan saya rasa tidaklah menjadikan satu ketakutan yang mereka ini akan menjadi lemas ke atas Angkatan Tentera kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah, saya akan mengambil perhatian apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi saya suka menyatakan dari segi kawalan kampung bukanlah tanggungjawab Kementerian Pertahanan, tetapi adalah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan saya rasa apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah mengambil perhatian, dalam segi memberi senapang-senapang pasukan kawalan kampung itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan telah membangkitkan berkenaan Naval Base iaitu penduduk-penduduk, akibat mengambil tanah oleh Kerajaan ini maka penduduk-penduduk itu akan menjadi satu keburukan kepada mereka dari segi pendapatan bulanan. Saya suka mengatakan kebanyakan daripada penduduk-penduduk itu yang tinggal di kawasan sekitar Sitiawan itu adalah terdiri daripada nelayan-nelayan. Dengan adanya Naval Base ini, saya rasa, nelayan-nelayan itu akan tidak terlibat dari segi pendapatan bulanan. Sebaliknya pula mereka ini akan dapat satu taraf ekonomi yang tinggi daripada apa yang mereka itu dapati sekarang ini. Walaubagaimanapun, saya suka mengambil perhatian di atas teguran-teguran untuk dikaji oleh Kementerian Pertahanan supaya

memberikan kerjasama dan juga kebaikan penduduk-penduduk itu dan juga saya telah diberitahu iaitu Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil untuk mengkaji dari segi kesulitan-kesulitan akibat mengambil balik tanah untuk Naval Base ini dan saya rasa, Kerajaan Negeri mungkin tidak akan ketinggalan dari segi untuk memperbaiki kedudukan mereka itu dan tidak meninggalkan kesulitan-kesulitannya dari segi penduduk-penduduk di tempat itu.

Saya suka menyatakan dari segi pembayaran balik, ada cara-cara mengikut undang-undang yang mana jikalau bayaran itu tidak sesuai, (inadequate) boleh diminta tambahan iaitu dengan membuat rayuan kepada Mahkamah. Dan juga cara-cara ini patutlah ada aturcara ataupun Rules and Regulations yang mana undang-undang telah mengatakan cara-cara pembayaran itu penting iaitu jika pokok getah itu berumur 10 tahun dan patut hidup 20 tahun lagi, jikalau getah diambil balik mungkin akan ditimbangkan oleh pihak Kerajaan dari segi apa yang tercatat dalam undang-undang.

Saya suka menambah kepada apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan, Pasukan Gerak Cepat, Payung Terjun, kapal-kapal terbang dan semua hal-hal yang disebutkannya itu. Pasukan Gerak Cepat dan Payung Terjun ini adalah di dalam perhatian Kementerian Pertahanan, tetapi buat sementara ini mungkin kita tidak memerlukan oleh sebab ada keutamaan-keutamaan patut dijalankan dari segi priority yang perlu kita buat. Sebab itulah perlaksanaan estimet-estimet yang akan diluluskan oleh Dewan ini akan digunakan mengikut priority yang telah tercatat di dalam dasar Kementerian Pertahanan. Walaubagaimanapun Gerak Cepat ataupun Pasukan Terjun itu adalah di dalam perhatian Kementerian Pertahanan, sama juga dengan kapal-kapal terbang yang telah disebutkan adalah di dalam perhatian kerananya seperti yang saya katakan tadi kita akan membeli dan kita telah membeli pada fahaman Kementerian Pertahanan adalah sesuai dan patut dibelikan mengikut segi priority yang sedang dilancarkan dari segi perkembangan Angkatan Tentera kita ini.

Bayaran-bayaran ganjaran pencen kepada balu-balu. Saya suka mengatakan jikalau ada Ahli Yang Berhormat yang boleh memberikan dalil iaitu seorang balu yang telah tidak

dibayar atas kelewatan bayaran ganjaran, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu memberitahu kepada saya, kerana apa yang disebutkan itu tidaklah specific. Jikalau ada bukti, saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh memberitahu kepada saya, kerana pada fikiran saya ada, buat masa sekarang ini tidaklah begitu banyak kelewatan oleh sebab kadang-kala ada juga kelewatan itu berlaku. Sebabnya bukanlah di dalam Kementerian Pertahanan, tetapi sebabnya adalah daripada pihak balu itu sendiri yang telah mengakibatkan kelewatan pembayaran ganjaran ataupun pencen-pencen kepada balu itu.

Ahli Yang Berhormat dari Besut ada sebutkan dari segi tabiat Angkatan Tentera supaya menjagakan sopan dan juga segi moral keluarga yang disekitar di kem-kem tentera. Saya suka mengatakan senang kita hendak mengatakan, tetapi hendak mengawal ini sukar sedikit. Kalau saya rasa ibubapa itu mengawal anak dara mereka itu supaya duduk dalam rumah lagi bagus daripada mereka itu dibenarkan keluar, kerana dapat berjalan-jalan di serata tempat. Kerananya askar-askar ini dia duduk berkhidmat dalam hutan 3 bulan, 4 bulan tidak jumpa rupa bidadari ataupun perempuan, hendak tengok sekali-sekala, ada juga hendak keluar. Jadi kalau kita kawal, tahan mereka, ini susah juga. Kita hendak beri apabila mereka balik ke kem patutlah kita keluarkan mereka itu, dapat kebenaran mereka itu keluar. Itu saya rasa lebih baik, jikalau kita mengawal anak-anak kita supaya mereka itu tinggal di dalam rumah dengan tidak ada kawalan jikalau mereka itu dapat dikawal, maka anak-anak kita itu mungkin perkara yang tidak diingini tidaklah berlaku.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Santubong, saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mana jika ada perkara-perkara yang saya tidak dapat jelas ataupun menjawabnya dengan begitu jelas, saya suka menyatakan bahawa saya akan mengambil perhatian di atas teguran-teguran yang telah disebut itu. Itulah sahaja, terima kasih.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$578,868,800 untuk Kepala B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$101,281,000

untuk kepala P. 19 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

(Dr Awang bin Hassan *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 20, B. 21, P. 20 dan P. 21—

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Pelajaran sebanyak \$843,520,789 untuk tahun 1973 di bawah Kepala-kepala Bekalan yang berikut menjadi sebahagian daripada Jadual:

(i) *Malaysia Barat*

Kepala Bekalan 20: Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$629,801,629 iaitu \$27,780,695 untuk gaji, \$23,111,662 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan Pembelian Harta Modal dan \$578,909,272 untuk Pemberian dan Bayaran Tetap.

Kepala Pembangunan 20: \$113,781,900 untuk aktiviti-aktiviti Pentadbiran Am, Latihan Guru, Pelajaran Rendah dan Menengah, Pelajaran Menengah Atas/ Pelajaran Tinggi dan Kebajikan Penuntut-Penuntut di Luar Negeri.

(ii) *Malaysia Timur*

Kepala Bekalan 21: Anggaran Belanja Mengurus sebanyak \$70,822,360 iaitu \$24,426,110 untuk Gaji, \$12,078,750 untuk Perkhidmatan dan Bekalan, dan Pembelian Harta Modal dan \$34,317,500 untuk Pemberian dan Bayaran Tetap.

Kepala Pembangunan 21: sebanyak \$29,114,900 untuk aktiviti-aktiviti Latihan Guru dan Pelajaran Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, peruntukan sejumlah \$843,520,789 bagi tahun 1973 untuk Belanja Mengurus dan Pembangunan melebihi peruntukan tahun 1972 sebanyak \$123.58 juta. Peruntukan Belanja Mengurus bagi Malaysia Barat ialah sebanyak \$629.8 juta dan \$70.83 juta bagi Malaysia Timur.

Di bawah Kepala Pembangunan sebanyak \$113.78 juta diperlukan bagi Malaysia Barat dan \$29.11 juta untuk Malaysia Timur.

Jumlah Peruntukan yang bertambah ini tidak dapat dielakkan disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamanya disebabkan bertambahnya bilangan murid-murid di sekolah-sekolah, kedua, bertambahnya bilangan perjawatan dan ketiganya, kenaikan gaji tahunan biasa bagi guru-guru dan kakitangan sekolah, terutama sekali selepas melaksanakan tangga-gaji baru bagi guru-guru sebagaimana syor Suruhanjaya Gaji Aziz. Berkenaan dengan Perbelanjaan Pembangunan pula tambahan ini perlu untuk membina lebih banyak bilik-bilik darjah akibat meningkatnya bilangan murid-murid di sekolah-sekolah, untuk memperbaiki dan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan di kawasan luar bandar dan menyiapkan projek-projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia yang Kedua. Selain daripada itu tambahan kepada belanjawan pelajaran ini adalah perlu untuk menjalankan langkah-langkah yang menuju kepada matlamat-matlamat berikut:

- (i) Menitikberatkan pelajaran sains, teknologi dan vokesyenal dan untuk mempelbagaikan lagi pilihan-pilihan pelajaran (educational options) di peringkat menengah sebagai persiapan untuk tingkatan-tingkatan pelajaran selanjutnya serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang berguna atau produktif;
- (ii) Mengadakan guru-guru terlatih yang cukup lagi mempunyai mutu yang paling tinggi bagi memenuhi kehendak-kehendak perkembangan dan kemajuan mutu di semua peringkat termasuk latihan di dalam perkhidmatan;
- (iii) Mengadakan kemudahan-kemudahan bagi bilangan murid-murid yang bertambah di semua peringkat disebabkan bertambahnya penduduk dan juga nisbah "survival" murid-murid yang bertambah baik;
- (iv) Membaiki "survival rates" di seluruh sistem pelajaran.

Untuk keperluan-keperluan ini, Kementerian Pelajaran bercadang mengadakan pelajaran di peringkat-peringkat rendah, menengah dan tinggi sesuai dengan dasar pelajaran kebangsaan bagi menjamin dan mewujudkan perpaduan kebangsaan, membekalkan tenaga manusia yang cukup untuk

berbagai peringkat dan membolehkan setiap rakyat mengambil bahagian yang cergas di dalam pembangunan.

Tuan Pengerusi, sekarang izinkan saya menyentuh sedikit sebanyak tentang setengah-setengah kejayaan yang telah dicapai dalam tahun 1972 dan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1973. Dalam memperkatakannya saya tidaklah bermaksud hendak menerangkan dengan panjang lebar dan satu-persatu mengenai butir-butir di dalam anggaran ini.

A. Pentadbiran Am sebanyak \$19,722,596 adalah diperlukan.

Peruntukan sebanyak \$17.59 juta adalah dikehendaki bagi Belanja Mengurus untuk menjalankan aktiviti-aktiviti Pentadbiran Am bagi Malaysia Barat dan Malaysia Timur. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun lalu sebanyak \$1.98 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan ini ialah untuk gaji, elaun-elaun, perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, perhubungan, air dan api, dan berbagai-bagai lagi perbelanjaan berulang.

Di bawah Kepala Pembangunan, sejumlah \$2.14 juta dipohonkan bagi Malaysia Barat iaitu untuk menyudahkan pembinaan dua buah Pejabat Pelajaran di Perlis dan di Johor, dan juga untuk memulakan pembinaan Pusat Perkembangan Pelajaran di Kuala Lumpur yang dibiayai daripada pinjaman kedua Bank Dunia yang diluluskan tidak berapa lama dahulu.

B. Latihan Guru—Peruntukan yang dipinta ialah sebanyak \$25,373,784.

Sejumlah \$19 juta dipohonkan bagi Malaysia Barat dan \$4.56 juta bagi Malaysia Timur untuk Belanja Mengurus di bawah aktiviti Latihan Guru.

MALAYSIA BARAT

Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran sekarang ini di Malaysia Barat ialah:

- (i) Pelajaran untuk Rendah;
- (ii) Pelajaran untuk Menengah;
- (iii) Untuk Rancangan latihan dalam Bahasa Malaysia bagi guru-guru terlatih bukan Melayu dari sekolah-sekolah Rendah dan Menengah; dan
- (iv) Kursus-kursus di dalam perkhidmatan.

Bagi Latihan Guru di peringkat rendah, kita mempunyai 5 buah institusi Latihan Guru yang akan mengeluarkan seramai lebih kurang 1,000 orang guru-guru pada tahun ini berbanding dengan 750 orang pada tahun 1972.

Di peringkat menengah pula 4 buah institusi Latihan Guru yang ada sekarang dianggar akan melatih seramai 2,106 orang guru dalam tahun 1973 berbanding dengan 1,786 orang di dalam tahun 1972. Pengeluarannya pula dijangka meningkat dari 447 orang pada tahun lalu kepada 569 orang pada tahun ini. Dari jumlah 2,106 pelatih-pelatih yang menjalani kursus-kursus di dalam tahun 1973 seramai 735 orang akan mengikuti mata-mata pelajaran Sains Pertanian dan Ilmu Hisab dan seramai 293 orang di dalam matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab.

Mengenai rancangan latihan dalam Bahasa Malaysia bagi guru-guru terlatih bukan Melayu, di sekolah-sekolah menengah dan rendah adalah dijangka seramai 2,070 guru akan dilatih pada tahun ini berbanding dengan 2,030 orang pada tahun lalu. Latihan ini diadakan di Maktab Perguruan Kota Bharu, bagi peringkat rendah, dan Maktab Perguruan Bahasa di Kuala Lumpur bagi peringkat menengah. Di samping itu latihan yang serupa dijalankan juga semasa cuti penggal sekolah yang berpusat di Kota Bharu, Melaka, Johor Bharu dan Kuala Lumpur. Pelatih-pelatih bagi kedua-dua jenis kursus ini termasuk juga beberapa orang pensyarah-pensyarah universiti.

Kursus-kursus dalam perkhidmatan dibahagikan kepada 2 jenis:

- (i) Kursus-kursus dalam perkhidmatan yang diadakan semasa cuti penggal sekolah bagi guru-guru yang tidak terlatih daripada sekolah rakyat, sekolah Cina dan sekolah Tamil dan juga guru-guru Ugama Islam;
- (ii) Kursus-kursus perkhidmatan bagi guru-guru terlatih dengan tujuan meninggikan lagi mutu pengajaran mereka dan perkenalan mereka kepada cara-cara dan teknik-teknik pengajaran yang baru.

Jumlah peserta-peserta bagi kedua-dua jenis kursus dalam perkhidmatan ini akan meningkat daripada 25,119 orang pada tahun lalu kepada 28,981 orang tahun ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala Pembangunan, sejumlah \$430,000 adalah diperlukan di antara lain untuk menyudahkan pembinaan asrama bagi Maktab Perguruan Harian di Kuala Trengganu dan sebuah lagi asrama bagi Maktab Perguruan Teknik di Cheras.

Bagi Malaysia Timur, sebanyak \$4.6 juta dikehendaki untuk Belanja Mengurus aktiviti Latihan Guru.

Bagi negeri Sabah ketiga-tiga buah Pusat Latihan Guru di sana dijangka akan melatih seramai 1,890 orang guru di peringkat menengah dan rendah dalam tahun 1973 di dalam berbagai-bagai kursus termasuk kursus dalam perkhidmatan untuk matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab yang diadakan semasa cuti sekolah. Bagi peringkat menengah atas dan bagi guru-guru khas, Sabah mendapatkan mereka daripada Malaysia Barat ataupun dengan cara menghantar pelatih-pelatih dari Sabah untuk mendapat latihan di Malaysia Barat.

Sarawak juga mempunyai 3 Pusat Latihan Guru untuk peringkat rendah dan menengah. Pusat-pusat ini dijangka melatih seramai 674 orang guru-guru pada tahun ini berbanding dengan 592 orang guru pada tahun lalu.

Di bawah Kepala Pembangunan, sejumlah \$1.38 juta diperlukan bagi Malaysia Timur untuk pembinaan Maktab Perguruan Sandakan dan tambahan kepada Pusat Latihan Guru-guru Sekolah Sukarela Rakyat di Tawau. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Maktab Perguruan, Sandakan dia tambah kepada Maktab Perguruan Batu Lintang dan Rejang di Sarawak sedang dibina dan akan siap tidak berapa lama lagi.

C. Pelajaran Rendah dan Menengah peruntukan yang diminta ialah \$651,205,650.

Sejumlah \$544.6 juta adalah dikehendaki bagi Malaysia Barat dan Malaysia Timur untuk Belanja Mengurus di bawah aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1972 sebanyak \$56.85 juta dan ini ialah peruntukan yang terbesar sekali di antara aktiviti-aktiviti Kementerian Pelajaran.

Kelebihan ini terutamanya perlu kerana penambahan kemasukan murid-murid bagi

peringkat rendah dan menengah, murid-murid yang masuk ke sekolah-sekolah berasrama penuh, sekolah-sekolah teknik dan vokesyenal dan sekolah-sekolah khas bagi kanak-kanak cacat. Peruntukan ini adalah juga bagi pembiayaan asrama-asrama Pusat, rancangan-rancangan buku teks, Perkhidmatan Sebaran Pendidikan dan Pengajaran Ugama Islam yang juga akan bertambah dan memerlukan peruntukan yang lebih.

Di dalam tahun 1973 bilangan murid-murid bagi sekolah-sekolah rendah adalah dianggarkan seramai 1,524,960 orang berbanding dengan pengambilan seramai 1,488,731 orang di dalam tahun 1972. Bagi sekolah-sekolah menengah kemasukan di dalam tahun 1973 adalah dianggarkan seramai 609,119 orang berbanding dengan 568,277 orang di dalam tahun 1972. Sekolah-sekolah Teknik/Vokesyenal akan menerima seramai—10,800 orang dalam tahun 1973 berbanding dengan 7,900 orang dalam tahun 1972—bagi sekolah-sekolah berasrama penuh pula—11,716 orang akan diambil dalam tahun 1973 berbanding dengan 5,733 orang dalam tahun 1972.

Kementerian Pelajaran juga akan menyediakan tempat-tempat dan asrama-asrama bagi 22,000 orang pelajar dalam tahun 1973 berbanding dengan 19,300 orang dalam tahun 1972.

Sebagaimana ahli-ahli berhormat sekalian maklum, penambahan murid-murid bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah adalah akibat daripada berkembangnya penduduk-penduduk di negara kita terutama dikalangan kumpulan umur dalam persekolahan. Ianya juga disebabkan timbulnya kesedaran yang tinggi di kalangan ibubapa-ibubapa terhadap kepentingan pelajaran bagi anak-anak mereka.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi Kementerian Pelajaran adalah memberi keistimewaan terhadap pelajaran Sains, Teknik dan Vokesyenal. Dalam hubungan ini 10 buah sekolah menengah Sains berasrama adalah di dalam proses pembinaan dalam 10 negeri di Malaysia Barat. Pengambilan murid-murid bagi sekolah-sekolah ini telah dimulakan mulai daripada awal tahun ini.

Kementerian Pelajaran juga merancang untuk menyediakan lebih banyak asrama-asrama dan lain-lain kemudahan bagi pelajar-pelajar yang datang dari luarbandar.

Saya berharap persediaan kemudahan ini akan dapat menolong mengatasi masalah keciciran yang sekarang ini menjadi masalah negara. Dengan menyediakan kemudahan-kemudahan asrama ini juga adalah diharapkan supaya mutu pelajaran di kalangan pelajar-pelajar dari luarbandar akan bertambah baik.

Di bawah Anggaran Pembangunan, sejumlah \$78.89 juta adalah diperlukan bagi aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah bagi Malaysia Barat.

Daripada jumlah ini, \$19 juta akan digunakan bagi pelajaran rendah iaitu pembinaan sebanyak 1,118 bilik-bilik darjah termasuk menggantikan sekolah-sekolah yang "sub-standard" di luarbandar dan juga bagi mengadakan kemudahan-kemudahan seperti tandas, padang permainan, bekalan air, api dan kantin.

Bagi Sekolah-sekolah menengah, sejumlah \$28 juta akan digunakan untuk pembinaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua iaitu 1,037 buah bilik darjah, 123 buah makmal sains, 36 makmal sains rumah-tangga, 38 bengkel seni perusahaan dan 102 buah perpustakaan.

Jumlah peruntukan sebanyak \$78.89 juta ini adalah juga termasuk \$17 juta bagi pelajaran menengah teknik dan vokesyenal, \$2 juta bagi rumah-rumah guru, \$1.5 juta pemberian bantuan, \$450,000 bagi Asrama Khas murid-murid buta yang sedang dibina, \$6 juta bagi asrama-asrama dan \$4.9 juta bagi TV Pendidikan di bawah pinjaman kedua rancangan Bank Dunia. Pinjaman ini termasuk juga pembinaan 4 buah sekolah vokesyenal dan sebuah sekolah teknikal.

Dalam tahun 1972 Kementerian Pelajaran telah menyiapkan 826 bilik-bilik darjah bagi sekolah-sekolah rendah, 550 bilik-bilik darjah bagi sekolah menengah, 194 makmal sains, 31 makmal sains rumah-tangga, 37 buah bengkel bagi seni perusahaan, 59 buah perpustakaan, 30 buah kantin, 64 yunit rumah guru-guru dan 22 asrama. Berhubung dengan pelajaran teknik dan vokesyenal, pembinaan 2 buah sekolah vokesyenal dan 2 buah sekolah teknik yang dibiayai daripada pinjaman pertama Bank Dunia akan siap pada penghujung tahun ini.

Sejumlah \$5.46 juta adalah diperlukan untuk Belanja Mengurus di bawah aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah di Malaysia Timur. Kelebihan peruntukan bagi tahun

1973 dari peruntukan tahun 1972 ialah \$1 juta dan kelebihan ini adalah perlu untuk menampung penambahan kemasukan murid-murid di peringkat rendah, menengah dan vokesyenal.

Bagi Sabah kemasukan murid-murid bagi sekolah rendah ialah 118,880 dalam tahun 1973 berbanding dengan 115,438 orang dalam tahun 1972; iaitu untuk sekolah menengah 43,613 orang dalam tahun 1973 berbanding dengan 38,567 orang di dalam tahun 1972; dan bagi sekolah vokesyenal 309 orang berbanding dengan 251 orang di dalam tahun 1972.

Bagi negeri Sarawak pula kemasukan murid-murid bagi sekolah rendah ialah 159,000 orang dalam tahun 1973 berbanding dengan 154,932 orang dalam tahun 1972; bagi peringkat menengah sebanyak 30,680 orang berbanding dengan 26,128 orang di dalam tahun 1972, dan bagi sekolah vokesyenal 389 orang berbanding dengan 340 orang di dalam tahun 1972.

Di bawah Kepala Pembangunan sejumlah \$27.73 juta adalah diperlukan bagi Malaysia Timur. Bagi Sabah \$4.5 juta diperlukan bagi sekolah rendah iaitu untuk pembinaan 148 bilik darjah baru dan 100 yunit rumah guru dan juga bagi menyiapkan 144 buah projek yang mengandungi 239 bilik darjah dan 149 buah yunit rumah guru. Sejumlah \$6.65 juta diperlukan bagi rancangan pelajaran menengah di Malaysia Timur untuk 17 projek yang mengandungi 141 buah bilik darjah, 36 buah makmal sains, 21 yunit asrama dan 104 yunit rumah guru. Peruntukan ini juga diperlukan untuk menyiapkan 5 buah sekolah baru yang dibiayai dari pinjaman pertama Bank Dunia. Sebuah sekolah menengah kebangsaan akan juga dibiayai daripada peruntukan ini.

Di bawah aktiviti ini juga sejumlah \$1.5 juta dikehendaki bagi menyiapkan bangunan sekolah vokesyenal Sandakan, tambahan bagi sekolah vokesyenal Likas dan juga bagi pembinaan sebuah sekolah vokesyenal baru di Tawau yang dibiayai daripada pinjaman kedua Bank Dunia.

Bagi Sarawak pula \$2.5 juta diperlukan bagi pelajaran rendah iaitu untuk membina 249 bilik darjah dan 100 buah yunit rumah guru.

Sebanyak \$9.5 juta diperlukan di bawah aktiviti ini untuk pelajaran menengah iaitu membina 3 buah sekolah menengah baru yang mana 2 daripadanya adalah sekolah-sekolah kebangsaan. Peruntukan ini juga ialah untuk pembinaan 70 buah bilik darjah tambahan bagi sekolah menengah Kerajaan, 26 buah makmal sains, sebuah makmal bagi sains rumah tangga, 14 yunit asrama, 65 yunit rumah guru, 13 buah bilik darjah tambahan dan 8 buah makmal sains bagi sekolah-sekolah menengah bukan Kerajaan akan juga dibina dari peruntukan ini.

Peruntukan bagi pelajaran vokesyenal dan teknik yang diperlukan di Sarawak ialah \$1.7 juta bagi pembinaan sebuah sekolah vokesyenal baru di Sibu. Projek ini adalah dibiayai daripada pinjaman kedua Bank Dunia yang diluluskan di dalam bulan April, 1972.

Sejumlah \$230,000 akan dipinjamkan kepada Lembaga-lembaga Pengurus Sekolah untuk membolehkan mereka membina bangunan tambahan dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan bagi sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, pada akhir tahun 1972, Kementerian saya telah menyiapkan sebanyak 158 unit bilik darjah bagi pelajaran rendah di Sabah, 226 unit tandas dan 156 unit rumah guru. Di peringkat menengah pula, Kementerian Pelajaran telah menyiapkan 81 unit bilik darjah, 21 unit makmal sains, 4 unit makmal sains rumah tangga, 4 bengkel seni perusahaan, 4 khutubkhanah, 4 buah kantin, 3 unit dewan dan 42 buah asrama. Sekolah Vokesyenal Sandakan yang dibiayai oleh pinjaman pertama Bank Dunia adalah di dalam pembinaan dan Sabah Junior Kolej adalah juga di dalam pembinaan.

Bagi negeri Sarawak 157 unit bilik darjah bagi Pelajaran Rendah, telah dibina 93 unit tandas dan 107 unit rumah-tangga guru. Di peringkat menengah pula, Kementerian Pelajaran telah menyiapkan 90 bilik darjah, 6 makmal sains, sebuah makmal sains rumah-tangga, 3 buah perpustakaan, 3 unit dewan, 30 buah asrama dan sebuah kantin.

Bagi pelajaran Vokesyenal dan Teknik peringkat ketiga pembinaan Sekolah Menengah Vokesyenal Kuching sedang dijalankan.

D. Pengurusan Peperiksaan—\$4,300,064

Peruntukan yang diperlukan di bawah aktiviti pengurusan peperiksaan bagi Malaysia Barat di bawah Anggaran Belanja Mengurus ialah \$4.03 juta.

Mulai pada tahun 1972 Lembaga Peperiksaan telah menguruskan peperiksaan Sijil Perdagangan Malaysia yang sama tarafnya dengan Sijil "London Chambers of Commerce". Lembaga ini juga, mulai daripada tahun 1972 telah mengurus ujian lisan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi peperiksaan (Sijil Rendah Pelajaran) Lower Certificate of Education.

Dalam tahun 1973, adalah dianggarkan bahawa seramai 190,000 calon akan menduduki peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Lower Certificate of Education berbanding dengan 181,742 orang calon dalam tahun 1972. Bilangan calon yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Malaysia Certificate of Education dan Sijil Tinggi Pelajaran (Higher School Certificate) dalam tahun 1973 dianggarkan seramai 120,000 orang dan bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Vokesyenal Malaysia dianggarkan seramai 3,200 calon akan menduduki peperiksaan itu. Menurut hitungpanjang seramai 610,800 orang calon akan memasuki peperiksaan di dalam berbagai jenis pelajaran di dalam tahun 1973 berbanding dengan seramai 585,542 orang calon di dalam tahun 1972.

Bagi Malaysia Timur peruntukan yang diperlukan bagi Pengurusan Peperiksaan ialah \$0.27 juta untuk Sabah, di mana segala pengurusan peperiksaan adalah ditadbirkan oleh Bahagian Peperiksaan, Pejabat Pelajaran Sabah. Peperiksaan ini termasuk peperiksaan-peperiksaan yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran dan juga peperiksaan untuk kakitangan Kerajaan yang dijalankan bagi pihak Lembaga Peperiksaan Kerajaan. Dalam tahun 1973 dianggar seramai 59,255 orang calon akan menduduki berbagai-bagai jenis peperiksaan di Sabah berbanding dengan 54,067 orang di dalam tahun 1972.

Bagi makluman ahli-ahli Yang Berhormat, dari tahun 1973 peperiksaan Sijil Rendah (aliran Inggeris) di Negeri Sabah akan digantikan dengan peperiksaan Lower

Certificate of Education dan peperiksaan Lower Certificate of Education (aliran Cina) tidak akan diadakan lagi.

E. Pelajaran Menengah Atas/Tinggi—Peruntukan yang diperlukan ialah \$115,695,900

Sejumlah \$84.02 juta adalah diperlukan bagi aktiviti Pelajaran Menengah Atas/Tinggi di bawah Anggaran Belanja Mengurus bagi Malaysia Barat. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1972 sebanyak \$19.06 juta. Untuk Pembangunan, peruntukan yang diperlukan di bawah aktiviti ini bagi Malaysia Barat ialah \$31.67 juta.

Peruntukan ini ialah untuk membiayai perbelanjaan mengurus bagi semua Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi iaitu Universiti Malaya yang termasuk Hospital Universiti, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains, Universiti Pertanian, Institut Teknologi Kebangsaan dan Politeknik Ungku Omar. Kelebihan peruntukan yang diperlukan tidak dapat dielakkan kerana bertambahnya jumlah penuntut-penuntut yang akan diambil oleh Universiti-universiti dan Kolej-kolej ini di dalam tahun 1973 yang memerlukan tambahan kepada bilangan kakitangan-kakitangan dan kemudahan-kemudahan yang lain. Jumlah penuntut-penuntut yang akan dimasukkan ke dalam Universiti-universiti dan Kolej-kolej ini dalam tahun 1973 dianggarkan seramai 17,142 orang berbanding dengan jumlah 14,788 orang di dalam tahun 1972.

UNIVERSITI HOSPITAL

Peruntukan yang diperlukan oleh Universiti ini ialah sebanyak \$28 juta bagi Belanja Mengurus dan \$2.7 juta bagi Pembangunan.

Peruntukan bagi pembangunan ialah untuk menyiapkan tambahan kepada Fakulti Sains, Asrama Ketujuh, Pusat Pelajaran Penuntut-penuntut dan satu kompleks sukan.

UNIVERSITI HOSPITAL

Belanja mengurus yang diperlukan ialah \$12 juta.

UNIVERSITI KEBANGSAAN

Sejumlah \$15.4 juta diperlukan bagi Belanja Mengurus iaitu melebihi sebanyak \$6.3 juta daripada peruntukan tahun 1972.

Untuk Pembangunan pula jumlah yang diperlukan ialah sebanyak \$6.5 juta iaitu untuk menyiapkan bangunan Perpustakaan, membeli buku-buku bagi Perpustakaan dan Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu, untuk membeli alat-alat kelengkapan bagi Fakulti Sains dan juga menyiapkan bangunan Pentadbiran Universiti. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk membayar pengambilan tanah seluas 2,300 ekar di kampus baru Universiti ini di Bangi dan untuk menyediakan Perancangan Kampus (Campus Plan) bagi Universiti tersebut. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk membina asrama-asrama bagi Fakulti Perubatan, dan membeli alat-alat kelengkapan untuk asrama tersebut.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Belanja Mengurus yang diperlukan bagi Universiti Sains Malaysia ialah \$12.5 juta iaitu \$2.56 juta lebih dari peruntukan tahun 1972.

Bagi Pembangunan, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$11.8 juta untuk menyiapkan bangunan Kompleks Sains yang mengandungi beberapa sekolah atau fakulti dan juga untuk Perpustakaan. Bank Dunia telah meluluskan satu pinjaman baru-baru ini bagi membiayai projek-projek tersebut. Peruntukan ini juga akan digunakan bagi membina asrama tambahan bagi penuntut-penuntut dan juga membeli alat-alat kelengkapan bagi asrama itu.

UNIVERSITI PERTANIAN

Belanja Mengurus yang diperlukan bagi tahun 1973 ialah sebanyak \$9.52 juta dan untuk pembangunan sebanyak \$8.3 juta. Peruntukan bagi pembangunan ialah untuk membina bangunan-bangunan tambahan bagi Fakulti Pertanian, sebuah bangunan bagi Fakulti Kehutanan dan Haiwan dan juga membeli alat-alat kelengkapan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu permohonan telahpun dibuat kepada Bank Pembangunan Asia untuk mendapat satu pinjaman bagi membiayai projek-projek ini. Universiti ini akan mengambil penuntut-penuntut bagi kursus-kursus ijazah bagi pertama kalinya pada tahun hadapan.

INSTITIUT TEKNOLOJI KEBANGSAAN

Peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$5 juta.

Institut ini pada asalnya ialah Kolej Teknik yang telah dinaikkan tarafnya ke peringkat Universiti dalam tahun 1972 dan telah diubah namanya kepada Instituti Teknologi Kebangsaan. Instituti ini bukan sahaja menyediakan Kursus-kursus Ijazah tetapi juga Kursus-kursus Diploma di dalam bidang-bidang Kejuruteraan, Ukur Tanah, Ukur Bahan, Akitek dan Perancang Bandar dan Kampung.

Seramai 219 orang penuntut telah dikurniakan diploma di dalam berbagai pengajian dalam tahun 1972. Kursus-kursus ijazah dimulakan dalam tahun 1972 dengan 87 orang mahasiswa. Dalam tahun 1973 adalah dijangka bahawa Instituti ini akan mempunyai 210 orang penuntut yang mengambil kursus-kursus Ijazah dan 1101 penuntut mengambil kursus diploma.

POLITEKNIK UNGKU OMAR

Peruntukan yang diperlukan bagi Belanja Mengurus ialah sebanyak \$1.6 juta dan bagi pembangunan, \$2.25 juta.

Politeknik Ungku Omar yang ditubuhkan dalam tahun 1969, menyediakan kursus penuh-masa selama 2 tahun di dalam bidang pengajian Teknologi Kejuruteraan dan Pengajian Perdagangan dan juga kursus penuh-masa selama tiga tahun di dalam pelajaran Perakaunan. Sijil-sijil dan Diploma-diploma Politeknik akan dikurniakan kepada penuntut-penuntut yang tamat kursus-kursus ini dengan jayanya. Sehingga sekarang pemegang sijil-sijil dan diploma-diploma Politeknik ini telah berjaya mendapat kerja samada dengan Kerajaan ataupun di dalam sektor Swasta. Dalam tahun 1973 adalah dianggarkan bahawa jumlah penuntut-penuntut yang menuntut di Politeknik ini ialah seramai 1,000 orang berbanding dengan 820 orang dalam tahun 1972.

Peruntukan yang diperlukan bagi pembangunan ialah sebanyak \$2.25 juta iaitu untuk menyiapkan projek peringkat kedua yang sekarang ini sedang dijalankan.

F. Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$3,229,064.

Peruntukan yang diperlukan bagi Belanja Mengurus di bawah aktibiti Kebajikan Penuntut-penuntut di Luar Negeri ialah \$3.23 juta dan bagi Pembangunan sebanyak \$0.65 juta.

Peruntukan Belanja Mengurus ini ialah untuk membiayai pentadbiran Jabatan-jabatan Penuntut di Luar-luar Negeri, asrama-asrama dan Pusat-pusat Penuntut.

Kementerian Pelajaran sekarang ini memberi perhatian yang lebih berat tentang kebajikan Penuntut-penuntut Malaysia yang sedang belajar di berbagai-bagai Yayasan Pelajaran Tinggi di Luar Negeri. Dalam tahun 1972, jumlah penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri adalah dianggarkan seramai 26,400 orang dan jumlah ini, tidak dapat tidak, akan bertambah dalam tahun 1973.

Untuk menjaga serta menjamin Kebajikan Penuntut Malaysia di luar negeri, Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan yang perlu di Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri dan juga asrama-asrama penuntut. Pada masa ini terdapat 4 buah Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri iaitu di London, Australia, New Zealand dan Indonesia. Di samping itu terdapat juga Asrama-asrama Penuntut Malaysia di Kahirah, Dewan Malaysia di London, Dublin, Belfast dan Brighton yang menyediakan tempat tinggal sementara kepada penuntut-penuntut sebelum mereka mendapat tempat yang tetap. Di samping itu, kita mempunyai juga beberapa buah Pusat Penuntut-penuntut Malaysia yang membolehkan penuntut-penuntut ini mengadakan mesyuarat dan perjumpaan-perjumpaan sosial.

Sejumlah \$0.65 juta di bawah Kepala Pembangunan ialah untuk pembinaan sebuah Dewan Malaysia di Jakarta dan sebuah Asrama Puteri di Kahirah di mana tawaran telah dipanggil dan telahpun ditutup.

G. Biasiswa, Dermasiswa, Hadiah dan Bantuan Latihan, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$18,000,000.

Sejumlah \$18 juta adalah diperlukan bagi aktibiti Biasiswa/Dermasiswa/Hadiah Bantuan Latihan di bawah Kepala Anggaran Belanja Mengurus.

Tujuan utama Kementerian Pelajaran memberi biasiswa dan dermasiswa ialah untuk mengadakan pekerja-pekerja yang terlatih bagi sektor awam dan juga untuk memberi peluang pelajaran kepada golongan yang kurang mampu.

Daripada peruntukan ini Kementerian Pelajaran juga memberi Biasiswa Kecil Persekutuan dan Biasiswa pra-Universiti. Dalam tahun 1973 Kementerian Pelajaran menjangka akan memberi 12,067 Biasiswa Kecil tambahan menjadikan jumlah pelajar yang menerima biasiswa kecil persekutuan ini seramai 38,144 orang. Jumlah penerima biasiswa ini sekarang ialah 26,077 orang.

Biasiswa pra-Universiti juga akan dilebihkan dalam tahun 1973 menjadikan jumlah penerima biasiswa ini seramai 6,300 orang berbanding dengan 5,487 orang di dalam tahun 1972.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada biasiswa kecil pelajaran dan biasiswa pra-Universiti, kebanyakan daripada biasiswa dan dermasiswa yang diberikan ialah untuk Pelajaran Tinggi dan latihan guru untuk membolehkan kita mengadakan guru-guru siswazah yang perlu bagi Pelajaran Menengah Atas.

H. Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah, peruntukan yang diperlukan ialah sebanyak \$5,343,731.

Satu peruntukan sebanyak \$5.3 juta diperlukan bagi aktiviti Perkhidmatan Awam dan Pelajaran Daerah.

Daripada peruntukan ini sejumlah \$2.8 juta akan diuntukkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Baki daripada peruntukan itu ialah untuk bantuan kepada Sekolah-sekolah Ugama Islam Rakyat, bantuan bagi Pelajaran Lanjutan, bantuan bagi pelajar-pelajar di Sekolah Latihan Membina Semangat, bantuan kepada Pejabat Penerbit Braille dan bantuan kepada Persatuan Asia di Raja Cawangan Malaysia. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk membantu pembayaran yuran-yuran sekolah bagi penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di Singapura disebabkan pertukaran ibubapa mereka ke sana dan untuk membayar caruman tahunan Kerajaan Malaysia kepada beberapa Pertubuhan Pelajaran Antarabangsa dan Daerah yang mana Malaysia adalah salah satu daripada ahlinya. Badan-badan ini ialah Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara yang mempunyai Sekretariatnya di Bangkok, Pusat Wilayah SEAMEO bagi Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab di Pulau Pinang, Lembaga Penyelesaian Pusat SEAMEO bagi Perubatan Tropika dan Kesihatan Awam di Bangkok,

Institusi Wilayah bagi Pelajaran Tinggi dan Pembangunan di Singapura dan Pertubuhan Pelajaran Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu di Paris.

Tuan Pengerusi, dengan penerangan-penerangan di atas tadi, saya mohon mencadang.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran di bawah Kepala B. 20—Kementerian Pelajaran. Di sini saya suka bercakap sedikit berkenaan perkhidmatan guru-guru sementara di Johor. Saya telah difahamkan bahawa Ketua Pegawai Pelajaran Johor telah mengeluarkan satu arahan untuk menamatkan perkhidmatan guru-guru sementara di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dengan memberi 4 bulan notis kerana mereka tidak mendapat kelulusan pangkat Kepujian dalam bahasa Malaysia.

Memang benar menurut dasar baharu pelajaran kita guru-guru mesti mendapat kepujian dalam bahasa Malaysia, tetapi guru-guru ini telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dan hanya lulus bahasa Malaysia sahaja, mereka diambil mengikut arahan yang dahulu. Mengikut Lapuran Aziz kelulusan Senior Middle III adalah sama dengan SPM dan MCE. Oleh kerana guru-guru ini mengajar di luar-luar bandar di mana bilangan guru-guru amat berkurangan, eloklah ditimbangkan supaya mereka ini diberi jawatan tetap dan dengan ini bolehlah menolong kita mengatasi masalah kekurangan guru-guru di kawasan luar bandar.

Saya kurang faham samada arahan ini melibatkan negeri Johor sahaja atau meliputi negeri-negeri yang lain. Oleh yang demikian, memandangkan perkhidmatan mereka yang telah lama dan mempunyai pengalaman yang luas, saya harap Kementerian Pelajaran dapat menimbangkan supaya perkhidmatan mereka dapat diteruskan.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): *(Dengan izin)* Mr Chairman, Sir, speaking on Head B. 21 and P. 21, pages 178-185, under the Ministry of Education, I and my colleagues both in the State Council Negri and this House have spoken many times on the many problems facing us in Sarawak in the educational sector.

Mr Chairman, Sir, before I speak further on these problems, I wish to draw the attention of this House that education, according to the IGC Report which formed the basis of the London Agreement and the Malaysia Act, 1963, is under the Concurrent List. This means that education is the responsibility of both the State and the Federal Governments. Therefore, it is the duty and responsibility of both the State and the Federal Governments to ensure and provide the people, particularly those in Sarawak, with a system of education that is practical, effective, meaningful and feasible in order that our present young generation will derive future benefits. In Sarawak we have a peculiar system of education; we have a peculiar educational system not found elsewhere in other States of Malaysia—that is a detrimental Primary 6 Common Entrance Examination. Nowhere else in Malaysia, Sir, I believe that so much of the young children out of so many who went to primary schools annually have suffered and obtained very few benefits because of the Primary 6 Common Entrance Examination. Previously, out of the thousands who had attended primary schooling in Sarawak, annually 30% of the Primary 6 students only were given the chance for secondary education. 70%—I repeat 70%—were condemned to a life-long term of failure. They are decreed unfit all their lives. What we must do is to undo the damage which had been done. It was not until this year that the situation had improved and the failures were decreased to 50%. However, this is still not enough. In our efforts at striving for a *masyarakat adil* or just society, how can this country in clear conscience allow 50% of our young people, eleven and twelve years old, to be condemned as failures and labelled as future unfits in our society? The parents and primary pupils in Sarawak were full of high hopes and great expectations when the State Government had promised to abolish the Primary 6 Common Entrance Examination by the end of last year, i.e. 1972. But 1972 had come and gone and this is 1973 and we are still faced with the ogre of this evil Primary 6 Common Entrance Examination. All we ask for in Sarawak, Mr Chairman, Sir, is that all our children of such tender age be given a chance for secondary education. This is not too much to ask for.

Meanwhile the problems that had been created because of the many failures in the past years by our young people who had been denied secondary education have created other problems far worse. I therefore urge the Government to provide these people who are our hopes for the future to be given a new lease of life. First of all, Mr Chairman, Sir, I propose that the State and Federal Governments should set up a joint committee to look into and implement the setting up of more technical schools, more vocational schools, more trade schools and more agricultural schools for these young unwanted of society. These are society's labour lost. They are a great potential source of manpower. At the same time, we need more secondary schools, more Form IV and more Form VI classes to cater for our immediate needs. We need more colleges and at least one University in East Malaysia. We therefore hope that the proposed College at Bako recently announced by the State Government is not another political stunt.

One side of the problem that is facing our educational sector in Sarawak in our efforts for a more just and equitable society is that we lack proper institutions to train more teachers for our schools. We need more teachers now. More incentive must be made to attract our educated few to the teaching profession with the introduction and implementation of the Aziz Report on the new scale of salary for teachers. But at last, Mr Chairman, Sir, we in Sarawak have been made to understand that the Aziz Report has been scrapped for Sarawak and a new Sarawak Teachers Service which undoubtedly will take too long to be implemented is still on the horizon. Meanwhile, what will become of our poorly paid teachers, neglected in the ulu schools, lacking in facilities, often handicapped in training, but dedicated to their calling—what will happen to these people? Will they remain forever as a struggling group of people with such great responsibility of bending the young saplings of our country towards our desired direction but remain forgotten and neglected by us? I therefore, most earnestly urge the Federal Government especially to urgently intervene and implement either the Aziz Report or whatever other schemes there is in its place immediately.

In Sarawak, secondary schools are too few and far between scattered all over the place. Boarding facilities therefore need further extension in order to absorb more students. This is very important because we are dealing with young people at a tender age where a slight mishandling may result in future problems.

I do not intend to paint a very gloomy picture of Sarawak's educational problem. But the matter must be made known so that immediate remedial steps can be taken to prevent future losses. The problem of Sarawak's education does not stop with the primary education and the lower secondary level, but it continues with a different deviation at a middle secondary and upper secondary stage. At the present moment, because of the glaring shortage of Form 4 classes in Sarawak's schools, only those who obtain a Grade I and a good Grade II can hope to further their studies. Roughly about 50% of the third formers are again condemned as failures, compulsory school drop-outs and eventually find themselves joining the flooded unskilled labour market. What a waste of potential manpower? These people should not have been a loss and a burden to society; they can be trained as technicians, mechanics and such like by providing the necessary training facilities and institutions in Sarawak. Then the nation can hope for a more just society where everybody has a place as a responsible citizen in our overall national efforts. I, therefore, Sir, again urge the Government to act now before it is too late.

In the light of our present efforts at developing our Nation there is a great need to improve our manpower. Only the Government with all its facilities and resources can take effective steps towards this goal. In Sarawak we need more Form 6 classes so that these people will provide available local recruits to man the many sectors of the country's need. They will become potential resources to meet our professional requirements. We hear of complaints that the country needs more doctors, more lawyers, more engineers and so on and so forth. The tendency at the present moment is for the Government to turn around and import these recruits. If a proper approach in planned government is made, the Ministry of Education can play a very important and

vital part in this direction. There are available local resources which will only require proper facilities and additional further academic qualification available within Malaysia itself. But we have done very little in this direction; therefore, in the Sarawak context, Mr Chairman, Sir, I urge the Federal Government to give this very serious consideration and act now because more delays will be very harmful to us.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya lebih dahulu mengucap berbanyak-banyak terima kasih dan menyokong Anggaran Kementerian Pelajaran yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran yang berjumlah sebanyak \$743,583,529 termasuk Belanja Mengurus dan Pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa pada hari ini dalam soal pelajaran iaitu Kepala P. 20 Pecahan-kepala 1 dan 2 dan di bawah Kepala B. 20, akan saya merangkumkan pecahan-pecahan kepala 4100—Aktiviti (1), (3) (a), (b), (g), (i) iaitu termasuk Pentadbiran, Sekolah Rendah dan Menengah, penempatan guru-guru dan seterusnya layanan kepada sekolah-sekolah luar bandar termasuk alat-alat sains dan pembantu makmal.

Tuan Pengerusi, soal pelajaran di negara kita sekarang ialah suatu aspek yang penting dalam membina sebuah negara kukuh dan mencapai matlamat keseimbangan dan perpaduan. Dalam menghadapi soal ini saya kira Dasar Pelajaran Kebangsaan kita adalah merupakan suatu rel yang membentuk dan menyalurkan ke arah yang tersebut itu. Tuan Pengerusi, bilamana saya menyebut Dasar Pelajaran Kebangsaan ini adalah bererti bahawa segala-segalanya baik bahasa pengantar mata-mata pelajaran dan sukatan pelajaran termasuk soal perguruannya sekali hendaklah menuju ke arah yang sama iaitu kebangsaan. Tetapi dalam menjalani soal ini saya perhatikan hingga saat ini soal bandar dan luar bandar masih belum mendapat persamaan yang sewajarnya dari segi pelajaran ini.

Tuan Pengerusi, benarkan saya menyatakan lebih lanjut lagi mengenai perkara ini. Bila menyentuh pelajaran, di luar bandar

samada secara langsung atau tidak langsung adalah menyentuh sekolah-sekolah kebangsaan. Sebenarnya urat nadi pelajaran di luar bandar adalah bergantung sepenuhnya kepada sekolah kebangsaan, samada sekolah itu sekolah rendah mahupun sekolah itu sekolah menengah. Maju mundurnya sekolah kebangsaan adalah mengakibatkan maju mundurnya masyarakat luar bandar yang rata-rata terdiri dari bumiputra.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak menafi dan tidak pula berniat untuk menafi atau menidak-nidakkan usaha yang giat yang telah dilakukan yang telah diusahakan oleh Kementerian Pelajaran selama ini untuk memajukan murid-murid luar bandar seperti memilih murid-murid yang baik bagi mengikuti sekolah-sekolah berasrama penuh, tetapi usaha ini masih belum memadai dan belum mencukupi. Kemasukan murid-murid ke sekolah berasrama penuh adalah berdasarkan kepada semua murid-murid samada murid itu datang dari luar bandar mahupun yang datang dari dalam bandar. Tetapi kemasukan murid-murid ke sekolah menengah sains berasrama penuh yang dicadangkan pada mulanya diambil daripada murid-murid luar bandar masih juga dipilih murid-murid dari sekolah-sekolah dalam bandar. Ini sedikit-sebanyak berlaku di Kelantan. Tuan Pengerusi, bagi menentukan sekolah-sekolah luar bandar dan dalam bandar inipun adalah masih mengelirukan. Di sini sudah tentu yang murid-murid dari dalam bandar akan mendapat tempat atau peluang yang baik kerana mereka ini mendapat banyak kemudahan-kemudahan di sekolah rendah dalam bandar di samping kesedaran ibubapa berserta dengan kemampuan mereka memberi pelajaran-pelajaran tambahan kepada anak-anak mereka itu, dan keadaan ini jauh panggang dari api kepada orang-orang kita di luar bandar.

Tuan Pengerusi, sekiranya Yang Berhormat Menteri Pelajaran ataupun Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran mempunyai perangkaan yang tepat mengenai kedudukan ini berpandukan ujian-ujian penilaian Darjah Lima yang dijalankan selama ini. Kalau dianalisisakan peratus-peratus kelulusan itu di Malaysia Barat di antara sekolah-sekolah luar bandar dengan sekolah-sekolah dalam bandar dan di antara sekolah jenis kebangsaan dengan kebangsaan akan ternyata kebenaran yang saya sebutkan itu.

Jadi kita sekarang, maksud saya Kerajaan, cuba untuk memperbaiki sekolah-sekolah luar bandar supaya seimbang dengan sekolah-sekolah dalam bandar atau tegasnya menyamakan sekolah kebangsaan dengan jenis kebangsaan. Dalam menjalankan tugas ini, kita tidak menitikberatkan kepada pokoknya. Misalnya, mengambil sedikit bilangan murid-murid yang baik dibawa ke bandar-bandar untuk mengikuti sekolah-sekolah berasrama penuh itu. Kalau dikira secara umumnya hanya angka yang tidak melebihi 10% sahaja yang kita bela dan perbaiki nasib anak-anak kita di luar bandar. Keadaan yang tidak seimbang dalam masyarakat masa hadapan mungkin tidak dapat dihapuskan sama sekali. Tetapi memandangkan kepada apa yang diterang atau dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen maka kita berdoa kepada Tuhan segala rancangan-rancangan itu kita harap akan dapat kejayaan yang gemilang.

Tuan Pengerusi, saya mempunyai keyakinan yang kuat kalau kita benar-benar hendak menyelesaikan masalah negara yang besar ini, hendaklah kita perbaiki dari akar umbinya sekali. Sekolah-sekolah Kebangsaan hendaklah diberi benar-benar nafas baharu, hendaklah diberi sendi kekuatan lahir dan batin. Bangunannya hendaklah dibina dengan keadaan yang lebih baik walaupun usaha dan kegiatan ini sebahagiannya sudah dilaksanakan oleh Kerajaan tetapi masih banyak lagi yang wajib dibina dan diperbaiki.

Terlanjur menyebut bangunan sekolah, saya teringat kepada sebuah sekolah kebangsaan di dalam kawasan saya. Sekolah itu terletak kira-kira 20 batu dari bandar Kota Bharu dan 14 batu dari bandar Bachok nama tidak asing lagi bagi orang-orang di Bachok ialah Sekolah Bekong. Bangunan bangsal sekolah yang panjang kira-kira 120 kaki dan lebarnya 20 kaki, beratap daun rembia dan berdingking buluh dan berlantaikan tanah itu adalah dapat meneduhkan kira-kira 120 orang murid atau anak-anak yang tidak berdosa. Bangunan sekolah yang tidak bernasib baik ini telah didirikan sebagai sekolah rakyat dalam tahun 1958 dan diambil alih oleh Kerajaan sepuluh tahun kemudian iaitu dalam tahun 1968. Umur sekolah itu kira-kira 14 ataupun 15 tahun dari masa mula dibangunkan atau empat atau lima tahun jika dikira dari masa yang diambil alih oleh Kementerian Pelajaran. Keadaannya masih

tidak ada pembelaan. Apa yang diharapkan oleh ibubapa murid-murid serta guru-guru yang bertugas di sekolah yang tersebut ialah sebuah bangunan kekal 6 bilik darjah, sebuah bilik sains, kantin dan lain-lain kemudahan, hendaklah diadakan dengan seberapa segera yang boleh. Kita tahu peruntukan wang pembangunan yang diuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya bagi tahun 1973 sebanyak \$17 juta itu dapatlah diberikan sedikit untuk projek yang tersebut itu.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung bagaimana cara hendak menyelesaikan masalah sekolah kebangsaan, sebagaimana yang saya terangkan tadi. Selain daripada bangunan-bangunan yang lebih baik perlu didirikan, bilik-bilik sains yang lengkap dengan alat perkakas disediakan, maka guru-gurulah yang penting sekali.

Guru-guru yang mengajarnya hendaklah dipilih guru-guru yang lebih baik, yang benar-benar terlatih, dan yang mempunyai kelulusan akademik yang baik, diarah mengajar ke luar-luar bandar. Dahulu, Tuan Pengerusi, kebanyakan guru-guru yang terlatih, yang muda dan yang bertenaga termasuk di bawah tangga gaji yang dipersatukan. Guru-guru ini ialah dipanggil guru-guru UTS, pada masa dahulunya tidak boleh ditukar, tidak boleh diarah ke mana-mana. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran tidak dapat berbuat apa-apa. Tetapi sekarang, Lapuran Aziz sudah diterima dan disambut baik oleh kira-kira 99.9% guru-guru. Dengan terlaksananya Lapuran Aziz itu, segala ikatan-ikatan dan simpulan-simpulan sudah dapat dibuka. Guru-guru UTS yang selama ini tidak boleh ditukar—susah boleh ditukar sekarang, sudah boleh diarah. Jadi dalam soal ini saya berkeyakinan penuh bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh menimbangkan cadangan saya ini dengan senang hati.

Tuan Pengerusi, negara kita Malaysia banyak mempunyai guru-guru muda yang berkelulusan baik, tetapi sayang kebanyakan mereka ditempatkan di sekolah-sekolah dalam bandar—di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan. Mungkin mereka sudah jemu dengan keadaan di bandar-bandar. Arahkanlah mereka mengajar di luar-luar bandar. Tetapi sebelum arahan pertukaran itu dijalankan, hendaklah satu sistem pertukaran,

satu sistem pertukaran yang adil lagi memberi faedah kepada perkembangan dan kemajuan pelajaran sekolah-sekolah, khususnya sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Pengerusi, menyerah bulat-bulat soal pertukaran ini kepada pengarah-pengarah pelajaran negeri-negeri, atau pengelola-pengelola tanpa sekali sekala tidak dibuat kajian atau perhatian oleh Kementerian Pelajaran adalah mengecewakan. Saya kira sudah sampailah masanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau pegawai-pegawai yang diamanahkan oleh Yang Berhormat Menteri mengunjungi pejabat-pejabat Pelajaran Negeri-negeri memeriksa dan memerhati dari dekat. Jika perlu memegang sendiri fail-fail guru. Memegang fail-fail guru-guru bukan untuk sesuatu, tetapi ialah untuk mencari keadilan. Berunding dan berbincang bukan sahaja dengan Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri-negeri, tetapi juga dengan penolong-penolong pengelola yang mengetahui benar-benar masalah dan selok belok guru-guru dan sekolah-sekolah di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya tidak berniat hendak menyebut di sini ada setengah-setengah guru-guru samada di sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan yang tidak pernah ditukar sampai berbelas-belas tahun. Setengah-setengahnya dari guru sekolah rakyat menjadi guru besar sekolah rakyat, setelah sekolah itu menerima Kerajaan terus menjadi guru UTS dan bila Lapuran Aziz diterima, mereka pula mendapat gaji penyandang sehingga kurang tiga puluh ringgit seribu ringgit. Tetapi masih lagi guru itu berada di situ tetapi beberapa orang guru-guru lain selalunya mengajar, selalunya ditukar setahun sekali, dua tahun sekali, tiga tahun sekali dan demikian seterusnya. Perkara ini patutlah dikaji dan diambil tindakan dengan seberapa segera, dan ada setengah pula yang ditukarkan di sekolah-sekolah berhampiran atau di sekitar bandar sahaja.

Perkara yang kedua mengenai Guru-guru Besar yang ternyata baiknya mentadbirkan sekolah-sekolah di dalam bandar hendaklah ditukarkan memegang jawatan Guru-guru Besar di sekolah-sekolah di luar bandar. Dan yang ternyata lemahnya mentadbirkan sekolah-sekolah jangan dibiarkan mereka terus memegang jawatan Guru Besar itu sehingga mereka berpencen. Guru-guru Besar yang menyusahkan Juru Odit mengodit kira-kira atau akaun-akaun sekolah

hendaklah diberi menjadi guru penolong sekolah itu ataupun lain-lain sekolah. Guru-guru Penolong yang berkelulusan baik, cergas dan bertenaga hendaklah diberi peluang menjawat jawatan Guru-guru Besar di sekolah-sekolah yang sesuai dengan mereka.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, peluang-peluang naik pangkat hendaklah diutamakan dari kejayaan mereka setelah mereka berjaya bertugas di luar-luar bandar.

Yang keempat, bantuan kewangan hendaklah diutamakan dengan memberi kelebihan yang tertentu kepada murid-murid sekolah luar bandar.

Yang kelima, bantuan alat-alat perkakas sains dan ilmu hisab dan lain-lain buku teks hendaklah sepadan dengan yang diperolehi di sekolah-sekolah yang di bandar.

Yang keenam, perkelilingan bilangan 3/67 yang menyebut di antara lain-lain bilangan murid-murid tiap-tiap satu darjah di sekolah rendah di antara 40-50 murid-murid itu hendaklah dihadkan seramai 40 orang murid-murid sahaja dan demikian juga bilangan guru-guru 1.2 orang tiap-tiap satu darjah bagi sekolah rendah hendaklah dihadkan 1.2 orang pada tiap-tiap satu darjah dengan tidak kira bilangan guru agama. Oleh yang demikian bilangan guru-guru pada satu-satu darjah itu baharu boleh dikatakan mencukupi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih pula kepada sekolah menengah dan dalam soal layanan kepada sekolah-sekolah menengah luar bandar. Jika saya mengatakan layanan yang diberikan oleh Menteri Pelajaran terhadap sekolah-sekolah menengah luar bandar itu masih tidak memuaskan, sudah tentu Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menolaknya bulat-bulat, kerana pada anggapan saya sendiri pun pihak Kementerian Pelajaran tidak mempunyai niat sedikit pun untuk melakukan discrimination yang demikian.

Tetapi, Tuan Pengerusi, saya terpaksa menyatakan layanan-layanan itu masih tidak memuaskan dan masih banyak langkah-langkah tegas yang dapat diambil untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang sedang dihadapi oleh sekolah-sekolah luar bandar baik sekolah rendah mahu pun sekolah menengah.

Saya akan menyentuh beberapa perkara yang begitu menunjol sahaja. Guru-guru. Sekolah-sekolah di Kelantan yang saya tahu masih tidak mencukupi guru-guru yang terlatih dan kekurangan guru-guru siswazah dan bagi sekolah aliran Melayu di luar bandar masih belum ada guru-guru siswazah sains dan ilmu hisab, jika tidak disebut guru-guru kontrek dari Indonesia.

Kedua, guru-guru Besar dan guru-guru di sekolah menengah luar bandar sering menghadapi masalah apabila keputusan SRP, SPM atau STP diumumkan, kerana mereka sering dituduh oleh pihak berkuasa dan pihak ibubapa, sebagai tidak berjaya menjalankan tugas mereka dengan betul, kerana peratus kelulusan peperiksaan-peperiksaan itu terlalu rendah. Tetapi, kalau kita fikirkan bahawa setengah-setengah sekolah-sekolah ini, masih sangat kekurangan guru-guru yang terlatih ditambah pula oleh kelengkapan-kelengkapan lain yang tidak begitu sempurna dan alam sekitar yang tidak begitu menggalakkan, maka kemerusutan peratus kelulusan itu dapat dimaafkan. Tuan Pengerusi, guru-guru siswazah sains bukan bumiputra tidak dihantar ke sekolah ini, dengan alasan mereka kurang mahir berbahasa Malaysia. Sampai bilakah kita mesti menerima hakikat itu. Sudah begitu jauh masa berlaku. Tidakkah malu kita pada kebolehan-kebolehan guru-guru sukarelawan Amerika yang kurang berpengetahuan bahasa Malaysia. Mereka sanggup mengajar mata-mata pelajaran sains. Sekarang nyatalah bahawa alasan untuk menidak-bolehkan penempatan guru-guru bukan Melayu mengajar sains itu tidak boleh diterima lagi.

Tuan Pengerusi, setahu saya guru-guru sains ini tidak kekurangan di sekolah-sekolah aliran Inggeris terutama di negeri-negeri Pantai Barat. Tetapi oleh keadaan-keadaan yang disebutkan tadi ia tidak dihantar ke sekolah-sekolah aliran Melayu di luar-luar bandar, khususnya di Pantai Timur.

Pada anggapan saya Kementerian Pelajaran kurang berjaya menempatkan guru-guru sains bukan Melayu ini ke sekolah-sekolah aliran Melayu. Jadi, jika demikian halnya, maka matlamat Kementerian untuk memperhebatkan mata-mata pelajaran sains dan teknologi tidak akan tercapai dengan sempurna, kerana pertambahan guru-guru bumiputra dalam mata pelajaran sains ini

adalah sedikit sekali berbanding dengan pertambahan yang amat pesat murid-murid aliran Melayu.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Pendek sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Tolong pendekkan!

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan pengumuman "Crash Programme" yang dibuat oleh Encik Kum Boo, Pengarah Sekolah-sekolah, untuk mengatasi kekurangan guru-guru sains ini. Seperti yang disiarkan dalam akhbar-akhbar pada 4-8-72 yang lalu. Tetapi pengumuman yang baik begitu biasanya tidak diikuti oleh praktikal yang baik, tetapi kali ini saya mengharapkan rancangan ini akan dilancarkan segera dan saya percaya fakulti pendidikan Universiti Pulau Pinang, Maktab Pertanian Serdang, Maktab Perguruan Teknik serta Instituti Teknologi Kebangsaan akan dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya dalam perkara ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, sementara menantikan guru-guru terlatih sains ini keluar dari maktab-maktab dan pusat-pusat pengajian ini, adakah kita suka membiarkan murid-murid yang berpuluh-puluh ribu yang ketiadaan guru-guru sains itu dibiarkan begitu sahaja? Adakah nasib mereka ini diserahkan kepada takdir sahaja?

Saya percaya dalam "crash programme" itu hendaklah dimasukkan juga penyisiran yang saksama guru-guru sains yang banyak terdapat di sekolah-sekolah Pantai Barat itu ditukar ke sekolah luar bandar terutama sekolah-sekolah di Pantai Timur Malaysia Barat.

Saya menyentuh mengenai Alat-alat Sains dan Pembantu Makmal.

Dengan perkembangan yang pesat sekolah-sekolah menengah aliran Melayu ini, maka pertambahan yang sepadan dalam alat-alat sains, bilik-bilik makmal sains dan pembantu serta pelayan makmal sains juga tidak seimbang dan tidak mencukupi, keadaan ini tambah meruncing dengan bertambahnya kelas-kelas sains tulin, kelas-kelas sains paduan dan kelas-kelas Ilmu Hisab Moden.

Saya berpendapat di samping kita banyak membuang wang dan tenaga dalam membuat kajian tentang keciciran murid-murid, pada masa ini patutlah juga murid-murid yang tidak cicir ini pun dijaga baik-baik supaya berpuluh ribu bakal warganegara berorientasi sains dan teknologi ini tidak terbiar begitu sahaja sebagaimana kita telah bertanggungjawab membiarkan beratus-ratus ribu murid yang telah tercicir itu.

Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap dalam dua tiga minit lagi mengenai

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sudah bercakap 22 minit. Saya benarkan satu minit lagi.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Satu minit lagi. Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya boleh duduk sekarang.

Tuan Pengerusi: Sebelum saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap, sekali lagi saya hendak merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mintalah tolong memendekkan ucapan. Ini satu Kementerian, saya percaya dalam perbahasannya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Kita ada 10 lagi Kementerian yang kita kena bahaskan Anggaran Belanjawan, mengurus dan Anggaran Pembangunan, masa kita sengkot dan tidak berapa hari lagi Dewan ini akan ditangguhkan. Saya tidaklah suka hendak menggunakan kuat-kuasa Yang di Pertua menghadkan masa perbahasan bagi tiap-tiap Kementerian. Oleh sebab itulah, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mintalah tolong pendek-pendekkan ucapan ataupun teguran, kalau tidak, kita terpaksa kena bermesyuarat tiap-tiap hari sehingga jauh malam. Inilah sekali lagi rayuan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak membuat teguran dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): (*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I refer to Kepala B. 20, page 171, Code 1100—a total allocation of \$24,500,495 for Salaries and Wages out of the total estimates of \$743,583,529 for West Malaysia. This is quite an appreciable sum and there is still much more to be done so far as education is concerned in Malaysia. Sir, such an enormous sum of \$1,196,409 has been allocated for "Conduct of Examinations", resulting in pupils' frustration and anxiety waiting for their results. When the

examinations are over, it is a source of disappointment to the pupils. We know, Sir, that we have 4 public examinations in the country, viz., the Standard Five Assessment Examination, the Lower Certificate of Education Examination, the Federation of Malaysia Certificate Examination and the Higher School Certificate Examination. As far as the F.M.C. or H.S.C. examinations are concerned, I believe they are set by our own Examination Syndicate in conjunction with the Cambridge Overseas Examination Syndicate.

Sir, not long ago, when the results of those examinations were announced, we would have noticed, at least some of the parents who have children who sat for their L.C.E. Examination would have noticed that pupils who have passed such examinations were stranded. They had not been informed of their new schools. The results were announced during the December holidays and before the schools reopened in January this year, the pupils should have been informed in advance which schools they were supposed to go to. This happened in Perak State and I do not know whether this sort of inefficiency occurred in other States too. I would like to quote, for instance, that in the case of 58 pupils who had passed the L.C.E. Examinations last year from the Datuk Idris School in Pengkalan Baru, Dindings—in my constituency—the parents complained that their children who passed the L.C.E. last year were not given admission to new schools. So I took up this matter at State level and finally only half of them had been directed to Bruas schools. I would like to know whether the rest of them have been directed to new schools. If not, the Ministry should look into this matter in the Perak State to ensure that every child who has passed his examination be given a place in a new school for his further education; it should look into the delay in posting of the pupils to new schools.

Sir, this sort of delayed posting not only happened to L.C.E. pupils but also to Form V pupils who were going to Form VI in Perak last year. The result of the F.M.C. were announced in March and the Ministry had selected successful pupils for Form VI classes in May and also the second group in June. The Education Department in Perak just simply delayed in allocating places to pupils in the second group until late in July. This caused the pupils to complete their whole

year's syllabus within one term. This shows how irresponsible the staff in the Perak Education Department are to cause a lot of inconvenience to all concerned. It is time that the Ministry looked into these few irresponsible officers with grave concern and, to be frank, many of them have been there since their first appointment. The Government should transfer them to serve in other States and then only they will appreciate and understand the difficulties of the parents and pupils.

Sir, the public has given the label "Nepotism and Favouritism" to the Education Department in Ipoh because only those teachers who are related to the Organizer of Schools or close family friends are eligible to get transferred to the best urban schools and under the Aziz Scheme teachers have been considered Government servants and they enjoy the privilege of transfer from rural areas to the urban schools.

Sir, I have noticed that only those who are related or family friends of the Organizer had the chance to be transferred from the rural schools to the urban schools. For instance, a teacher from Pantai Remis was transferred to Menglembu because he stated that his wife was in Ipoh. That was not true. His wife was attached to J.K.R., Lumut. But then the Organizers transferred him back to Sitiawan this year because last year there was no vacancy at all in Sitiawan. So, this sort of transfer from one school to another school back to the nearest school only results in favouritism. So, to enable him to get out of Pantai Remis he was first transferred to Menglembu and then to Sitiawan and my investigation found that that teacher is a close relative of the Organizer of Schools. Again, Sir, a teacher from Pangkor was transferred to Pekan Gurney when he had served only four months and he is also a family friend of the Organizer. So he has been transferred to the nearest school of his own choice. Many teachers who have been serving for more than 15 years in the rural areas have not been transferred to the nearest schools where they have been asking for.

Sir, is this not what the public call nepotism and favouritism? Yes, of course it is and I urge the Ministry to look into the transfer of teachers within Perak State and it

should not be in the hands of the Organizer to practise nepotism or favouritism at random.

Sir, I wish to bring to the notice of the Ministry about the shortage of textbooks in schools especially the Malay Schools, Tamil Schools, and Chinese Schools and also the Remove Classes. The textbooks are expensive and the parents find it difficult to send their children to school. I know that some textbooks are provided but these books are hardly sufficient and are very inadequate and in many cases children have to share these books. It is shocking to find that one textbook is shared by two or three pupils in the Tamil Schools in the estates. What can we expect of them if such is the situation? At least the Ministry should see that help would be given to pupils who deserve help by providing them with free textbooks, but I definitely say that whatever has been done has been very inadequate. In the case of Malay pupils who had gone to the Remove Classes—of course there is quite a large number—I think no assistance regarding textbooks has been given by the Ministry but assistance only came from the Social Welfare Department. This is a sad state of affairs and many parents wanted to stop their children from going to schools because of expensive textbooks. The children themselves play truant because they don't have textbooks and they dare not go to school for fear of having no textbooks when others have. Therefore, I would like the Ministry to devise a better system of supplying textbooks. I think special aid should be given to the schools directly so that schools can have a supply of books to help the deserving pupils to acquire the textbooks on rotation system.

Now, touching on pensionable posts in schools, I would like the Ministry to explain why when 98% of the teachers in the country have opted for the new schemes, they are required to contribute to the E.P.F. monthly. The new salary schemes were implemented by back-dating them to 1-1-70, but the teachers are still contributing five per cent of their salaries to E.P.F. when the Government's contribution of five per cent had been withdrawn.

Tuan Pengerusi: Habis?

Tuan Su Liang Yu: No. Since 1-1-70 teachers who have opted into the Aziz Scheme had been considered as Government servants. According to the General Orders, Government servants have to apply to the Board to be exempted from E.P.F. contributions after their confirmation or after passing certain examinations, but teachers are all qualified and it should be the duty of the Government to inform them of such procedures; if not, confirm their appointment and stop them from further contributions to the E.P.F. Board.

Sir, it is unfair for the Government to hold the E.P.F. contributions and they should be refunded to all the Government servants who have been placed into the pensionable establishment because those contributions are more or less their savings and they could be used to purchase house lots rather than having to borrow money from the Government. That is all. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bercakap Kepala B. 20—Kementerian Pelajaran. Saya cuma hendak bercakap dengan rengkas sahaja.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini sewajarnya menerima peruntukan yang lebih banyak dari Kementerian yang lain, kerana diketika di seluruh rakyat Malaysia dari segenap lapisan tidak putus-putus, saban hari ini membincangkan pelajaran anak mereka, yang lebih melegakan ibubapa sekalian pada saat yang akhir ini ketegasan dan kebijaksanaan pentadbiran pelajaran di Kementerian ini membuat beberapa perubahan dengan memenuhi kehendak sebagai melayakkan rakyat Malaysia ini agar mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi supaya mereka memenohi kehendak Dasar Ekonomi Baharu dan pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Pecahan-kepala 4100—Aktiviti (10) (b) Sekolah-sekolah Agama Rakyat, peruntukannya sebanyak \$600,000. Saya hendak memandang sekolah ini dijadikan satu sungutan kepada ibubapa sebab kehasilan anak-anak yang belajar di sekolah ini tidak memuaskan. Oleh itu saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya menimbangkan dan mengkaji balik Sekolah Agama Rakyat ini diambil alih oleh Kementerian Pelajaran. Sekiranya Kerajaan Negeri

Kelantan telah mengambil alih Sekolah-sekolah Ugama Rakyat negeri itu, saya fikir tidak ada salahnya Kementerian ini juga mengambil Sekolah-sekolah Ugama Rakyat dijadikan di bawah pentadbiran Kementerian ini. Kalau kita boleh mengambil sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil (India), mengapa tidak boleh kita mengambil sekolah-sekolah ugama ini diuruskan dan ditadbirkan oleh Kementerian ini. Malahan pula kita tengok bahawa bangunan-bangunan sekolah itu telah menyempurnakan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Pelajaran pada segi kesihatan dan lain-lain, hanya yang menjadi kesusahan ibubapa dalam masaalah pentadbiran dan juga guru-guru yang mengajar di sekolah ini. Kita mengharapkan bahawa sekolah ini akan dapat mengeluarkan anak-anak kita yang mempunyai ilmu pengetahuan sama dengan kelulusan yang diperolehi di sekolah-sekolah Kerajaan. Saya memahami bahawa sekolah ugama rakyat ini juga penuntut-penuntut yang masuk di sekolah itu ialah daripada murid-murid yang tercicir dan ini tidak lepas daripada tanggungjawab Kerajaan sebagai bertanggungjawab kepada anak-anak rakyat dalam negeri ini.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya berasa lega dengan wujudnya Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menyelesaikan masaalah buku dan lain-lain ada kaitan dengan bahasa dan sastra, tetapi dengan adanya beberapa peraturan yang tidak mengizinkan Dewan ini bergerak sebagai firma perdagangan seperti penerbitan swasta yang lain.

Oleh sebab itu, penerbitan buku dari Dewan ini bukan sahaja digunakan dalam negeri ini, tetapi termasuk di luar negeri. Telah sampai masa dan ketikanya dibentuk sebuah Suruhanjaya untuk mengkaji kelemahan-kelemahan dan kesilapan di Dewan ini yang dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang ini supaya buku dapat digunakan semula oleh semua peringkat. Di antara yang dihadapi oleh Dewan Bahasa dan

Pustaka ini sekarang, adalah ditakuti iaitu ada komplot yang menghasut guru-guru besar dalam negeri ini supaya jangan menggunakan buku-buku penerbitan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menggunakan berbagai-bagai hujjah yang dapat diterima oleh guru besar itu.

Yang kedua, sistem mengadakan wakil tunggal tiap-tiap Negeri itu patut dikaji balik, sebab setengah-setengah wakil tunggal yang mengambil buku, membekalkan buku kepada tiap-tiap Negeri itu ada yang kita dapat tahu kalau kita berikan kepada bumi-putra mereka Ali-Babakan dan kadang-kadang guru, ibubapa ataupun pekedai hendak mengambil buku daripada ejen-ejen yang tertentu di tiap-tiap Negeri itu, tidak ada bukunya. Masaalah ini patut kita kaji semula supaya diberikan kebebasan kepada daerah-daerah ataupun tiap-tiap kawasan pilihanraya Parlimen kita adakan satu ejen membeli buku-buku daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lagi satu perkara yang ada kaitan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka ini, Tuan Pengerusi, melalui Dewan ini hendaklah kita menghantar seberapa banyak yang boleh ahli-ahli penyair dan sastra penulis kita meninjau negara-negara Asia yang masyhur kerana mengambil bahan-bahan isi buku yang bermutu, jangan hendaknya kita hanya menghantar ahli-ahli sastra dan ahli penyair kita ini daripada negara-negara Eropah dan buku-buku Amerika tatkala itu negeri kita ini dimuat dan dipenuhi Dewan Bahasa dan Pustaka ini dengan buku-buku daripada negara Asia, kerana buku-buku yang bermutu di Asia ini akan lebih berselira diterima oleh pelajar dan orang-ramai adalah dalam lingkungan Asia.

Saya mengucapkan tahniah, kepada kerjasama yang diberi oleh Polis menggelidahkan kumpulan penyamun buku-buku dalam negeri. Ini satu usaha yang sangat baik, kalau kita tidak awasi usaha yang dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini akan menggagalkan cita-cita Kerajaan hendak

membekal buku yang sempurna kepada rakyat dalam negeri.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam masaalah Pusat Latihan Maktab Perguruan

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambungkan ucapannya esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.